

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 57**

**Khamis**

**30 November 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 6)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b> Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 6)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017	(Halaman 34) (Halaman 123)
<b>USUL-USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah P.M.62	(Halaman 25) (Halaman 137)
<b>USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:</b> Akta Kastam 1967 Akta Eksais 1976 Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014	(Halaman 138) (Halaman 140) (Halaman 147)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 30 November 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, tindakan kementerian bagi menangani fenomena banjir yang kerap berlaku di Kota Samarahan yang ada kaitan dengan keupayaan sistem saliran di Jalan *Kuching-Samarahan Expressway*, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Stakan, dan sistem saliran di Sekolah Kebangsaan Jalan Muara Tuang.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran dalam perancangan untuk melaksanakan projek berikut:

- (i) Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Sarawak (RTB Kuching); dan
- (ii) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Stakan.

Kejadian banjir yang sering berlaku adalah disebabkan oleh sistem saliran yang tidak sempurna. Saliran di *Jalan Kuching Expressway* sepanjang satu kilometer saliran Sekolah Kebangsaan Jalan Muara Tuang merupakan sebahagian daripada skop RTB Kuching yang sedang dalam proses tender.

RTB Kuching melibatkan pembangunan sistem saliran merangkap sepuluh kawasan pembangunan di bandar Kuching yang akan dilaksanakan dengan kos RM150 juta tidak termasuk *land acquisition* yang telah baru diluluskan oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM41 juta, Tuan Yang di-Pertua. Projek ini sedang dalam proses tender dan pelaksanaan kerja-kerja fizikal dijangka akan bermula pada Oktober 2018. Manakala RTB Sungai Stakan merupakan kesinambungan kepada RTB Kuching yang melibatkan skop sistem saliran yang telah diluluskan dengan kos projek berjumlah RM10 juta. Pembangunan fizikal projek ini dijangka akan dimulakan pada September 2018.

Bandar Kuching sering mengalami banjir setiap kali hujan lebat terutamanya musim tengkujuh. Ini kerana limpahan air sungai dan kapasiti sistem saliran sedia ada di bandar Kuching tidak mampu menakung dan mengalirkan air larian sebab pembangunan yang pesat. Antara kejadian banjir pada tahun 2004, Februari 2007 dan Januari 2006. Pada Februari 2016, terdapat tiga kejadian banjir yang telah menjejaskan beberapa kawasan kritikal seperti

Hospital Umum Sarawak, kuarters kerajaan, Jalan Batu Lintang, Kampung Sungai Bedil, Taman Malihah dan Kampung Gersik.

Banjir juga berlaku di beberapa kawasan di Kota Samarahan. Beberapa kawasan dalam tadahan *tributary* Sungai Sarawak dan Sungai Kuap. Antara kawasan lain yang terjejas adalah Taman Uni Garden dan Sekolah Kebangsaan Muara Tuang. Pembangunan sistem perparitan saluran Sungai Stakan akan menyumbang kepada RTB Kuching merangkumi kelencongan banjir Sungai Sarawak, Batang Salak sepanjang lapan kilometer dengan anggaran kos RM1.86 bilion. Dalam RMK-11 sebanyak RM148 juta telah diluluskan untuk pembinaan lencongan RTB Kuching fasa pertama. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu kita tunggu-tunggu kan. Terima kasih atas tindakan yang telah dilaksanakan. Namun begitu saya ingin hendak bertanya, bilakah anggaran- sebab dimaklumkan tadi kerja-kerja tender sedang dibuat. Bilakah anggaran *physical work*, kerja-kerja fizikal dilaksanakan di tempat-tempat berkenaan? Satu lagi, apakah dalam *master plan* pengairan Kuching-Samarahan hanya sedikit sahaja kawasan Samarahan yang terlibat dalam *master plan* berkenaan. Adakah perancangan kementerian untuk menambah ke kawasan-kawasan lain di sekitar Bandar Samarahan dimasukkan dalam *master plan* berkenaan? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila projek ini dimulakan pada tahun 2012 dahulu, kita ada mempunyai berhenti sedikit pada tahun 2014 dan tahun 2015 kerana tidak ada peruntukan yang disalurkan untuk membina projek ini. Akan tetapi kajian pada ketika itu tidak memuaskan apabila saya memasuki kementerian ini saya buat kajian semula menerusi pakar-pakar yang betul-betul mengetahui macam mana *to handle the stormwater*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kajian dahulu ialah soalan air sungai dan air daripada laut. Jadi saya masuk dengan kajian *stormwater problem*. Jadi itu, perubahan bermula dan perubahan baru dimulakan dan sekarang kita masih dalam peringkat teknikal untuk kajian keseluruhannya di bandar Kuching. *Insyah-Allah* kalau yang RM191 juta ini dilaksanakan nanti, keadaan di Kuching akan berubah.

#### ■1010

Yang Berhormat, *insyallah* walaupun tidak termasuk dalam Kota Samarahan, kita buat kajian juga pada masa hadapan di Kota Samarahan dalam perancangan kita melaksanakan tebatan banjir di Kuching. Terima kasih.

**2. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, faktor pelantikan dan bayaran nilai kontrak kepada pemain bola sepak Barcelona- Luis Suarez sebagai Duta Pelancongan Malaysia.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, *Tourism Malaysia* telah mendapat hak eksklusif menggunakan penyerang Kelab FC Barcelona yang bertaraf dunia iaitu Luis Suarez yang amat popular di

kalangan peminat bola sepak di Rantau Asia khususnya di Indonesia dan China mempunyai jumlah pengikut seramai 25.3 juta di *Instagram*, 18.9 juta di *Facebook*, dan 12.4 juta di *Twitter*.

Melalui kempen pengiklanan ini, *Tourism Malaysia* boleh menggunakan bintang bola sepak ini bagi mempromosikan destinasi pelancongan menarik di Malaysia khusus kepada bintang dan peminat bola sepak dari seluruh dunia melalui media sosial beliau. Melalui kempen pengiklanan *Tourism Malaysia* dengan kerjasama Mediapro Asia, mesej mengenai melawat Malaysia di 90 skrin LED yang terdapat di 18 buah stadium yang melibatkan perlawanan La Liga musim 2017-2018. Mesej ini juga akan dipaparkan di 30 skrin *Digital Board Replacement* (DBR), disiarkan di China, Hong Kong, Taiwan, Macau dan di negara-negara lain di Rantau Asia semasa siaran perlawanan yang melibatkan pasukan *Real Madrid* dan *FC Barcelona*.

Jumlah penonton di Asia adalah sebanyak 225 juta, manakala di China sebanyak 445 juta penonton manakala di Eropah sebanyak 72.4 juta penonton. Kempen pengiklanan bersama Mediapro Asia ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7.5 juta yang merangkumi RM4.4 juta adalah untuk pembelian media di kesemua 18 stadium di mana perlawanan La Liga berlangsung, dan RM3.1 juta adalah kos pembikinan *part video* berdurasi 60 saat bagi Luis Suarez mempromosikan destinasi pelancongan, budaya, makanan dan sukan tradisional Malaysia melalui media sosial beliau dan *Tourism Malaysia*.

Buat masa ini, Malaysia adalah negara pertama di Asia yang telah bekerjasama dengan pemain bola sepak terkemuka dari Kelab *Barcelona*, dan negara ini akan menjadi destinasi percutian beliau pada tahun hadapan selepas tamat Piala Bola Sepak, dunia.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Luis Suarez ini mempunyai masalah disiplin. Pada tahun 2010, dia menggigit telinga pemain PSV, gantung tujuh permainan; tahun 2013 juga menggigit pemain Chelsea, juga digantung; dan tahun 2014 dia menggigit pemain Itali; digantung sembilan perlawanan. So, saya rasa satu masalah yang- pemain yang ada masalah disiplin, mengapa dilantik sebagai Duta Pelancongan Malaysia. So, saya rasa ini satu langkah yang kurang bijaksana. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Parlimen dalam Dewan ini perangai teruk tetapi ada juga penyokong-penyokong dia. Jadi jangan kita hukum orang semata-mata kerana apa yang telah berlaku di masa yang lepas.

Pertama sekali, apa yang berlaku itu adalah dalam keadaan dia bermain bola. Akan tetapi yang penting saya sebut di sini kalau Yang Berhormat mungkin lebih daripada dialah- saya sebut di sini iaitu bahawa kalau dia ini jahat sangat, takkan lah dia punya *Instagram* sampai 25.3 juta.

Kalau dia jahat orang tidak *follow* dia. Dia punya *Facebook* 18.9 juta, dan dia punya *Twitter* 12.4 juta. Apa ini semua? Statistik menunjukkan iaitu bahawa dia memang seorang *player* yang popular. Kadangkala kita tidak tahu, faham *fan-fan* ini, dia punya pengikut-pengikut ini. Jadi yang penting kita lihat kepada statistik jelas menunjukkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu langsung tidak menjadi fakta yang penting.

Orang tetap memberi sokongan kepada dia dan yang penting bukannya dia main di Sepanyol itu yang penting bukan kita hendak iklan sangat di Sepanyol yang pentingnya ialah

penonton dia di negara China, 445 juta penonton yang akan melihat disiarkan di negara China dan juga di Asia, 225 juta. Jadi pada keseluruhannya kita dapat 800 juta lebih yang mengikut permainan bola sepak La Liga itu. Jadi yang penting kita hendak supaya ramai pelancong-pelancong daripada Asia, daripada China, Macau, Hong Kong datang ke negara kita dan kita boleh sampai kepada mereka.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah tugas-tugas khas yang diberikan kepada Luis Suarez dan jangkaan pelancong yang akan datang ke Malaysia hasil daripada pelantikan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita minta kepada dia *score* gol sahajalah kan, lagi banyak dia *score* gol, lagi dia orang suka dia. Kemudian dia juga akan mengeluarkan perkataan-perkataan yang mengajak penonton-penonton untuk- bakal-bakal pelancong untuk datang ke negara kita, dan ia disiarkan di 18 stadium setiap kali ada pertandingan, dan kalau sekiranya Barcelona dan Real Madrid main, akan ditunjukkan empat kali, tidak silap saya 60 saat itu, empat kali dalam satu *game*.

Jadi apa yang perlu dia lakukan ialah pertama, dia *score* gol banyak-banyaklah. Keduanya, dia akan menceritakan tentang- datanglah bersama dia untuk melawat Malaysia yang dia akan lakukan apabila berakhirnya *season* pada bulan enam tahun hadapan. Jumlahnya kita hanya boleh tahu daripada apa yang akan dipamerkan seperti mana saya telah sebut. Ia akan disiarkan kepada 225 juta di Asia, 445 juta di China dan 72.4 peratus di Eropah. Kalau jumlahnya semua dalam 800, kalau dapat 10 peratus, 1 peratus pun sudah banyak. Terima kasih.

**3. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, mengikut data kementerian, berapakah jumlah permohonan pembangunan atas tanah bukit di Pulau Pinang telah diluluskan antara tahun 2001-2017, dan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengguna pakai garis panduan yang telah disediakan oleh kementerian.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak maklumkan bahawa soalan ini ditanya daripada tahun 2001- 2017. Dan saya hendak maklumkan bahawa KPKT melalui Pelan Malaysia hanya terlibat selepas rancangan *structure* diwartakan pada tahun 2007, sebelum itu hanya PBT yang putus. Jadi kerana itu izinkan saya menjawab daripada tahun 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Perangkaan Pelan Malaysia, sebanyak 30 permohonan sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2017 melibatkan perubahan *zoning*, dan juga kepadatan atau *density* di kawasan tanah bukit di Pulau Pinang. KPKT melalui Pelan Malaysia terlibat secara langsung untuk memberi syor kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri ataupun CPC untuk pertimbangan kelulusan. Daripada 30 permohonan, hanya 17 yang diluluskan. Daripada 17 permohonan yang diluluskan, ada 11 permohonan yang tidak disokong oleh Pelan Malaysia, Pulau Pinang iaitu projek bilangan 2/2012, 1 dan 2/ 2013; 1 dan 3/ 2014; 2, 3 dan 4/ 2015; 3/2016; serta 1 dan 2/2017.

## ■1020

KPKT melalui Perlembagaan Malaysia, juga telah menyediakan Garis Panduan Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi yang telah diterbitkan pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pulau Pinang telah menggunakan garis panduan mereka sendiri yang dinamakan *Safety Guideline For Hillside Development 2012* bagi menyesuaikan dengan keadaan muka bumi negeri berkenaan. Terima kasih.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Insiden yg baru-baru ini berlaku di Tanjung Bungah yang melibatkan sebelas nyawa terkorban dan insiden banjir lumpur terburuk dalam sejarah yang melibatkan tujuh nyawa terkorban. Ini sudah tentu menjadi satu pengajaran kepada kita. Jadi adakah rakyat dan NGO-NGO diberikan hak untuk membuat bantahan terhadap mana-mana projek terutamanya di kawasan lereng bukit yang boleh memberikan impak keselamatan kepada penduduk sekitar? Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian sekiranya menerima bantahan? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, apabila Yang Berhormat kata insiden Tanjung Bungah itu salah satu projek yang *Malaysian Plan* tidak sokong tetapi diluluskan dengan syarat-syarat yang tertentu. Kemudian, Yang Berhormat bertanya bahawa mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], seksyen 21(6), bahawa sebelum permohonan ini dibuat, ia mestilah dipamerkan dan untuk pendengaran awam, ertinya di mana ada tanah-tanah yang berjiran yang sebenarnya yang berdekatan boleh membuat bantahan. Dalam tempoh 21 hari, dia boleh membuat bantahan. Apabila bantahan ini dibuat, maka Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah memberikan pertimbangan sama ada mereka terima ataupun mereka menolak bantahan daripada jiran-jiran sekitarnya.

Jika ia ditolak, maka projek tersebut sepatutnya tidak boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya juga hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa ada sesetengah projek di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tolak terutamanya yang contohnya di Sungai Ara di mana projek yang diluluskan oleh bekas Kerajaan Barisan Nasional telah ditolak kerana atas faktor keselamatan. Jadi ini bermaksud bahawa kerajaan negeri pun dia mempunyai *guideline* yang sangat ketat. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, boleh tolong jawab adakah negeri-negeri lain juga boleh mengguna pakai garis panduan sendiri kerana *geographical situations* yang berbeza? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak KPKT 2009 ini, sebagai garis panduan. Akan tetapi mengikut peraturannya pihak negeri ya oleh sebab ini kuasa negeri. Kita berikan panduan dan dalam Perlembagaan pun ini *list- Senarai Bersama*. Jadi masing-masing boleh buat perancangan. Saya lihat ada juga negeri-negeri yang mengguna pakai *guideline* mereka sendiri. Ada beberapa negeri yang buat, jadi ini seperti yang saya katakan tadi kemungkinan

negeri tersebut dia mengikut kesesuaian muka bumi dan juga geografi dalam sesebuah negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini berakhir.

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan di Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan 2017).
2. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan 2017).
3. Akta Pengangkutan Awam dan Darat (Pindaan 2017).
4. Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.
5. Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan 2017).

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan, hala tuju pendidikan dan kurikulum pusat-pusat tahfiz di negara ini, serta langkah Kerajaan dalam mewajibkan piawaian keselamatan bagi pusat tahfiz yang beroperasi di negara ini dipatuhi sepenuhnya tanpa sebarang kompromi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk juga kepada Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1996 ataupun undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu aspek kurikulum sekolah berkenaan juga adalah berada di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri berkenaan.

Dalam usaha menyelaras kurikulum pusat-pusat tahfiz, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf dengan kurikulum pendidikan tahfiz yang dibangunkan telah mengambil kira keperluan mengintegrasikan kurikulum tahfiz dengan subjek teras kurikulum perdana termasuklah keperluan menduduki SPM juga keperluan kemahiran teknikal dan industri. Model pengajian tahfiz yang

dibangunkan merangkumi empat model yang boleh saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, Tahfiz Turath iaitu Pengajian Tahfiz Al-Quran bersama kitab-kitab Turath ataupun kitab-kitab yang lama diterjemahkan, diceritakan dan dihuraikan oleh kalangan pensyarah atau penceramah mereka.

Kedua, Tahfiz Sains iaitu Pengajian Tahfiz Al-Quran bersama dengan mata pelajaran Sains. Ini kita boleh lihat di Wilayah sebagai contoh, kita ada Sekolah Menengah Sains Tahfiz (SMISTA) bersekali dengan pendidikan sains yang membawa kepada satu pendedahan akademik dan tahfiz sekali gus.

Ketiga, ialah Tahfiz Dini iaitu Pengajian Tahfiz Al-Quran bersama mata pelajaran Agama Islam.

Keempat, Tahfiz Kemahiran iaitulah Pengajian Tahfiz Al-Quran bersama dengan modul kemahiran termasuklah khususnya yang terkini dengan kita sekali lagi berkolaborasi bersama dengan MARA dan juga Program GiatMARA yang diterapkan melalui Pengajian Tahfiz Al-Quran.

Terkini dalam usaha menambah baik sekolah tahfiz, kerajaan telah menubuhkan *High Level Committee* (HLC) mengenai pasukan petugas, sekolah-sekolah tahfiz yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan jawatankuasa ini mencadangkan penambahbaikan dalam semua aspek termasuklah aspek keselamatan di sekolah-sekolah tahfiz. Kerajaan telah mengarahkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat pemeriksaan keselamatan dan juga termasuklah institusi tahfiz di seluruh negara dan penambahbaikan dengan melibatkan khususnya daripada kalangan GiatMARA dan juga lain-lain institusi yang berkenaan di kawasan setempat bagi menambah pembaikan terutamanya dalam aspek keselamatan, terutamanya fokus kepada pendawaian ataupun elektrik yang berada dalam kawasan persekitaran Maahad Tahfiz negeri dan juga di tempat masing-masing. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan untuk mengkaji kembali syarat-syarat dan kriteria dalam pemberian lesen kepada pusat tahfiz untuk beroperasi serta pemantauan kerajaan terhadap guru-guru yang berkelayakan sahaja untuk dibenarkan mengajar bagi melahirkan *huffaz* profesional dan mengurangkan perbezaan jurang akademik antara sekolah tahfiz dan aliran kebangsaan dan cadangan memasukkan elemen TVET dan kurikulum pusat tahfiz setakat ini? Terima kasih.

■1030

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar. Di mana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi, seiring dengan apa yang telah saya sebutkan tadi, kehendak dan juga harapan kerajaan. Mungkin dapat saya bawa balik sedikit ke belakang di mana kita dulu ada sekolah-sekolah agama negeri dan juga sekolah agama rakyat. Akan tetapi dengan pendekatan yang telah dilaksanakan secara berhemah, kita mewujudkan apa yang dipanggil



dengan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) di mana usaha pendaftaran di peringkat negeri dan juga di peringkat Persekutuan dilaksanakan.

Kebelakangan kita sudah melihat bahawa ada di sana anjakan-anjakan yang baik kepada sekolah-sekolah agama ini. *Now*, sekarang Tuan Yang di-Pertua kita bercakap soal sekolah-sekolah tahfiz yang mana Yang Berhormat Paya Besar sebutkan tadi ialah tentang penguatkuasaan pelesenan. Kita bersetuju bahawa hal yang seperti ini kadang-kadang kalau tidak dikawal, ia tumbuh umpama cendawan tetapi dalam keadaan yang begitu rendah dari sudut standard yang dilaksanakan terutamanya kawasan penempatan, kawasan pengajian dan juga persekitaran. Ini termasuk juga sistem pendawaian, penjagaan disiplin dan sebagainya.

Maka, sekali lagi saya sebutkan tadi bahawa pihak Persekutuan melalui penubuhan jawatankuasa khas yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan penubuhan *High Level Committee* (HLC) yang saya sebutkan, kita telah memberikan cadangan. Termasuk kerajaan telah mewujudkan satu Dasar Tahfiz Negara yang mana dasar ini kita cadangkan pada negeri.

Berbalik kepada jawapan saya tadi Yang Berhormat Paya Besar, sekali lagi saya sebutkan bahawa ini merupakan bidang kuasa negeri. Maka Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah bekerjasama dengan kerajaan negeri terutamanya Pejabat Majlis Agama Islam untuk supaya diperkemas. Dasar ini diterapkan di peringkat bawahan iaitu Dasar Pendidikan Tahfiz termasuk juga cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh pihak *High Level Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memperlihatkan betapa kita serius untuk membantu sekolah-sekolah tahfiz ini ke arah peningkatan yang lebih baik.

Keduanya ialah berkenaan dengan guru-guru yang tadi ini kalau kita ingin melihat apabila guru itu mempunyai guru yang terlatih dan ia akan mampu nanti akhirnya melahirkan *huffaz-huffaz* yang profesional bukan hanya dalam bidang hafalannya. Maka hari ini kita sudah mula melihat saya sebutkan tadi ada empat kategori ataupun empat cabang tahfiz yang daripada Tahfiz Turathnya termasuk sekolah menengah sains dan tahfiz. Hari ini untuk makluman Dewan sekalian, bahawa sudah ada anak-anak pelajar kita yang dia belajar macam contoh di Wilayah Persekutuan, kita ada semester sekolah menengah sains dan tahfiz di Wilayah Persekutuan yang anak ini mengambil peperiksaan SPM.

Mereka ada yang mendapat 10A, 11A dan anak yang mendapat cemerlang dalam SPM dari sudut akademik dalam masa yang sama mereka adalah merupakan penghafal al-Quran, *huffaz*. Jadi sekali gus daripada gabungan kedua-dua ini dia lahir daripada sekolah-sekolah yang sebagaimana saya sebutkan Ulul Albabnya sekolah semester sains dan tahfiz al-Quran serta berapa institusi pendidikan yang lain.

Namun, kita tidak menolak di belakang sana ada lagi, masih lagi sekolah-sekolah yang di sudut serba-serbinya agak daif. Maka sebab itu elemen TVET yang disebutkan oleh Yang Berhormat Paya Besar sebentar tadi sudah pun kita gabungkan pada hari ini. Kita sudah ada mengadakan *National-Blue Ocean Strategy* bersama dengan GiatMARA melalui pihak MARA dan juga kita ada *National-Blue Ocean Strategy* dengan pihak KPKT untuk

pembangunan mereka dijaga dari sudut keselamatan terutamanya untuk kawasan-kawasan sensitif yang mudah terbakar.

Kerajaan telah meletakkan satu bajet tahun ini dan juga tahun hadapan untuk pendawaian semula. Oleh sebab kita melihat kesan kebakaran ini ia kebanyakan daripada *report*, ia bermula daripada kawasan-kawasan pendawaian dan juga elektrik yang menyebabkan kesan tersebut. Maka sebab itu, elemen TVET saya katakan tadi telah pun mula diserapkan kepada anak-anak ini. Maknanya dia bukan hanya keluar sebagai *huffaz*, sekali gus dia mempunyai kemahiran yang lain. Sama ada memperbaiki motosikal, telefon, membuka perusahaan sendiri kek dan sebagainya tetapi sekali gus dia adalah seorang *huffaz*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dalam soal aspek keselamatan di pusat tahfiz ini diberikan penekanan. Ia tidak boleh kita berkompromi. Cuma persoalan saya ialah berkenaan dengan peruntukan yang diperuntukkan dalam Bajet 2018 lalu, RM50 juta untuk pendawaian ini, adakah ia termasuk untuk dari segi aspek pencegahan ataupun alat pencegahan kebakaran?

Ini kerana kos ini begitu tinggi untuk dibiayai oleh maahad tahfiz ataupun sekolah-sekolah tahfiz rakyat terutamanya. Saya minta penjelasan, adakah RM50 juta ini hanyalah untuk pendawaian sahaja ataupun bersama-sama untuk pencegahan kepada kebakaran? Ini benda yang perlu diambil kira di dalam soal untuk kita hendak menjaga keselamatan tahfiz. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada rakan Yang Berhormat Bukit Gantang. Berkenaan dengan peruntukan kerajaan untuk tahun ini sebanyak- peruntukan segera yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM30 juta hasil daripada- bukan soal hasil tetapi kesan daripada pandangan masyarakat dan juga keprihatinan kerajaan menyedari apabila kawasan kita terbakar dekat dengan Ittifaqiyah di Keramat baru-baru ini dan diikuti kemudiannya di Negeri Sembilan dan satu lagi di Kapar, Selangor ia berikutan.

Daripada kajian yang dibuat, banyak ia terkesan daripada apa yang dipuncakan kepada sistem pendawaian dan peruntukan untuk RM50 juta yang diumumkan itu ialah untuk tujuan pendawaian. Akan tetapi pada minggu mesyuarat yang lalu kita mendapat pandangan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Bomba memberikan cadangan dia kata bukan hanya sekadar pendawaian itu sahaja tetapi dia memerlukan kepada sistem yang memberikan amaran segera awal, dengan izin, *smoke detector* sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, bahawa perlukan ada dipasang. Kos pemasangan ini mungkin agak memakan kos yang mungkin memerlukan kepada perkiraan tetapi kita masih lagi mendapat pandangan pihak bomba, boleh atau tidak disekalikan bukan hanya sekadar termasuk peralatan untuk pencegahan awal yang disediakan.

KPKT melalui bomba, Tan Sri Noh Omar telah pun mengumumkan juga mereka telah menubuhkan selain daripada peralatan hendak dipasang, termasuk anak-anak ini Tuan Yang

di-Pertua dilatih untuk tujuan menjadi bomba sukarela di peringkat mereka. Paling tidak mereka dapat membantu untuk pencegahan awal ataupun untuk menangani masalah awal ini. Cuma kita dapati Yang Berhormat Bukit Gantang dan juga rakan-rakan Ahli Dewan bahawa ada sekolah-sekolah itu yang dibina di kawasan penempatan yang agak amat terpencil, yang sukar untuk kenderaan bomba sampai dan sebagainya. Ini juga menjadi faktor yang kita ambil kira dalam perbincangan kita.

Dalam masa yang sama juga ialah kawasan-kawasan yang diwujudkan dengan rumah-rumah ataupun tempat-tempat untuk tahfiz ini kadang-kadang ia amat bergantung kepada apa yang boleh saya simpulkan ialah wakaf yang ada orang wakafkan rumah, ada orang wakafkan kedai. Akan tetapi *environment* dan situasi di sekeliling itu tidak sesuai untuk pendidikan tahfiz. Ini juga diambil kira dalam mesyuarat dan cadangan-cadangan penambahbaikan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa memandang tinggi keperluan untuk peningkatan maahad tahfiz ini terutamanya dari sudut keselamatan. Oleh sebab pada kita, walaupun kita hari ini ada pendaftaran yang 600 lebih dan kita difahamkan ada lagi lebih daripada 1,000 maahad-maahad tahfiz yang tidak berdaftar. Mungkin kerana mereka melihat kecilnya ia punya tempat dan juga jumlah pelajar jadi mereka memikirkan untuk tidak daftar. Namun, dalam keputusan yang telah dibuat kita akan memperbaiki semua tempat ini kerana semua ini adalah merupakan tempat yang melibatkan soal nyawa manusia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah butiran terperinci mengenai Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN), kos penubuhan dan operasi di samping risiko campur tangan eksekutif dan kebebasan terhakis dalam usaha membanteras rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan sumber, dana dan kuasa.

#### ■1040

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 24 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* kita hari ini yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus yang menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pengurusan integriti dan tadbir urus, baik kerajaan merangkumi aspek yang meluas dalam sistem pentadbiran kerajaan dan inisiatif anti rasuah merupakan sub set kepada aktiviti pengurusan integriti. Kelemahan tadbir urus berulang yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, prestasi kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah dan penangkapan kes-kes rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi isyarat bahawa penambahbaikan perlu untuk diperkasa bagi memacu perubahan, sama ada dalam sektor swasta ataupun sektor awam.

Kerajaan sedia maklum akan kewujudan dan peranan agensi-agensi sedia ada dalam pengurusan integriti dan tadbir urus negara seperti SPRM, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Namun, pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan terus dipertingkatkan dengan Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Nombor 1, Tahun 2014, berkaitan gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus di mana matlamat agenda integriti dan tadbir urus baik negara boleh lagi diperkukuh melalui perancangan strategik, perancangan pelaksanaan secara rapi oleh sebuah agensi peneraju.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, SPRM melalui Akta SPRM 2009 bermatlamat untuk menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta melaksanakan fungsi penguatkuasaan bagi membanteras rasuah. Sebagai sebuah suruhanjaya, SPRM boleh mengesyorkan kepada kerajaan tentang langkah-langkah penambahbaikan bagi membanteras rasuah. Namun, pelaksanaan dasar dan inisiatif pemantapan integriti yang mencakupi bidang yang lebih luas daripada hanya pencegahan rasuah semata-mata dan tadbir urus adalah di bawah tanggungjawab agensi perkhidmatan awam di bawah pentadbiran kerajaan.

Mandat yang sama diberikan kepada SUHAKAM yang antara fungsinya termasuklah mengesyorkan kepada kerajaan, langkah-langkah yang perlu diambil berhubung isu-isu hak asasi manusia. Selain itu, INTEGRITI pula ditubuhkan untuk memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan pada tahun 2004 bertujuan untuk membudayakan nilai integriti merentasi seluruh rakyat Malaysia. Manakala SIAP berperanan sebagai badan bebas yang memantau integriti dan tadbir urus agensi penguatkuasaan di bawah Akta 700.

Pengurusan integriti dan tadbir urus negara melibatkan isu dan skop yang lebih meluas dan bukan hanya berfokus kepada isu-isu rasuah sahaja. Pelaksanaannya merangkumi pelbagai peranan dan komponen yang terletak di bawah bidang kuasa pelbagai agensi. Maka, penubuhan JITN yang dibuat di dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Julai 2017 adalah agensi peneraju yang dapat menyediakan mekanisme pengurusan integriti dan tadbir urus baik melalui penetapan dasar yang lebih holistik serta efektif untuk dilaksanakan oleh pelbagai agensi pelaksana tadi.

Penubuhan JITN adalah melalui penjenamaan semula Bahagian Integriti dan Tadbir Urus Jabatan Perdana Menteri. JITN akan menerajui perancangan dan pelaksanaan strategik pengurusan integriti dan tadbir urus negara yang berteraskan aspirasi Bidang Keberhasilan Utama Negara membanteras rasuah. Pemantapan tadbir urus ini adalah melalui pelaksanaan penambahbaikan proses sistem dan prosedur tadbir urus agensi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan pemantapan sistem penyampaian kerajaan.

JITN juga akan menjadi agensi peneraju yang akan memastikan isu-isu berhubung hak asasi manusia dapat ditangani dengan lebih sistematik dan berkesan mengikut acuan

Malaysia berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik. Melalui JITN, penyelarasan isu-isu hak asasi manusia akan dapat dilaksanakan melalui pendekatan yang lebih holistik termasuk melalui kolaborasi strategik dan kerjasama yang berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan JITN juga akan membolehkan peranan Ketua Audit Integriti di 887 agensi awam dioptimumkan sebagai agen transformasi bagi membantu kementerian dan agensi pemacu perubahan ke arah pencapaian tadbir urus yang baik supaya tidak hanya dilihat sebagai agen anti rasuah. Dengan itu, SPRM boleh memberi fokus kepada fungsi operasi dan penguatkuasaan memerangi rasuah di bawah Akta SPRM 2009. Tindakan ini juga selaras dengan amalan tadbir urus baik dengan memisahkan fungsi penguatkuasaan dan fungsi pentadbiran dalam kerajaan bagi tujuan *check and balance*.

Cadangan untuk menubuhkan JITN sebagai peneraju inisiatif pemeraksanaan integriti dan tadbir urus negara akan melibatkan implikasi kewangan yang minimum di mana terdapatnya peningkatan gred perjawatan. Dalam masa yang sama, keperluan sumber tenaga manusia bagi penubuhan JITN ini adalah melalui penyusunan semula agensi dan perjawatan melalui, dengan izin, *redeployment* dan pengambilan pegawai dari kementerian, jabatan dan agensi yang lain selaras dengan dasar semasa kerajaan ke arah penggunaan sumber manusia dan peruntukan kewangan secara optimum. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit penjelasan dan dua soalan. Tuan Yang di-Pertua, jika kita ada modal dan menyimpan di bank sebagai simpanan tetap, kita dibayar faedah tidak melebihi tiga peratus atau empat peratus. Ini adalah kerana risiko dan pulangan dijamin oleh Bank Negara dan kerajaan yang adil pada pengguna mendapat hasil dan adil juga pada pengusaha.

Soalan saya, boleh tidak pihak Yang Berhormat Menteri jelaskan, apa rasionalnya membiarkan pengusaha mendapat keuntungan yang begitu lumayan, sangat besar melebihi 30 peratus walaupun kontrak tersebut dibiayai oleh kerajaan atau duit rakyat dan jaminan hasil yang cukup dan kerugian jika ada, ditanggung oleh rakyat. Ini berlaku dalam banyak kes penswastaan. Boleh tidak sekarang kita sudah ada integriti ini, bagaimana kita menyelesaikan perkara ini?

Kedua, adakah usaha kerajaan untuk menyemak kos projek-projek kerajaan kerana kita dapati terdapat angka-angka indeks yang menunjukkan kos untuk membiayai projek kerajaan sangat lebih besar daripada kos yang dibiayai oleh sektor swasta. Jadi oleh itu, terdapat satu ketidakadilan kerana kos-kos ini akan dibayar walaupun dalam keadaan yang agak kelam kabut sedikit sebab ada perkataan penswastaan. Akan tetapi kos itu dibayar dengan cara tol yang sama ada sekarang ataupun berpuluh tahun yang akan datang. Boleh tidak kerajaan terangkan sekarang, bagaimana institut ini boleh membawa keadilan supaya kos yang diberikan atau dikenakan kepada kontraktor itu sesuai dengan *value for money* yang diutarakan dalam beberapa bajet yang diberikan. Saya minta pencerahan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Tuan Yang di-Pertua, saya banyak kali berpeluang menjawab soalan yang ditanya. Inilah soalan

paling mencabar dalam karier saya menjawab soalan, sebab penjelasan saya tentang penubuhan jabatan ini sangat panjang tadi. Soalan ini kalau dalam Bahasa Melayu, saya tidak tahu dipanggil apa, *very profound*, sungguh dalam maksudnya iaitu melihat tentang bagaimana satu projek kerajaan mendapat keuntungan yang lebih besar, termasuk juga kos kalau dibuat secara swasta lebih rendah daripada yang dikeluarkan oleh kerajaan.

■1050

Sebenarnya, yang pertama boleh dijawab tetapi saya bukan berada dalam kedudukan untuk menjawabnya sekarang. Boleh berlaku kesilapan dari segi cubaan menjawab itu. Oleh kerana ada prosedur-prosedur yang menyebabkan, saya rasa Yang Berhormat pun faham, dari segi prosedur kerajaan, bagaimana kos itu kita jalankan agak lebih tinggi daripada yang biasa. Saya boleh bagi contoh, dalam perbincangan ketika menjaga EPU, bila kerajaan buat hospital, ia akan buat *a complete scale of hospital*. Ia tidak buat separuh-separuh, maknanya bajet yang disediakan itu sampai ke kantin.

Akan tetapi kalau swasta, mungkin ia akan buat berperingkat-peringkat. Oleh sebab itu, harga katil bagi kerajaan ini, Kementerian Kesihatan boleh sahkan, saya hanya beri satu tajuk bila kita berbincang, katil di hospital swasta itu kosnya lebih murah daripada di kerajaan. Oleh sebab itu, kalau kita tengok kemudahan kerajaan ini ia biasanya akan ambil *scale* yang lengkap.

Namun begitu, bagi menjawab soalan berkaitan JITN ini, kita melihat sama ada pematuhan, walaupun berkaitan, kepada perkara yang di lulus dan dilaksanakan. Kalau 30 peratus itu dikatakan sebagai untung yang berlebihan, ada unsur-unsur yang berlaku rasuah, sengaja ditingkatkan harga, maka sudah tentu jabatan ini boleh memainkan peranan bagi kita membuat syor ataupun membuat siasatan ataupun membuat pendakwaan. Itulah tugas jabatan ini berkaitan soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang saya katakan tadi *very profound*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penubuhan JITN ataupun Jabatan Integriti dan Tadbir Urus ini sudah pastinya membantu kerajaan dalam mencapai objektif untuk mengurangkan ataupun menghapuskan rasuah yang sangat berleluasa hari ini. Dalam pengawalan rasuah umpamanya, perkara yang sangat kompleks berlaku. Kadang-kadang apa yang kita katakan, '*harapkan pagar, pagar makan padi*' pun juga berlaku kerana kepercayaan yang diberikan itu.

Jadi hari ini, untuk mencapai aspirasi Transformasi Nasional 50 (TN50), umpamanya berkaitan dengan budaya berintegriti tinggi menjelang tahun 2050. Jadi soalan saya, sejauh manakan ledakan teknologi baru dan konsep perubahan budaya memberi impak kepada pemeraksanaan integriti pada masa akan datang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara mudahnya, kalau boleh saya simpulkan. Kerajaan yang ada hari ini, Kerajaan Barisan Nasional tidak hanya bercakap tentang apa yang berlaku hari ini. Kita membuat satu perancangan sehingga dapat melihat apa yang perlu negara ada pada masa akan datang, sebab itu Yang Berhormat sebut tentang TN50. Bila kita sudah menjadi negara maju, antara perkara yang mustahak untuk kita lihat tidak hanya lagi tentang rasuah, penyelewengan, pendakwaan dan tangkapan. Kita juga

akan bercakap tentang soal hak asasi manusia, hak penduduk asal, Orang Asli, orang asal dalam negara kita yang hari ini kita masih agak terkebelakang.

Oleh sebab itu, jabatan ini akan menggunakan segala semua bentuk platform dan teknologi untuk kita memberikan hak yang setimpal kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sebagai salah satu daripada komponen di bawah jabatan ini. Kita tidak hanya boleh melihat tentang rasuah dalam perbincangan harian kita kerana pada masa akan datang rasuah dapat ditangani dengan cara meningkatkan integriti nilai pendidikan. Kita harap ia dapat kita kurangkan dan kita boleh melihat kemudiannya tentang soal yang berkaitan tentang *civil society*, masyarakat madani dalam negara kita sebagai negara yang bergelar sebuah negara maju.

Oleh kerana kita tahu, banyak negara belum sempat bercerita tentang gender. Kita dapat bercerita tentang *equality in gender*, kita dapat bercerita tentang orang kurang upaya, di kala negara lain belum mampu untuk berbuat demikian. Masa akan datang, jabatan ini kita harap dapat melihat tentang soal integriti tadbir urus dan juga hak asasi manusia melebihi daripada hanya bercakap tentang hal-hal berkaitan dengan rasuah dan penyelewengan. Ini azam kita dan ini adalah harapan di masa akan datang dan kita sudah bersedia dari sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejauh manakah usaha yang dilakukan kerajaan dalam memulihkan kawasan hutan yang telah gondol akibat aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerantut.

*Hutan penting kestabilan ekologi,  
Soalan ditanya jawapan saya bagi... [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah pun melaksanakan langkah-langkah dalam usaha pemuliharaan kawasan hutan akibat penerokaan hutan melalui program-program. Di antaranya ialah Program Pemulihan Kawasan Hutan Terosot telah dirangka bagi memastikan pemuliharaan kawasan hutan simpanan kekal yang terosot dan miskin di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Di bawah RMKe-10, seluas 4,477 hektar kawasan terosot dalam hutan simpanan kekal (HSK) telah berjaya ditanam dengan pelbagai spesies pokok. Dalam RMKe-11, sejumlah RM100 juta telah diluluskan untuk memulihkan kawasan seluas 1,640 hektar dalam hutan simpan kekal dan juga luar hutan simpan kekal. Peruntukan ini juga digunakan bagi membiayai kos penyelidikan dan pembangunan, bantuan kepada badan bukan kerajaan dan juga program *communication, education* dan *public awareness*.

Kedua, program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai negara telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Antara objektifnya ialah untuk memulihara pesisiran pantai sebagai perlindungan semula jadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat bencana alam dan juga hakisan pantai. Pada tahun 2015/2016, seluas 2,711 hektar

telah ditanam dengan pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai dengan jumlah tanaman sebanyak 6,487,101 pokok. Ini melibatkan pihak lain seperti Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, institut penyelidikan, universiti-universiti, badan-badan berkanun dan masyarakat.

Program-program lain adalah program penghijauan melalui penanaman pokok, Projek *Central Forest Spine* dan juga program kesedaran berkaitan perhutanan, program kerjasama strategik penghijauan semula kawasan bekas ceroboh teroka di dalam dan luar hutan simpanan kekal. Program-program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri telah berjaya memulihkan dan memulihara kawasan terosot seperti kawasan penerokaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan. Kita umumnya mengetahui penjagaan alam sekitar yang kurang diberikan penekanan menjadi antara punca kepada berlakunya banjir yang membawa kepada bukan sahaja kerugian, kehilangan jiwa, malah harta benda. Soalan saya ialah bagaimanakah kita hendak menghalang penggondolan dan penerokaan haram sama ada hutan, hutan simpan mahupun hutan simpanan kekal?

Adakah kerajaan bercadang untuk memperkukuhkan lagi Akta Perhutanan Negara 1984, terutamanya dari segi meningkatkan hukuman yang dikenakan yang dilihat sekarang ini kurang berkesan? Dari segi penguatkuasaan juga supaya ianya lebih cepat, tepat dan tegas dalam mengawal alam sekitar kita, terutamanya hutan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian yang sudah tentu juga menjaga tentang hal ehwal alam sekitar amat prihatin dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut dan ia melibatkan kawasan hutan yang diteroka tadi menggunakan *term*, dengan izin, penggondolan dan sebagainya.

#### ■1100

Saya hendak jawab ringkas sahaja ialah kita sedia maklum dan kita menyedari bahawa nampaknya akta yang sedia ada tidak boleh lagi kita laksanakan secara efektif atau secara berkesan. Justeru kementerian melalui Jabatan Perhutanan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan kepada akta yang perlu diperkemas dan meminda Akta Perhutanan Negara 1987 dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti. Akan tetapi itu saya fikir juga mungkin tidak cukup.

Oleh yang demikian, kementerian terpaksa melihat dari sudut akta-akta lain yang boleh dikenakan atau dikuatkuasakan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling yang juga dalam proses kemas kini supaya semua aktiviti di muka bumi termasuklah penggondolan atau penerokaan haram hutan dan sebagainya tidak menjejaskan alam sekitar termasuklah mengakibatkan banjir dan sebagainya.

Salah satu daripada akta yang juga akan kita perkenalkan ialah Rang Undang-undang Sumber Air Negara di mana dalam akta tersebut yang *insya-Allah* akan diterima pakai oleh kerajaan negeri termasuklah perlindungan kawasan lembangan air bagi tujuan menyelamatkan air bagi mengelakkan banjir dan sebagainya. Sekian, terima kasih.



**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri sedia maklum antara wacana penting di COP23 di Bonn baru-baru ini adalah bagaimana untuk memastikan agar ada kerjasama yang mantap dalam usaha untuk menjaga hutan, memelihara hutan kerana kita semua sedia maklum bahawa kadar suhu dunia ini boleh dikurangkan ke 1.5 *degree* dengan memastikan hutan ini terpelihara.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah selain daripada yang disebut tadi soal memelihara hutan dan sebagainya, apakah pembiayaan semua ekosistem hutan ini menjadi keutamaan kepada kementerian? Dalam konteks itu, adakah di sana wujud satu insentif untuk menarik kedua-dua sektor awam dan juga swasta agar kita dapat memastikan ekosistem ini terpelihara dan menyampaikan satu penyelesaian *nature based solution* dalam konteks ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Ada dua perkara, pertamanya seperti mana kita sedia maklum kita sangat konsisten di dalam mengamalkan SFM, dengan izin, *Sustainable Forest Management* dan untuk tiga jenis hutan, satu hutan simpanan kekal boleh teroka, hutan simpanan kekal bagi tujuan perlindungan dan hutan lain milik negeri dan sebagainya.

Maknanya di peringkat pertama adalah *Sustainable Forest Management* dengan izin, yang itu kita laksanakan seperti biasa kerana ia tidak menjejaskan dari segi kuota, jumlah keluasan hutan yang kita *maintain*, kita selenggara tidak melebihi daripada 50 peratus kawasan seluruh negara. Sekarang pun kawasan hutan kita lebih kurang 56 peratus daripada kawasan keseluruhan negara.

Kedua ialah tentang pembiayaan. Dalam protokol antarabangsa, dalam persidangan yang saya sebutkan tadi di antaranya ialah pembiayaan yang boleh disumbangkan oleh pihak lain, oleh pihak badan di peringkat antarabangsa oleh negara-negara maju iaitu pendekatan *REDD-plus*. Itu sebenarnya masih dalam proses pemurnian tentang kaedah pembayaran, tentang kaedah tuntutan dan sebagainya. *Insya-Allah* itu akan menjadi satu realiti pada masa akan datang dan kementerian, Kerajaan Malaysia turut mengambil bahagian di dalam pendekatan tersebut, di dalam memberikan idea dan sebagainya. Akhirnya kita akan buka luas kepada semua pihak termasuklah hutan-hutan yang di bawah seliaan kerajaan negeri yang boleh menjadi salah satu daripada agenda untuk *claim* dana bagi tujuan sumbangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran pengilangan negara Malaysia sehingga bulan September tahun ini dan dibandingkan dengan tahun lepas ; dan
- (b) apakah jenis insentif dan program-program Kementerian untuk menggalakkan industri pengilangan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang mengutarakan soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017, nilai jualan sektor pembuatan mencatatkan peningkatan sebanyak 15.6 peratus kepada RM500.2 bilion berbanding RM432.8 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2016. Sektor pembuatan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM673.2 bilion pada keseluruhan tahun 2016 dengan peningkatan sebanyak 1.3 peratus dibandingkan dengan tahun 2015.

Bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di dalam negara, kerajaan telah melaksanakan pelbagai insentif dan program, antaranya:

- (i) menawarkan insentif cukai yang menarik seperti galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun;
- (ii) menawarkan pengecualian penuh duti import bagi bahan-bahan mentah, komponen dan mesin peralatan untuk aktiviti-aktiviti perkilangan dan perkhidmatan terpilih domestik;
- (iii) memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach* dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;
- (iv) menggunakan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan berkualiti terhadap industri sasaran. Pendekatan ekosistem yang bersepadu dan holistik digunakan untuk menggalakkan keseluruhan rantaian nilai sesebuah *cluster industry* dari segi hubung kait dan jalinan antara semua komponen serta aktiviti yang menyumbang kepada pengeluaran dan pengedaran produk-produk tertentu dalam *cluster* industri berkaitan. Pendekatan ini merangkumi elemen seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran selaras dengan objektif kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020;
- (v) menganjurkan misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya oleh agensi di bawah MITI seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baharu; dan
- (vi) menganjurkan seminar, bengkel dan program-program berkaitan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Selain itu, pihak Pembangunan Wilayah Koridor Ekonomi seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Iskandar Malaysia, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) juga memainkan peranan penting untuk menarik pelabur dan mengekalkan mereka di dalam

negara dengan menyediakan prasarana yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti di koridor-koridor tersebut. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kementerian untuk menggalakkan iaitu perkilangan untuk produk mereka ataupun keluaran mereka ada satu insentif iaitu *double tax exemption* atau *double tax deduction* untuk menggalakkan pekilang-pekilang negara kita untuk menaik taraf atau *improve* proses dan *production* mereka iaitu jika mereka membeli mesin, mesin itu boleh dapat dalam lima tahun ada *progressive* untuk *double tax deduction*. Adakah itu masih kekal?

■1110

Satu lagi, untuk menggalakkan eksport terutama perkilangan dengan sektor eksport ini, diberikan satu insentif iaitu tambahan eksport mereka tahunan dan di satu peringkat, akan diberikan juga *tax incentive* setinggi 50 peratus. Adakah itu masih kekal setakat ini? Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pada saat dan ketika ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita berikan ialah menawarkan insentif cukai seperti galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan dan kita berikan galakan ini mengikut kategori-kategori perindustrian. Jika perindustrian itu adalah yang memenuhi seperti *high-tech knowledge base* misalnya, maka kita akan beri lebih sama ada lima hingga sepuluh tahun, tujuh ke sepuluh tahun.

Apa yang kita beri adalah cukai korporat sekarang ini adalah 25 peratus. Sebagai contoh, kalau kita berikan *capitalnya* RM1 juta itu, maka kita boleh menolak *tax* atau *offset* dengan *tax*. Itu yang kita buat pada saat dan ketika ini. Kita ada insentif elaun modal bagi meningkatkan proses automasi bagi meningkatkan industri berintensif buruh itu ditukar kepada automasi, maka kita memberikan apa yang kita sebut sebagai *capital allowance to increase automation in labor intensive industries*, dengan izin.

Ini adalah untuk mempercepatkan peralihan sektor pembuatan daripada berintensif buruh kepada yang bernilai lebih tinggi. Cadangan Yang Berhormat sebut tentang eksport dan sebagainya, itu adalah cadangan yang baik dan kita boleh pertimbangkan. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Revolusi Perindustrian Keempat ini. Namun, umum mengetahui bahawa kebanyakan industri dalam negara kita ini masih berada dalam Industri 2.0 yang berpandukan tenaga buruh, tidak menggunakan teknologi ataupun mesin.

Dimaklumkan juga daya saing Malaysia telah merosot daripada tempat ke-19 hingga ke tempat 24 pada tahun 2017. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah untuk sektor pembuatan ataupun *manufacturing* bagi menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat ini? Bolehkah pihak kementerian menyatakan negara-negara manakah yang dikatakan menjadi pelabur dalam sektor pembuatan ataupun bidang-bidang yang terlibat ini dalam usaha kerajaan bagi memastikan industri dalam negara ini dapat menyahut cabaran seperti yang dimaklumkan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Itu soalan yang cukup relevan dan menarik. Sebagai contoh, apa yang dibuat oleh kerajaan bagi menghadapi Industri 4.0 ini ialah kita sedang merangka pelan nasional bagi Industri 4.0 dan dijangka pelan nasional ini akan kita boleh muktamadkan menjelang akhir tahun ini. Kita juga melalui Bajet 2018 yang baru kita luluskan dua hari lalu, bahawa kerajaan mengumumkan satu peruntukan sebanyak RM245 juta bagi mewujudkan apa yang dipanggil sebagai dana strategik pelaburan domestik untuk mewujudkan *smart manufacturing*. *Smart manufacturing* ini adalah sesuai dengan konsep Industri 4.0 yang merupakan pembuatan dan pengeluaran pintar.

Antara perkara-perkara lain dalam Industri 4.0 ini ialah semua yang berkaitan tentang robotik yang berkaitan tentang *internet of things*, berkaitan tentang apa yang dipanggil atau diistilahkan sebagai *augmented reality*, *cloud computing*, percetakan 3D yang semuanya itu boleh dirumuskan sebagai kilang pintar, pejabat pintar, logistik pintar, dan rumah pintar. Jadi, setelah kita dapat bajet ini, satu lagi yang kita perlu tingkatkan dalam usaha untuk Industri 4.0 ini ialah untuk menyediakan modal insan yang bersesuaian. Oleh kerana itu, institusi pendidikan terutama IPT dan IPTS dan juga institusi kemahiran perlu menyelaraskan segala kurikulum mereka sesuai dengan Industri 4.0. Sebagai contoh menjelang tahun 2020, kita memerlukan 2,000 *data scientist*, Tuan Yang di-Pertua. 2,000 saintis data ini dia tak boleh wujud dalam setahun dua, dia perlu diusahakan.

Kita telah menumpukan juga kepada perusahaan kecil sederhana (PKS). Semalam kita ada mesyuarat peringkat kebangsaan bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita telah menggariskan perkara-perkara yang kita perlu buat untuk membantu PKS bagi menyesuaikan usaha-usaha perniagaan mereka selaras dengan Industri 4.0. Antara sektor yang kita tumpukan ialah kimia, elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, aeroangkasa dan juga peranti perubatan.

Sebagai contoh daripada sudut aeroangkasa, semalam saya diberi peluang untuk melancarkan *fan case* ataupun pembuatan kelongsong bagi kipas kapal terbang disediakan oleh syarikat kita, *UMW*. Selepas itu kita akan menghantar dan kita dah menghantar pun ke Singapura bagi pihak *Rolls Royce* dan ini satu usaha sesuai dengan masa depan pengeluaran ataupun Industri 4.0.

Seterusnya negara-negara yang terlibat dalam pelaburan pembuatan di negara kita. Saya ada senarai di sini. Ini adalah antara Januari hingga Jun 2017.

Negara	Bilangan Projek
Singapura	44
Jepun	16
Jerman	10
Netherlands	8
Hong Kong	6
Switzerland	5
Perancis	4

Itu antara tujuh negara yang melabur di negara kita antara Januari hingga Jun 2017 di dalam sektor pembuatan. Terima kasih.

**5. Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah inisiatif kementerian dalam merencanakan penggunaan sistem bangunan industri (IBS) terutamanya pemaju sektor swasta untuk menjayakan dasar pembangunan negara serta apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya pemaju gagal mengguna pakai sistem ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** *Walaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mukah di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya atau KKR melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah melancarkan *Construction Industry Transformation Program* atau lebih dikenali sebagai CITP bermula tahun 2016 hingga tahun 2020 bagi meneruskan agenda menggalakkan lagi penggunaan sistem binaan berindustri atau IBS dalam industri pembinaan negara.

Inisiatif Kementerian Kerja Raya dalam merencanakan penggunaan IBS terutamanya pemaju swasta untuk menjayakan Dasar Pembangunan Negara adalah seperti berikut:

- (i) mewajibkan penggunaan IBS sebagai salah satu syarat kelulusan bagi kelulusan pelan bangunan atau *building plan approval*, dengan izin, oleh pihak berkuasa tempatan (PBT); dan
- (ii) pihak berkuasa negeri atau PBN menerima pakai syarat ini dan seterusnya melaksanakan melalui PBT-PBT masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang akan dikenakan sekiranya pemaju gagal mengguna pakai sistem ini adalah tertakluk kepada bidang kuasa PBT tersebut. Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan kerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berserta pihak-pihak yang berkenaan bagi melaksanakan usaha ke arah penguatkuasaan kaedah IBS dalam industri pembinaan menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Saya ingin bertanya, sejauh mana sistem IBS ini digunakan dan kesannya kepada kebergantungan kita kepada pekerja asing, itu satu.

■1120

Keduanya, adakah sistem-sistem yang *on site* IBS ada di Malaysia ini supaya kita dapat juga menggunakan teknologi ini di kawasan-kawasan luar bandar.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Mukah di atas soalan tambahan. Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, seperti yang kita ketahui, IBS ini telah dikenal pasti dapat meningkatkan prestasi menyeluruh di dalam industri pembinaan terutama sekali dari segi buruh, keberkesanan kos, kualiti, keselamatan, pengurangan pembaziran dan peningkatan produktiviti.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan kualiti pembinaan melalui kaedah pelaksanaan IBS ini dan kesannya, berbagai program latihan khusus diadakan kepada para profesional, kontraktor, pemasang IBS atau *installer* IBS dan lain-lain lagi dijalankan oleh pihak CIDB bagi memastikan industri pembinaan kompeten atau mahir di dalam pelaksanaan IBS di dalam sesuatu projek pembinaan itu Yang Berhormat.

Suka saya berkongsi dengan Ahli Dewan, sebenarnya untuk menjawab juga persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mukah mengenai penggunaan IBS ya, sama ada dia boleh dipanjangkan ke kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Mukah, pengeluar IBS yang berdaftar dengan pihak CIDB pada saat ini adalah seramai 249 orang. Para kontraktor yang menggunakan IBS, seramai 8,087 Yang Berhormat ya telah dilatih dan didaftarkan di bawah CIDB, di mana daripada jumlah ini seramai 7,008 orang adalah di kalangan kontraktor bumiputera dan 1,079 di kalangan kontraktor bukan bumiputera.

Selain itu Yang Berhormat, seramai 1,528 orang profesional yang terdiri daripada Jurutera, Arkitek dan QS serta *planner* dilatih dan juga didaftarkan di bawah CIDB. Begitu juga *installer*, Yang Berhormat ya iaitu pekerja mahir. Jumlah ini Yang Berhormat adalah pekerja mahir tempatan kita yang dilatih dan didaftarkan seramai 8,572 orang. Mereka ini pekerja mahir tempatan.

Selain daripada itu Yang Berhormat, Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai bagaimana produk-produk IBS ini sama ada ia memenuhi piawaian standard yang telah ditetapkan. Memang antara kriterianya itu Yang Berhormat ianya perlu didaftarkan agar IBS yang dihasilkan ini bukan saja selamat tetapi juga berkualiti untuk diaplikasikan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita di peringkat kementerian mempunyai program pendaftaran pengeluar IBS dan juga pengedar IBS bagi membolehkan pengeluar IBS ini mendapatkan pengesahan kepada produk IBS yang akan menyumbang kepada penghasilan produk IBS yang berkualiti dan juga menepati piawaian yang telah saya sebutkan tadi Yang Berhormat ya. Skop penilaian adalah untuk mengesahkan IBS ini dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga jenis-jenis sistem IBS yang ada di negara kita termasuklah sistem konkrit pra tuang, sistem acuan berulang, sistem kerangka keluli, sistem kerangka kayu, sistem blok dan juga sistem berinovatif.

Di samping itu pengesahan produk IBS ini perlu juga memenuhi kriteria seperti QN, QC, kilang IBS dari segi kawalan kualiti, pengujian produk IBS yang diiktiraf oleh badan akreditasi seperti KRIM dan SIRIM, juga pensijilan ICO. Mengenai penggunaan IBS Yang Berhormat ya, selain daripada kita melatih pekerja mahir, *installer-installer* tempatan, penggunaan IBS juga dapat mengurangkan penggunaan pekerja di tapak bina, Yang Berhormat terutama sekali pekerja asing memandangkan sistem IBS ini banyak menggunakan mesin dan jentera berbanding dengan penggunaan pekerja.

Dalam hal ini Yang Berhormat, penggunaan IBS juga dapat mengurangkan tenaga pekerja manual di tapak bina. Dari segi kajian yang kita laksanakan Yang Berhormat, yang telah dilaksanakan oleh pihak CIDB sebenarnya iaitu kajian kes projek spesifik bermula 2006 hingga 2013 didapati penggunaan IBS telah berjaya mengurangkan penggunaan pekerja

manual sebanyak 50 peratus berbanding dengan kaedah konvensional. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman hari ini, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri bahawa telah menjawab dengan panjang lebar. Saya nampak bahawa IBS ini secara keseluruhan memang baik untuk negara, baik untuk rakyat Malaysia, baik untuk pekerja kita kerana kemahiran yang tinggi, dia akan membawa lebih banyak, dia akan memberi gaji yang lebih, meningkatkan gaji dan pendapatan pekerja tempatan.

Walau bagaimanapun, saya juga setuju dengan Yang Berhormat Mukah yang kata bahawa masalahnya adalah disebabkan oleh pekerja asing yang murah dan senang didapati di tapak-tapak pembinaan. Ini merupakan satu persaingan kepada IBS kerana selagi kerajaan pusat tidak menyekat kemasukan atau lambakan pekerja asing ke Malaysia, dia akan menjejaskan IBS, industri IBS dan sekali gus menjejaskan pendapatan pekerja tempatan.

Sekarang masalah di Malaysia adalah persaingan rakyat tempatan dengan pekerja asing. Kalau kita nampak di kawasan-kawasan luar bandar, pekerja-pekerja tempatan yang ingin bekerja, terpaksa bersaing dengan pekerja asing terutamanya di industri pembinaan. Jadi kita tahu bahawa industri pembinaan ini sangat-sangat susah. Dia adalah *3D-dangerous, difficult* dan *dirty*. Jadi apabila kita gaji pekerja asing begitu rendah, maka pekerja tempatan tidak dapat bersaing dengan mereka. Jadi akhirnya pekerja tempatan menganggur tetapi pekerja asing dapat gaji dan hantar ke luar negara.

Jadi isunya di sini adalah bagaimana Yang Berhormat Menteri atau Kementerian Kerja Raya dapat menyuarakan dalam Kabinet, menyekat lambakan pekerja asing ke Malaysia, barulah IBS boleh *survive*. Kalau kita terus mempromosikan *training* pekerja-pekerja IBS dan sebagainya tetapi akhirnya kalau pekerja-pekerja asing dilambak, terus masuk ke Malaysia melalui KDN, melalui Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya, akhirnya perkara ini tidak dapat diselesaikan.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri atau bolehkah kita menyekat lambakan pekerja asing ke Malaysia dan naikkan gaji dan kemahiran pekerja tempatan. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Saya percaya, saya juga mungkin Yang Berhormat, juga bersetuju dengan saya bahawa apa-apa permasalahan ataupun apa yang berlaku, kita tidak boleh menyelesaikan masalah tersebut dengan hanya mengeluh dan bercakap Yang Berhormat ya.

Jadi ianya perlu disusuli dengan tindakan-tindakan di mana seperti yang saya kongsi pada awal jawapan saya kepada Yang Berhormat Mukah, selain daripada kita melatih, bukan saja dari kalangan kontraktor, tapi juga profesional, pemasang IBS itu sendiri atau *installer* dan mereka yang berkaitan, juga pembekal Yang Berhormat ya. Pembekal IBS perlu juga kita lihat peranan yang dimainkan oleh mereka ini, termasuklah juga tindakan-tindakan bukan saja dari segi memberikan latihan. Kita juga sentiasa meneruskan perbincangan dengan *stakeholders*, dan kerjasama dengan kementerian-kementerian juga

kita laksanakan Yang Berhormat bagi melihat kebergantungan kita kepada pekerja asing ini dapat dikurangkan, malahan kalau boleh dihapuskan sama sekali ya kalau kita boleh capai. Usaha-usaha itu dilaksanakan dari masa ke semasa.

■1130

Kita juga melihat kepada aspek latihan untuk pekerja mahir tempatan kita melalui Akademi Binaan Malaysia. Kita melatih anak-anak muda kita Yang Berhormat untuk mahir dalam skil-skil yang saya kira penting seperti jentera-jentera berat yang terlibat dalam proses pembinaan, begitu juga *piping* dan sebagainya. Malah bukan saja kita melatih Yang Berhormat, kita hantar mereka untuk bertanding di peringkat antarabangsa dan peringkat dunia bagi kita melahirkan lebih ramai anak-anak muda kita ini yang berkecimpung dalam bidang teknikal ini Yang Berhormat ya, termasuklah pengguna ataupun mereka yang berkepentingan dalam aspek IBS ini.

Jadi usaha yang berterusan, Yang Berhormat. Saya percaya kepada tindakan dan seperti yang saya kongsi awal tadi, hasil daripada penggunaan IBS ini melalui kajian ini, bukan berdasarkan cakap-cakap kosong Yang Berhormat ya, kajian yang dilaksanakan oleh pihak CIDB sendiri telah menunjukkan kebergantungan kita kepada pekerja manual dapat dikurangkan sebanyak 50 peratus di tapak. Jadi itu adalah satu hasil daripada tindakan yang berterusan dan kita di peringkat kementerian Yang Berhormat, sudah tentu kita masih lagi dalam proses untuk *engagement* yang berterusan, perbincangan yang berterusan untuk melihat bagaimana kita dapat mengatasi kebergantungan kita kepada tenaga asing. Itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sivarasa, Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memohon jawapan untuk soalan saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua boleh saya mengalu-alukan kehadiran tokoh-tokoh masyarakat dan pemimpin-pemimpin di semua peringkat Angkatan Muda dan Wanita bagi Pakatan Harapan kawasan Parlimen Bukit Katil dan negeri Melaka... [Tepuk]

Saya sampaikan itu bagi pihak dan atas permintaan Yang Berhormat Bukit Katil.

**6. Tuan R. Sivarasa [Subang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, setakat ini usaha pihak kementerian untuk memindah atau menggabungkan atau membuka sekolah baru Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) untuk menepati permintaan masyarakat India.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Subang. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar kita dari SK Permatang Kerat Telunjuk dan SK Permatang Pasir dari Kulim-Bandar Baru, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan Pelan Halatuju Sekolah Kurang Murid (SKM) bagi menangani isu sekolah kurang murid yang mempunyai *enrolment* 150 dan ke bawah di seluruh negara. Antara strategi yang



dicadangkan adalah penggabungan, pindah lokasi serta pelaksanaan kelas bercantum bagi sekolah-sekolah yang mempunyai *enrolment* kurang daripada 30 murid.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia akan membuat tinjauan perakuan terlebih dahulu ke sekolah yang telah dikenal pasti bagi melihat kesesuaian dan kebolehlaksanaan untuk digabungkan atau berpindah ke lokasi baharu tertakluk kepada syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan. Bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) sekolah kurang murid yang mempunyai *enrolment* 30 orang dan ke bawah yang tidak dapat digabungkan atau dipindahkan, kaedah kelas bercantum akan dilaksanakan di sekolah berkenaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan soalan asal saya itu sebab dan saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri fasih dengan fakta hal ini bahawa ada banyak sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia di mana jumlah bilangan muridnya memang adalah terlalu kecil dan ada banyak daripada sekolah-sekolah ini adalah di kawasan-kawasan terpencil.

Jadi, memang perlunya satu strategi yang serius dan bersungguh daripada kerajaan untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah yang sangat kecil ini digabung atau dipindah ke tempat lain tapi dengan syarat yang penting bahawa jumlah lesen-lesen yang masih ada dikekalkan. Kita tidak mahu proses penggabungan ini digunakan untuk mengurangkan nombor bilangan lesen-lesen yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah Tamil ini.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pertimbangan kerajaan bahawa perlulah kita fikirkan serius strategi membina hostel-hostel seperti yang telah dibuat untuk ramai murid-murid bumiputera di seluruh Malaysia. Pakai strategi yang sama untuk sekolah-sekolah Tamil dan supaya pastikan standard atau tahap mereka dikekalkan dengan tahap yang baik. Kita perlu jumlah yang minimum itu betul, kalau terlalu kecil standard akan kurang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan sekolah-sekolah Tamil di kawasan saya sendiri, di kawasan Parlimen Subang khususnya di tanah yang dulu dimiliki oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) sekarang telah dipindahkan pada pihak swasta, Kwasa Land Sdn. Berhad. dan dimajukan oleh penglibatan syarikat pemaju MRCB dan sebagainya. Keluasannya besar 1,600 ekar itu di kawasan di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya di kawasan saya, dan ada 600 ekar di dalam bidang kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam.

Baru-baru ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya menggunakan kuasa di bawah Akta Perancangan telah melakukan *what it is called*, dengan izin, *special area plan* (SAP) macam rancangan tempatan yang khas dan telah, peruntukan ini mesti dilakukan oleh pemaju ya. Tanah-tanah dua ekar masing-masing ya, untuk rumah-rumah ibadat bukan Islam, untuk kuil dua ekar, untuk tokong dua ekar dan gereja dua ekar. Pada masa yang sama memastikan tanah-tanah untuk masjid dan surau telah diperuntukkan menggunakan garis panduan, majlis agama dan juga undang-undang perancangan.

Untuk sekolah Tamil di peringkat sekolah rendah juga telah diperuntukkan tanah sekurang-kurang enam ekar di kawasan itu supaya sekolah yang lama itu boleh diperbaiki dan dinaikkan taraf dia. Kita hendak pastikan bahawa tidak berlaku macam yang berlaku di Bukit Lanjan di mana enam ekar diperuntukkan oleh pemaju untuk tanah sekolah Tamil tapi akhirnya parti komponen Barisan Nasional ambil tiga ekar dan telah diambil alih oleh parti komponen Barisan Nasional. Untuk di peringkat sekolah menengah, tanah telah diperuntukkan untuk empat sekolah dan satu langkah yang bersejarah telah dilakukan bahawa lapan ekar satu bidang tanah, lapan ekar saiz dia telah diperuntukkan untuk satu sekolah menengah Tamil.

Ini pun tidak pernah berlaku dulu. Bersejarah, Tuan Yang di-Pertua. Sejarah sekolah Tamil negara Malaysia, memang kita ada satu sekolah menengah Tamil dulu Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, di Kuala Lumpur. Dulu kekal banyak lama sebagai satu sekolah menengah Tamil tapi akhirnya status pada satu masa- status dia ditukar kepada status sekolah kerajaan. Jadi saya sebab ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, peruntukan tanah telah dibuat, dibuat oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya gunakan kuasa-kuasa di bawah undang-undang perancangan, disokong oleh Kerajaan Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Pakatan Harapan.

Akan tetapi soalan saya kepada kerajaan ialah sama ada sebab akhirnya pendidikan Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi, soalan saya, adakah kerajaan sedia untuk memberi lesen sebab setiap sekolah ini perlu lesen, adakah kerajaan perlu sediakan lesen untuk sekolah menengah Tamil ini dan juga membiayakan pembinaan sekolah seperti yang dibuat di tempat-tempat lain? Itu soalan saya. Sekian, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Subang. Banyak soalan saya akan jawab, saya dengar dengan teliti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, kerajaan telah ada pelan strategik yang serius yang telah pun dilaksanakan. Beberapa sekolah telah pun dipindah lokasi tanpa sebarang masalah dan kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan tidak akan sama sekali mengurangkan lesen, malah kerajaan ini telah pun meningkatkan lesen daripada 523 ke 530 sekolah Tamil. Maka perkara untuk mengurangkan lesen tidak akan berlaku lagi, yang pertama. Kedua Yang Berhormat, bukan perkara yang bersejarah sekiranya sekolah menengah itu dicadangkan.

#### ■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, tahun 2011 apabila Yang Berhormat Bandar Tun Razak menjadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah berjanji, Kerajaan Negeri Selangor akan membina sebuah sekolah SJKT Ladang Coalfields, 18 bilik darjah dengan empat ekar tanah, 2011. Ini kerajaan Yang Berhormat di negeri Selangor. Sampai hari ini Yang Berhormat, satu batu pun belum bergerak...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Maksud saya sekolah menengah...

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Saya tidak beri laluan, saya tidak beri laluan. Sila duduk, Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Maksud saya sekolah menengah, bukan sekolah rendah Tamil...

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Yang Berhormat faham peraturan mesyuarat tidak? Yang Berhormat faham peraturan mesyuarat tidak? Tuan Yang di-Pertua saya tidak beri ruang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tahu. Akan tetapi Yang Berhormat tidak boleh putar belitkan percakapan saya.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** ...Saya tidak beri ruang. Sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat bercakap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Perkara sekarang adalah dengan sekolah...

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Yang Berhormat, saya memberi jawapan, Yang Berhormat duduk ikut peraturan mesyuarat. Yang Berhormat bertanya tadi saya diam duduk sahaja. Sekarang giliran saya menjawab Yang Berhormat, Yang Berhormat dengarlah. Cukup! Tidak beri laluan! Saya tidak beri laluan!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jangan tukar atau putar belitkan apa yang saya kata dengan terang-terang. Saya sebut bersejarah sekolah menengah Tamil bukan sekolah rendah.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Seterusnya Yang Berhormat bukan sahaja itu, yang Kerajaan Persekutuan telah pun mempersetujui untuk memberi lokasi baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Getah Malaysia yang memberi sokongan atas permohonan untuk memindahkan SJKT Rri ke satu lagi kawasan yang telah pun dikenal pasti oleh Kwasa Land enam ekar dan segala proses-proses sedang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebelum- sebelum memberi lapan ekar tanah untuk satu sekolah menengah yang belum lagi wujud, saya cadangkan kepada Yang Berhormat supaya cadangkan kepada kerajaan negeri untuk memberi tanah kepada 12 sekolah rendah Tamil yang memerlukan tanah untuk dilokasikan supaya sekolah ini dapat dipindah.

Harap itu menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi tanah kepada sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan supaya kita dapat dilokasikan ke tempat yang lain daripada memberi sebuah tanah kepada sekolah menengah yang belum wujud lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor pasal dia dalam Selangor.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Oh! *Sorry*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri mengenai pembinaan SJKT Desa Coalfields. Sehingga hari ini bukan setakat batu, tidak pernah bergerak pasir pun tidak ada langsung Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sebab itu saya berharap sangat lah dapat diberi pertimbangan khususnya untuk menyegerakan sekolah khususnya SJKT Desa Coalfields, Parlimen Kuala Selangor. Saya juga hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang mana antara perkara yang dibangkitkan oleh masyarakat India khususnya di Ladang Braunston iaitu pembinaan SJKT Ladang Braunston yang kini dalam fasa terakhir untuk siap dan ucapkan terima kasih dia atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri untuk yang membantu menyegerakan sekolah ini untuk di segera disiapkan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan khususnya dalam menggalakkan perkongsian di antara sektor awam dan juga swasta dalam membangunkan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil khususnya di negara kita. Ini kerana saya lihat dari segi infrastruktur SJKT yang ada dalam Parlimen Kuala Selangor saya fikir memerlukan banyak suntikan terutama sekali dalam memastikan keselesaan guru dan juga warga pendidik di sekolah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor yang memahami benar perkara yang berlaku di Coalfields. Bukan sahaja itu Yang Berhormat Kuala Selangor janji mereka dulu bukan sahaja- janji mereka dulu hendak membina sebuah sekolah 18 bilik darjah untuk empat ekar tanah bersama asrama, 2011. Akan tetapi hari ini dia cadangkan kepada kita untuk membina asrama pula. Kita tahu bagaimana untuk membangunkan Sekolah Tamil kerana kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak merupakan satu-satunya pemimpin yang sehingga hari ini telah pun memberi peruntukan hampir RM1 bilion.

Tahun 2009 hingga tahun ini hampir RM1 bilion telah diberi peruntukan khas penyelenggaraan. Di sinilah kejayaan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Pekan dan juga pimpinan Yang Berhormat Segamat sebagai Presiden Parti Komponen Barisan Nasional. Tidak ada apa yang hendak dimalukan kerana kerajaan ini akan melaksanakannya. Kita bekerjasama dengan semua syarikat-syarikat, kita memang terbuka untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang ingin membantu malah Kerajaan Persekutuan dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Padang Terap juga memberi segala bantuan yang boleh untuk memastikan kerja-kerja penyelenggaraan diberikan kepada semua 524 buah sekolah.

Pada masa yang sama, kita mengalu-alukan mana-mana syarikat yang sedia tampil ke hadapan untuk membantu infrastruktur penambahbaikan sekolah-sekolah Tamil Malaysia kerana anjakan Kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia juga memberi keutamaan kepada *public private partnership*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Satu lagi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang berdiri itu duduk lah Yang Berhormat. Kalau saya senyum saya jarang-jarang senyum. Apabila saya senyum, adalah hal kenapa saya senyum. Duduk dulu. Yang berdiri itu duduk dulu. Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya sengaja hendak Tuan Yang di-Pertua senyum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu. Soal pendidikan adalah soal yang amat mustahak bagi saya. Saya sekarang sedang memikirkan sama ada membenarkan lagi soalan tambahan ketiga kerana saya mempunyai budi bicara sama ada membenarkan atau tidak. Akan tetapi kalau saya benarkan sudah dua Ahli Yang Berhormat yang berdiri saya nampak satu daripada Kapar, satu daripada... [Disampuk] Dua Yang Berhormat. Saya jangka memang ada lagi soalan mengenai dengan soal sekolah Tamil. Saya benarkan soalan tetapi jangan timbulkan kekecohan. Jangan timbulkan kekecohan seperti yang apa berlaku di antara Yang Berhormat Sepang dan Timbalan Menteri. Berdiri balik siapa yang mahu bercakap fasal ini. Sila.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Dari Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Kapar. Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan jangan panjang lebar kerana peraturan mesyuarat mengatakan soalan tambahan pendek-pendek sahaja. Tadi saya sengaja beri kepada Yang Berhormat Subang oleh sebab soalan penting. Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bersangkut paut dengan soalan ini saya ingin tanya dua bahagian.

Pertama adalah berkenaan dengan sekolah yang sepatutnya ditubuhkan untuk tahun 2015, 2016 dan 2017. Ada dimaklumkan bahawa berlakunya kelewatan. Jika berlaku kelewatan saya ingin mendapatkan keperincian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ia betul? Berapa banyak sekolah yang lewat dan mengapa kelewatan ini berlaku?

Kedua adalah mengenai Sekolah Menengah Tamil. Saya difahamkan di Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang telah menghantar surat kepada Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan satu sekolah menengah di Butterworth. Apakah status terkini? Sebab di sini tanah tidak ada masalah, kerajaan negeri telah bekalkan. Kerajaan negeri hanya perlukan lesen daripada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Dua soalan yang begitu relevan dan saya akan cuba memberi jawapan secara spesifik yang boleh.

Soalan pertama 2015, 2016 dan 2017. Semua kerja-kerja ini telah pun berlaku dalam proses persiapan. Kalau hendak secara terperinci kerana buat masa ini kita ada lebih kurang sebentar ya Yang Berhormat saya ada maklumat bersama saya. Saya ada hampir lebih

kurang 14 buah sekolah kalau hendak terperinci satu demi satu akan mengambil masa. Saya akan beri jawapan secara bertulis. Tiada masalah. Dalam 14 buah sekolah ini tiada kelewatan, semua sedang berlaku. Malah hari ini sekolah PJS1 kerja-kerja permulaan tender, lawatan tapak sedang berlaku sekarang. Ini merupakan sekolah ke-530 itu.

Soalan yang kedua Yang Berhormat tentang sekolah menengah. Saya dimaklumkan surat rasmi telah pun dihantar kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Bagan jawapannya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sebelum saya mengakhiri jawapan saya, sebelum kita memberi tanah kepada sekolah menengah yang Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang sangat suka hendak memberi tanah kepada sekolah menengah yang belum ada lagi ya, cadangan baru.

Akan tetapi Yang Berhormat, harus kita ambil maklum 12 sekolah rendah di Selangor mempunyai pelajar kurang daripada 30 murid, memerlukan tanah satu lagi supaya mereka dapat dipindahkan, pertama.

Kedua di Pulau Pinang Yang Berhormat ada tiga buah Sekolah Tamil yang telah meminta tanah daripada kerajaan negeri untuk dipindahkan lokasi SJKT Byram, SJKT Rajaji dan SJKT Juru. Boleh tidak kerajaan negeri beri keutamaan untuk sekolah yang sudah ada, sebelum berfikir untuk membina sekolah yang belum ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Begitulah cara berbahas. Soalan yang dikemukakan secara tepat, dijawab secara cepat. Terima kasih.

#### ■1150

**7. Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah langkah yang diambil untuk membaik pulih 21 jambatan yang dikenal pasti berisiko tinggi di seluruh Malaysia, adakah kerja-kerja baik pulih akan dilakukan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Sik, soalan nombor 7.

**Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

*Sekarang ini musim tengkujuh,  
KKR baiki jambatan runtuh,  
Menteri jawab sungguh-sungguh,  
Soalan saya nombor tujuh.*

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik di atas soalan yang dikemukakan. Maaf Yang Berhormat, saya tidak pandai berpantun tetapi saya mencuba untuk menjawab persoalan Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 21 jambatan telah dikenal pasti berisiko tinggi dan ia perlu dibuat penggantian. Ia selaras dengan keputusan kerajaan yang meluluskan kenaikan had berat muatan baru bagi kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia dengan had berat maksimum adalah 50 tan. Daripada jumlah tersebut, dua jambatan telah pun dalam peringkat pembinaan. Manakala bagi baki 19 buah jambatan, Kementerian Kerja Raya telah pun memohon peruntukan di bawah Rolling Plan Ketiga Rancangan Malaysia Kesebelas ataupun RP3 RMKe-11 bagi tujuan penggantian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan jambatan-jambatan tersebut tidak mengalami kegagalan struktur, papan tanda amaran had muatan telah dipasang di semua lokasi jambatan yang terlibat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, bagaimanakah dan apakah kriteria yang diguna pakai oleh pihak kementerian dalam mengenal pasti 21 jambatan yang berisiko tinggi tersebut? Apakah status pelaksanaan 19 lagi jambatan yang dinyatakan tadi? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Sik di atas soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat, di dalam mengenal pasti jambatan-jambatan ini, kita melaksanakan kajian Yang Berhormat ya. Untuk *specifically*, dengan izin, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, keputusan ini diambil berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Perancang Jalan Kementerian Kerja Raya iaitu melalui kajian *Axle Load Study (Bridges) on Federal and Major State Routes in Peninsular Malaysia* yang telah disiapkan pada tahun 2016, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada dua jambatan yang di dalam pembinaan, di dalam RP3 telah diluluskan program menggantikan jambatan uzur untuk tujuan peningkatan had muatan kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia dengan kos sebanyak RM78 juta. Pelaksanaan 19 jambatan ini akan dimulakan pada tahun 2018. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya satu soalan tambahan iaitu berkaitan dengan projek persimpangan bertingkat di Peringgit dan juga Ayer Keroh yang mana ia juga membabitkan soal jambatan dan sebagainya. Saya difahamkan projek ini akan berhadapan dengan kelewatan. Jadi saya ingin tanya, bilakah unjuran ataupun tarikh sebenar kedua-dua projek ini akan siap? Apakah masalah yang telah dikenal pasti? Ini kerana kita tahu projek ini penting bagi tujuan teknik penguraian trafik supaya tidak berlaku *congestion*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, *junior* saya semasa saya di universiti, tetapi dia membesar menjadi budak nakal.

Untuk menjawab persoalan ini Tuan Yang di-Pertua, memandangkan persoalan yang dibangkitkan ini sangat spesifik, saya akan memberikan Yang Berhormat jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta tarik balik yang 'budak nakal' tadi? *It is not proper I think.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sewaktu dia sebut itu dia senyum.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta huraian yang lebih terperinci lagi? Bagaimana dia menjadi satu 'budak nakal'?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya budak baik.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih. Terima kasih.

**8. Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan laporan daripada media sosial menyatakan, penyakit kusta telah menular kembali ke negara kita Malaysia kesan daripada penghijrahan pendatang warga asing daripada India, Bangladesh dan lain-lain yang tidak terkawal daripada 2013 sehingga sekarang. Adakah kementerian dapat mengesahkan kenyataan ini dan melaporkan secara terperinci berapakah kes kusta yang telah ditemui daripada tahun 2013 hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkenaan dengan penyakit kusta ataupun *leprosy*. Kes baru kusta keseluruhan yang dilaporkan telah menunjukkan penurunan semenjak tahun 2013 dan jumlah baru kes kusta yang dilaporkan pada tahun 2013 ialah sebanyak 306 kes; 2014 - 308 kes; 2015 - 210 kes; 2016 - 206 kes; dan 2017 sehingga 30 September - 188 kes.

Melalui statistik ini, jumlah kes baru kusta di kalangan warganegara Malaysia telah menunjukkan penurunan semenjak tahun 2013 iaitu 207 kes di kalangan warga Malaysia kepada 123 kes pada tahun 2016. Jumlah kes baru kusta di kalangan warganegara asing juga telah menunjukkan penurunan semenjak tahun 2013 iaitu 89 kes kepada 83 kes pada 2016.

Pada tahun 2016, peratusan kes baru kusta adalah di kalangan warga negara Indonesia 88 peratus; Nepal 48 peratus; Filipina 14 peratus; dan Myanmar 4 peratus. Tiada kes dilaporkan di kalangan warga India dan Bangladesh. Oleh itu, penyakit kusta pada masa sekarang adalah terkawal Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kerana kusta sudah terkawal, nampak terkawal.

Soalan saya tentang penyakit berjangkit yang lain khususnya penyakit berjangkit *sexually transmitted diseases*. Bolehkah kita mendapat sedikit gambaran daripada Menteri perkembangan tentang apakah jenis-jenis penyakit *sexually transmitted diseases* yang sedang membara atau meningkat sekarang di tanah air kita? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengatasinya? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan itu. Saya tidak ada statistik yang tepat Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dalam hal *sexually transmitted diseases* macam HIV, AIDS ini memang sudah ada menunjukkan kejayaan dalam usaha kita untuk menurunkan jumlah ya. Pada 10 tahun yang lalu, kadar kes baru pada 10 tahun lalu 28 kes per 100,000 *populations*. Sekarang sudah turun kepada 10.5 Tuan Yang di-Pertua, daripada 200,000 *populations* lebih daripada *target* kita. *Target* kita 11 tapi kita sudah turun kepada 10.5. Ini berkat daripada usaha kita berterusan.



Kita ada komiti khas untuk itu dan kerja kita berbagai-bagai cara Tuan Yang di-Pertua, termasuk *engagement* dengan NGO-NGO sebagainya untuk kita banteras penyakit ini. NGO termasuklah mereka dalam kumpulan *sex workers*, kumpulan *men-to-men, gay sex*; dan sebagainya; dan macam-macam kita buat Tuan Yang di-Pertua. Ini termasuk kita bagi-kondom pun bagi Tuan Yang di-Pertua, supaya- kondom bagi kepada mereka yang terlibat ini supaya mereka tidak merebakkan penyakit ini kepada orang lain. Ini memang berlaku. Jadi, usaha ini kita teruskan sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah keseluruhan jemaah haji bagi tahun ini dan nyatakan jumlah subsidi yang telah ditanggung Tabung Haji bagi musim haji baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang. Jawapan daripada persoalan yang telah ditimbulkan ialah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jemaah haji bagi musim haji 1438 hijrah 2017 yang lalu diberikan kuota rasmi. Kuota rasmi ialah sebanyak 30,200 orang, manakala jumlah keseluruhan subsidi yang telah ditanggung oleh Tabung Haji bagi musim haji yang lalu juga di atas kuota tersebut ialah sebanyak RM300 juta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk hari ini berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

■1200

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**12.00 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017, Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017, Rang Undang-undang Pergigian 2017 di No.1, No. 2, No. 3 dan Usul-usul Menteri Kewangan di No. 4, No. 5 dan No. 6 seperti tertera dalam Aturan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta bantuan sedikit daripada Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua? Kita faham— *I mean* tadi Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan tiga-tiga rang undang-undang ini dihabiskan sampai akhir sidang pada hari ini. Pertama dan kedua ialah rang undang-undang pindaan. Di mana pindaannya bukan begitu besar juga dan adalah munasabahlah kita bahas dan luluskan. Rang Undang-undang Pergigian 2017 itu adalah akta baru dan bukanlah kecil. Akta yang *at least*, sekurang-kurangnya 50, 60 muka surat dan ada benda-benda yang penting. Inilah yang berkaitan dengan badan profesional, bidang pergigian. Jadi, boleh saya minta Tuan Yang di-Pertua dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri, boleh kita pertimbangkan? Itu saja ditangguhkan, yang lain semua tidak ada masalah. Kita tangguhkan kepada Mesyuarat akan datang sebab kita sudah- memang rang undang-undang ini telah disebutkan untuk beberapa tahun, bukan baru— beberapa tahun kita sudah dengar tentang itu.

Akan tetapi kenapa kita tergesa-gesa hendak *rush* dan habiskan? *It's a big bill and it is an important bill* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *It is a new bill and it involves the entire functioning of the dental profession.* Jadi, *we have to take it seriously.* Kita kena tunjuk kepada rakyat Malaysia, kita ambil tugas kita serius juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Subang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin saya hendak tambah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya cuma— Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma lihat apabila saya terima usul daripada sama ada usul itu mengikut peraturan mesyuarat. Itu sebab apabila satu usul daripada Yang Berhormat Menteri itu bagi saya ialah usul yang memenuhi peraturan mesyuarat, saya terima, tidak ada cacat cela daripada sudut itu. Tinggal lagi permohonan-permohonan itu saya tidak boleh jawab, yang harus jawab ini adalah pihak kerajaan. Jadi, kalau ada daripada kerajaan yang ingin respons kepada itu, saya bagi peluang untuk respons. Akan tetapi bagi saya, apabila diminta begitu, tidak ada melanggar peraturan mesyuarat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya *just* hendak bagi- Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya *just* hendak bagi *input*, *first reading was on Tuesday.* Yesterday kita sudah bincang dengan beberapa doktor. Ada beberapa doktor telah bangkitkan pembaharuan untuk beberapa seksyen. Ada dengan saya tetapi saya kesuntukan masa disebabkan tidak boleh *file* pada hari ini. Ia perlukan lebih dari 24 jam. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, memikirkkan balik dan mempertimbangkan untuk bagi kami ruang untuk membawa apa-apa *amendment* yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, masih juga diteruskan seperti usul?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Subang. Saya kena dapat maklumat daripada Menteri yang berkenaan sama ada dia hendak sambung ataupun tidak. Akan tetapi saya kena selesaikan yang dua rang undang-undang pindaan dulu tetapi lepas itu nanti saya akan tanyalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Jadi, dengar jawapan daripada Menteri tadi. Bermakna usul yang telah kita luluskan tadi itu ia *still stand*. Akan tetapi kalau ada perubahan, nanti kita boleh buat perubahan juga. Terima kasih.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2017**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.05 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

*(Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat)*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, anak ketak ibu dengan gergaji dan pukul bapa, anak bunuh ibu kandung, anak samun dan ketak kaki nenek. Ini adalah antara kes-kes yang benar yang dilaporkan berlaku akibat penagihan dadah. Dadah bukanlah satu isu baru di Malaysia, malah telah lama bertapak di negara ini dan tiada titik noktahnya sehingga hari ini. Biar pun pelbagai usaha dan langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh kerajaan untuk membanterasnya. Wabak dadah bukan sahaja merupakan satu gejala sosial tetapi telah bertukar menjadi satu bahana yang mengancam dan menggugat negara sama ada dalam bidang ekonomi, sosio budaya, politik serta keselamatan dan ketahanan nasional pada seluruhnya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Apatah lagi ia boleh menimpa sesiapa sahaja merentas status, latar belakang, gender mahupun umur.

**Seorang Ahli:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap. Peraturan mesyuarat. Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan mesyuarat yang berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Peraturan mesyuarat berkaitan dengan risalah yang telah dibentangkan dan juga dokumen-dokumen yang dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, peraturan mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri pun sama tetapi saya tidak tahu bahawa beliau akan pergi terus kepada rang undang-undang dan sebagainya. So, itu berkaitan dengan peraturan mesyuarat yang sama, di mana ada dibentangkan tentang Laporan RCI, Suruhanjaya Siasatan Diraja...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum dapat kepastian di bawah peraturan mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya tidak sebut. Setiausaha menjemput saya untuk bacaan kali kedua. Saya buat bacaan pada pindaan Akta Dadah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** No, ini Peraturan Mesyuarat 62. Ini seperti telah disebut tadi tentang untuk menangguhkan Mesyuarat. Akan tetapi saya perhatikan tidak ada sebut langsung tentang Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja ke atas skandal *forex*. So, saya hendak dapatkan itu kepastian daripada Tuan Yang di-Pertua kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang lain diam Yang Berhormat. Saya hendak dengar...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Biar saya habiskan hujah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kita tidak ada masa untuk membincangkan satu Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja yang begitu serius, di mana buat kali pertama syor adalah untuk mengambil tindakan ke atas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada masa itu. So, itulah saya hendak tanya. Adakah perkara ini akan dibahaskan? Oleh kerana ini adalah sesuatu yang hampir *unprecedented*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. So, saya hendak dapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, bolehkah masa diberikan supaya kita membincangkan perkara ini? Oleh kerana disebut di sini yang sebenarnya melibatkan kerugian RM31.5 bilion.

Sekiranya ia telah diumumkan di Parlimen. Kemungkinan juga apa yang dinyatakan di sini oleh Menteri pun bukanlah maklumat yang betul, bukan maklumat yang benar. So, bolehkah kita bahaskan dalam Parlimen ini? Oleh kerana itu satu perkara yang serius, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua telah memberikan petua tadi. Urusan-urusan adalah terpulang kepada pihak kerajaan. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Menteri akan memberikan jawapan setelah mendapat kepastian daripada pihak kerajaan. Buat masa ini tidak ada lagi dalam Aturan Urusan Mesyuarat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bolehkah saya minta Yang Berhormat Menteri, boleh berikan satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau ada.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...kerana kalau ya, kita kena berada dalam Dewan sehingga habis. So, itu kita hendak tahu— yang dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hanya bersedia untuk membuat pindaan. Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Bagan agak baru, surat pun saya tidak ada terima. Jadi, berikan saya sedikit masa sama ada saya kena menjawab secara bertulis kah? Akan tetapi saya kena selesaikan pindaan kepada dua rang undang-undang ini.

■1210

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau hendak perlukan secara bertulis, saya akan hantar secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Nanti saya jawab secara bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau boleh untuk akhir sesi ini, kita akan tunggu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak mengapalah...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Supaya kita boleh bincangkan laporan ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Bagan tulis surat kepada saya, saya akan maklumkan kepada ketua kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baik, terima kasih sebab ini penting. Kita harap, saya harap kita boleh bahaskan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya akan maklumlah. *We take that into account.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No, sorry.* Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Boleh saya *just* minta penjelasan? Ini berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang bertanya pun sudah berpuas hati dah Yang Berhormat dan akan menghantar surat secara bertulis dan Yang Berhormat Menteri juga akan memberikan jawapan, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan pada setiap masa merangka pelbagai strategi, inisiatif dan program selaras dengan Dasar Dadah Negara dalam memerangi musuh nombor satu negara ini dari semakin merebak. Dasar Dadah Negara tersebut menjadi tonggak dalam usaha mencegah, merawat dan memulihkan penagih serta menguatkuasakan undang-undang berkaitan dadah secara holistik dan progresif untuk mengurangkan penawaran dan permintaan *supply and demand* dengan izin, terhadap dadah di Malaysia.

Pelbagai langkah drastik yang diambil oleh kerajaan. Namun begitu statistik Polis Diraja Malaysia tetap menunjukkan peningkatan kes pada setiap tahun. Dari Januari 2014 sehingga Oktober 2017, seramai 702,319 orang individu ditahan polis di atas kesalahan mengedar dan memiliki dadah. Seramai 21,731 individu ditangkap di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 disemak 1980, Akta 234.

Seterusnya sebanyak 13,036 orang kertas siasatan ke atasnya telah dibuka dan sebanyak 10,878 orang kesnya telah dituduh di mahkamah dalam masa yang sama. Lebih membimbangkan adalah sebanyak 1,743 tangkapan melibatkan penuntut sekolah dan sebanyak 1,953 tangkapan melibatkan penuntut institusi pengajian tinggi di bawah Akta 234 dari Januari 2014 sehingga Oktober 2017. Pada masa yang sama, sebanyak 68 *kingpin* telah ditangkap dalam tempoh tersebut. Lebih parah lagi, sebanyak 106 makmal haram memproses dadah yang beroperasi secara aktif telah diserbu oleh pihak berkuasa dengan tangkapan mereka yang mengendalikan makmal itu seramai 409 orang.

Perangkaan ini amatlah membimbangkan kerana walaupun dengan adanya hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39B Akta 234, jumlah kes di bawah seksyen tersebut masih mencatatkan jumlah yang tinggi. Tambahan lagi, perkembangan teknologi dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu khususnya dalam bidang sains kimia telah membawa kepada pelbagai ciptaan dadah-dadah sintetik dengan izin, *designer drugs* yang baru seperti *synthetic cathinones*, *synthetic cannabinoid*, *piperazines*, *piper-mines* dengan lain-lain lagi. Dari Januari 2014 hingga Oktober 2017, Polis Diraja Malaysia telah menyita dadah heroin bernilai RM2 juta, dadah ganja bernilai hampir RM6 juta, dadah kristal syabu bernilai lebih RM3 juta, dadah ketamin bernilai lebih RM1 juta, dadah pilamin bernilai lebih kurang RM7 juta dan dadah pil ekstasi bernilai hampir RM1 juta.

Selain itu kerajaan juga berhadapan dengan token-tokan dadah yang menggunakan pelbagai modus operandi atau teknik untuk menyeludup dadah termasuk mempergunakan keldai-keldai dadah untuk mengedar dadah di dalam dan di luar negeri. Saban hari, di dada akhbar memaparkan berita-berita mengenai modus operandi termasuk jenis-jenis dadah yang diseludup masuk ke negara kita. Antara contoh kes adalah seorang warganegara Peru yang ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur setelah didapati telah menelan 141 palet dadah jenis kokain sebanyak 790.6 gram ke dalam ususnya bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

Manakala dalam satu lagi kes, seorang tertuduh secara terang-terangan meletakkan lapan paket plastik lut sinar yang mengandungi 7,468 tablet dadah jenis *metaline, deoxy, methamphetamine* di bahagian perutnya. Keldai dadah yang datang ke negara ini juga ada kalanya tidak mengambil bagasi selepas mendarat di KLIA sebaliknya akan menghubungi pihak lapangan terbang untuk menghantar bagasi mereka ke hotel yang disewa mereka. Ini adalah hanya contoh beberapa jenis modus operandi yang digunakan untuk membawa masuk dadah ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Tan Boon Liat melawan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia, hakim Tan Sri Abdul Kadir menyatakan sebagaimana yang berikut; dengan izin, *“Trafficking in drugs is a crime which also affects public health and public safety and can indeed be the spam or needles of crimes that ultimately result in violence or at least have shattering effect on public tranquility and society generally”*. Pada tahun 1952, Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dilahirkan sebagai satu ordinan yang tunggal bagi semua negeri di Tanah Melayu untuk mengawal kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan dadah di Tanah Melayu pada masa itu. Perwujudan ordinan ini adalah bukti bahawa dadah merupakan ancaman kepada Tanah Melayu dan telah membanjiri negara kita sejak tahun 50-an lagi, ketika kita masih dalam jajahan British.

Undang-undang ini bertujuan untuk mengawal pengimportan, pengeksportan, penghasilan, penjualan, penggunaan dan pemilikan opium dan dadah berbahaya dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta 234 serta apa-apa maksud yang berkaitan dengannya. Pada 30 April 1975, peruntukan asal seksyen 39B mula dimasukkan ke dalam Akta 234 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975 Akta 293.

Tujuan Akta 293 (A293) dibuat antara lain adalah untuk menangani peningkatan aktiviti pengedaran dan perdagangan dadah berbahaya dengan memperkenalkan hukuman mati atau hukuman penjara seumur hidup dan sebatan untuk jenayah tersebut memandangkan hukuman yang diperuntukkan dalam Akta 234 sebelum itu didapati tidak berkesan.

Perkara ini telah dinyatakan dalam *Penyata Rasmi* Dewan Rakyat bertarikh 8 April 1975 yang mana Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Menteri Undang-undang merangkap Peguam Negara pada masa itu telah menyatakan seperti berikut;

*“Rang undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan memperdagangkan dadah berbahaya dan penalti baginya adalah hukuman bunuh atau penjara seumur hidup disertakan dengan sebat dan rotan. Hukuman seperti ini nampaknya patut memandangkan kepada bertambahnya bilangan kes perdagangan dadah”*.

Memandangkan kepada gejala tempatan dan antarabangsa sekarang ini, dalam hal penyalahgunaan dadah, penalti-penalti atau hukuman yang diperuntukkan dalam Ordinan Dadah Bahaya 1952 telah didapati tidak mencukupi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1983, seksyen 39 berapa telah dipinda melalui Akta Dadah Bahaya (Pindaan) 1983 Akta A553 untuk memperuntukkan hukuman mati sebagai satu-satunya

hukuman yang boleh dikenakan kesalahan di bawah seksyen ini. hal ini disebabkan berlakunya ketidakselarasan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah untuk jenayah pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta 234 yang diperkenalkan pada tahun 1975.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Musa Hitam, mantan Timbalan Menteri dalam *Penyata Rasmi* Dewan Rakyat bertarikh 24 Mac 1983 seperti berikut;

*“Sejak hukuman ini dimaktubkan di dalam undang-undang pada tahun 1975, didapati tidak ada keseragaman di dalam penghukuman terhadap pengedar dadah. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini dan memandangkan bahawa aktiviti pengedaran dadah makin bertambah serta hukuman yang terdapat sekarang tidak memadai untuk mencari pencegah, adalah dicadangkan supaya satu hukuman sahaja ditetapkan bagi pengedar dadah iaitu hukuman mati”.*

Tuan Yang di-Pertua, kajian terhadap pendekatan mahkamah (*judicial approach*) dalam beberapa kes yang dilaporkan antara tahun 1975 sehingga tahun 1983 sebelum pindaan mendapati bahawa mahkamah tidak konsisten dalam menghukum pesalah di bawah seksyen 39B Akta 234. Dalam kes Loh Hek Seng *and another* melawan *public prosecutor* 1980 2MLG13, perayu kedua kepada disabitkan ke atas tuduhan mengedar 1,550.1 gram heroin dan perayu kedua dihukum penjara seumur hidup dan 14 kali sebat. Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap hukuman yang dikenakan kepada perayu. Kedua, dengan menetapkan, mengetepikan tempoh penjara seumur hidup dan sebat yang dikenakan ke atasnya dan menggantikannya dengan hukuman mati.

Dalam menyampaikan penghakimannya, hakim memutuskan seperti berikut; dengan izin, *“The imposition of the term of imprisonment for life is wholly is inadequate as it does not reflect the gravity of the offence and the circumstances of the case against him. His record of previous convictions, the public interest involved in respect of crime of this nature as sufficient factor of deterrence to others of his ill”.*

#### ■1220

*We accordingly allow the Public Prosecutor’s appeal against sentence in respect of the second appellant set aside the term of imprisonment for life and we pinned impose on him and substitute therefore the sentence of death.*

Walau bagaimanapun, dalam tahun yang sama perayu dalam kes *D.A. Duncan v Public Prosecutor* [1982] MLJ 195, telah disabitkan dengan mengedar 1,647 gram ganja, 683.86 gram morfin dan 933.21 gram heroin dan dihukum penjara seumur hidup dengan enam sebatan. Dia merayu kepada sabitan dan hukumannya, tetapi rayuannya telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

Hakim Mahkamah Persekutuan dalam menyampaikan penghakimannya memutuskan seperti berikut dengan izin, *“The .....of the crime and the seriousness of the view taken by this Court in sentencing drug traffickers need no further discussion. There is no occasion to repeat what we have said in Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor. There is no reason to depart from the approach summarize in that judgement as that appropriate*



*when considering the sentencing of drug traffickers. The appellant is lucky to escape the life imprisonment and having regard to the quality and variety of the drugs with only six strokes, the appeal against the conviction is dismissed”.*

Tuan Yang di-Pertua, Winston Churchill pernah menyatakan, *to impose is to change and to be perfect is to change too often*, dengan izin.

Maka setelah hampir 34 tahun hukuman mati mandatori diperuntukkan di bawah seksyen 39B Akta 234, kerajaan telah mengambil langkah progresif untuk membuat pendekatan yang berbeza dengan menangani isu pengedaran dadah.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 2 November 2012, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah bersetuju agar Jabatan Peguam Negara mengkaji secara menyeluruh cadangan memansuhkan hukuman mati mandatori di bawah antara lain Akta 234 agar hakim diberi kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman. Ini membuktikan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa melihat jauh ke hadapan dan bersedia membuat perubahan mengikut peredaran masa. Dengan itu satu kajian yang telah menyeluruh dan holistik berkaitan hukuman mati telah dijalankan oleh *International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS)* dengan izin, Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini dari tahun 2013 hingga tahun 2016.

Pada 5 September 2016 kerajaan juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas berkaitan hukuman mati yang mana Yang Berhormat Ipoh Barat sendiri adalah salah satu daripada ahli jawatankuasa khas tersebut selain daripada wakil-wakil daripada SUHAKAM, Amnesty International, Majlis Peguam Malaysia, ahli akademik, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara dan sebagainya. Pelbagai isu berkaitan hukuman mati telah dibincangkan dalam mesyuarat ini sebagai proses konsultatif dengan semua pihak-pihak berkepentingan.

Lantaran itu pada 1 Mac 2017, Mesyuarat Jemaah Menteri setelah mendapat taklimat daripada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Ali, Peguam Negara Malaysia, bersetuju agar seksyen 39B Akta 234, dipinda dengan memasukkan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain mati mandatori, dalam hal keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta 234.

Susulan daripada itu Bahagian Pendakwa, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk dengan wakil-wakil daripada agensi penguat kuasa yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia supaya memuktamadkan draf Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan). Rang undang-undang tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 November 2017, di mana Jemaah Menteri sebulat suara telah bersetuju dengan rang undang-undang seperti mana yang berada di atas meja Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini 30 November 2017, merupakan satu tarikh bersejarah dalam evolusi perubahan perundangan dadah dalam negara kita. Rang undang-undang ini

akan memberi ruang budi bicara kepada mahkamah serta mengekalkan prinsip konsistensi dan *fairness* dalam menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada kategori dan *severity*, dengan izin kesalahan yang dilakukan misalnya bagi kesalahan mengedar dadah yang melibatkan *innocent carrier* dengan izin dan *drug muse* dengan izin yang mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara sedang dibacakan di Dewan Rakyat ini.

Cadangan pindaan ini digubal dengan teliti dengan mengambil kira niat utama kerajaan, untuk melindungi kepentingan awam, *public interest* dengan memberikan mesej pencegahan yang serius dan meningkatkan keberkesanan operasi bagi agensi penguat kuasa termasuk PDRM, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia dalam membanteras masalah pengedaran dadah dalam negara Malaysia.

Cadangan pindaan ini memberi peluang kepada orang yang disabitkan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memberi maklumat yang mereka memiliki, khususnya berkaitan dengan pihak-pihak terlibat dalam sindiket pengedaran dadah. Maklumat berkenaan boleh membantu agensi penguat kuasa, dalam usaha-usaha untuk membawa kepada penangkapan, penahanan atau pendakwaan mana-mana orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah.

Secara seluruhnya Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 ini mempunyai tiga fasal seperti berikut;

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 39B Akta 234 seperti yang berikut:-

- (i) Dengan menggantikan subseksyen (2) sedia ada dengan subseksyen (2) yang baru bagi memasukkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu hukuman seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 kali sebat; dan
- (ii) Memasukkan subseksyen (2A), (2B), (2C) baru antara lain bagi menyatakan hal keadaan tertentu yang hanya boleh diambil kira oleh mahkamah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan juga akan melakukan satu pindaan berperingkat di peringkat Jawatankuasa terhadap perenggan-perenggan seksyen 39B(2A)(d), (2B) dan (2C) yang dicadangkan untuk memberikan kuasa budi bicara sepenuhnya kepada mahkamah, termasuk untuk menentukan orang yang disabit telah membantu agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aktiviti pengedaran dadah di dalam atau di luar Malaysia.

Cadangan pindaan ini adalah dengan mengambil kira pandangan dan cadangan ahli-ahli berkepentingan yang telah dikemukakan kepada kerajaan. Pindaan ini menunjukkan keterbukaan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang sentiasa mendengar pandangan pelbagai pihak untuk memastikan setiap keputusan dasar dibuat secara inklusif.

Fasal 3 adalah berkaitan peruntukan peralihan. Peruntukan akta yang dicadangkan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang telah dipertuduh tetapi belum disabit di bawah seksyen 39B Akta Ibu oleh mahkamah yang berwibawa pada tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini. Cadangan pindaan baru pada seksyen 39B Akta 234, tidak terpakai bagi kes yang menunggu rayuan yang mana kes tersebut perlu melalui proses wajar sedia ada. Walau bagaimanapun, mereka yang telah disabit mempunyai peluang merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan selanjutnya membuat petisyen ke Lembaga Pengampunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya terdapat banyak persoalan utama yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak yang perlu diperjelaskan. Persoalan pertama, adakah kerajaan berlembut apabila memperkenalkan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya? Jawapannya tidak. Cadangan pindaan ini merupakan satu inisiatif pihak kerajaan bagi memastikan keadilan sewajarnya kepada mereka yang tidak sepatutnya diberi hukuman mati mandatori. Sesungguhnya kerajaan tidak pernah dan tidak akan berlembut dalam menguatkuasakan undang-undang pencegahan dadah demi menjamin ketenteraman awam. Kerajaan Malaysia tidak akan sama sekali berkompromi dengan penjenayah jenayah dadah, yang merupakan ancaman kepada masyarakat umum dan negara.

Persoalan kedua, sama ada tindakan kerajaan bahawa cadangan pindaan ini hanya terpakai bagi orang-orang yang telah dipertuduh tetapi belum disabit di bawah seksyen 39B Akta 234 adalah rasional. Fasal 3 yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini telah pun menjawab persoalan ini.

Persoalan berkaitan dengan hak kesamarataan sebagaimana yang termaktub dalam fasal 1, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit. Hal ini demikian kerana rang undang-undang ini terpakai kepada mana-mana orang yang dipertuduh tetapi belum disabit.

Kerajaan berpegang kepada kedudukan bahawa haruslah terdapat kemuktamadan dalam prosiding undang-undang *finality in law*. Oleh yang demikian bagi mana-mana orang yang telah disabitkan oleh mahkamah dan berada dalam pelbagai peringkat rayuan termasuk dalam pertimbangan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan dan Lembaga Pengampunan. Maka adalah wajar bagi mahkamah-mahkamah tersebut dan Lembaga Pengampunan untuk membuat sebarang keputusan terhadap kes-kes tersebut berdasarkan fakta sesuatu kes.

Persoalan akhir, sejauh manakah pindaan ini akan membantu pihak kerajaan, khususnya agensi penguat kuasa dalam menangani dan membanteras durjana dadah yang semakin menular di kalangan masyarakat. Sememangnya cadangan pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan pada hari ini untuk memberi ruang budi bicara kepada mahkamah. Pada masa yang sama, adalah syarat mandatori kepada orang yang disabit untuk membantu agensi penguat kuasa dalam mengendalikan aktiviti pengedaran dadah di dalam atau di luar Malaysia.

Justeru itu, ini membuktikan kerajaan serius dalam memperkasakan lagi agensi penguatkuasaan dalam membanteras gejala ini secara habis-habisan sehingga mencari dan

menangkap bukan sahaja dengan izin *drug muse* atau *innocent carrier* tetapi token-token dadah di dalam dan di luar negara. Pendek kata hasrat kerajaan adalah sentiasa untuk tegakkan keadilan meskipun langit akan runtuh seperti kata-kata Latin, *fiat justitia ruat caelum*.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib juga merupakan Ketua Majlis kita, pernah mengatakan bahawa masyarakat perlu mengelak daripada bersikap dengan izin, *not me syndrome* sebaliknya bersama memainkan peranan dalam memahami, mengambil tindakan dan menjadi barisan hadapan dalam menangani isu dadah di komuniti masing-masing. Beliau menegaskan bahawa usaha membanteras penyalahgunaan dadah perlu ditangani secara kolektif oleh semua pihak untuk mengelaknya menjadi lebih buruk dan membawa ancaman keselamatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ramai yang minat? Ya, kita bahas sehingga jam 4 petang. Saya hadkan masa 10 minit. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**12.31 tgh.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada penyalahgunaan dadah, pada hemat saya ia merupakan satu isu utama yang menjadi barah terutama sekali dalam negara ini sehinggakan ia menjadi antara isu yang hangat diperdebatkan oleh masyarakat Malaysia. Penyalahgunaan dadah tidak mengira warna kulit mahupun agama yang dianuti. Penyalahgunaan dadah bukanlah satu isu baru yang pada dasarnya negara kita terlepas daripada masalah yang membelenggu hampir kesemua negara di dunia ini.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia, menunjukkan bahawa sejak tahun 2014 sehingga Oktober 2017, seramai 702,319 orang pengedar dadah telah ditangkap. Ditambah pula statistik Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa 71.3 peratus daripada jumlah bantuan yang melakukan kesalahan berkaitan dadah terdiri daripada kaum Melayu yang ia merupakan satu peratusan yang amat tinggi berbanding kaum lain.

Lebih membimbangkan lagi apabila rekod Agensi Antidadah Kebangsaan menunjukkan statistik penagihan dadah di kalangan pelajar sekolah terutamanya pelajar sekolah menengah pada tahun 2016 adalah sebanyak 1,411 orang dan meningkat sehingga 1,731 orang sehingga September 2017. Justeru itu, melihat kepada pindaan yang dibuat pada hari ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan kerana pindaan hari ini merupakan satu mekanisme yang pada hemat saya berbentuk pencegahan yang lebih serius bagi mengatasi permasalahan dadah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika dahulu kita hanya mengetahui dan mengenali jenis dadah opiat yang terdiri daripada heroin, morfin dan ganja serta dadah sintetik seperti syabu, *ice*, *crystal* dan *diamond*. Hari ini, sindiket dadah semakin licik bagi mengaut keuntungan menghasilkan dadah sintetik terbaharu menggunakan bahan kimia yang tidak menyalahi undang-undang tetapi mampu memberikan kesan yang sungguh mengkhayalkan yang dikenali sebagai dengan izin, *new psychoactive substances* (NPS) bagi mengelakkan mereka disabitkan kesalahan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

Menurut data yang diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia menunjukkan satu angka yang sungguh membimbangkan kerana terdapat lebih kurang 800 jenis dadah *new psychoactive substances* (NPS) namun berjaya dikenal pasti adalah berjumlah 27 jenis. Daripada 800 dikenal pasti 27 jenis. Manakala daripada 27 jenis ini, hanya 9 sahaja yang telah diperuntukkan di bawah Akta Racun. Kini antara dadah NPS yang berbahaya dan menjadikan penagih lebih agresif seakan-akan zombi ialah dadah jenis *flakka* atau dikenali sebagai *the zombie drugs* yang merupakan dengan izin, *new psychoactive substances* (NPS).

Dadah *flakka* ini boleh merangsang bahagian otak yang mengatur *mood*, hormon dopamin dan serotonin agar pengguna dadah itu merasa lebih kuat, tidak takut, hilang rasa malu dan menjadi gila. Tambahan pula di negara Amerika Syarikat telah mengenal pasti bahawa ia sedang dijual secara berleluasa di luar dan di dalam bentuk gula-gula jeli.

Justeru itu, saya ingin menggesa kepada pihak kerajaan, sama ada PDRM dan Agensi Antidadah Kebangsaan agar mempergiatkan usaha membendung pengedaran dadah *flakka* ini yang mampu membahayakan masyarakat serta memberikan kesan daripada keadaan yang mampu mengubah manusia kepada menjadi zombi.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada keperluan dan rasional meminda seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, harus diketahui bahawa kali terakhir akta ini dipinda adalah pada tahun 1983 dengan memasukkan pindaan peruntukan hukuman mati mandatori kepada individu yang mengedar dadah iaitu 34 tahun yang lalu. Oleh itu pada hemat saya pindaan kepada seksyen 39B ini merupakan satu pindaan yang relevan dan rasional, menepati kehendak dan keperluan semasa.

Tambahan pula, pindaan ini dapat memperkasakan lagi aspek hak asasi manusia di dalam memastikan keadilan yang sewajarnya dapat diberikan kepada individu yang tidak sepatutnya diberikan hukuman mati mandatori. Apatah lagi ianya akan memberikan peluang kedua khususnya kepada mereka untuk hidup kepada keldai dadah dan memberikan

keadilan yang sewajarnya kepada mereka berbanding sebelum pindaan ini dibuat. Mengapa tidak? Ini kerana ada di antara mereka ini saya difahamkan dianiaya dan ditipu oleh sindiket dadah dengan menjadikan mereka terperangkap di dalam situasi yang membawa mereka ke tali gantung.

Maka pada hemat saya, pindaan terhadap seksyen 39B ini memperuntukkan kuasa budi bicara hakim adalah perlu memandangkan hukuman mati mandatori yang diperuntukkan sebelum ini agak berat. Di samping itu, darjah pembuktian kes sangat berat kerana memerlukan pendakwa raya membuktikan bahawa kes ini melebihi keraguan munasabah ataupun dengan izin, *beyond reasonable doubt*.

Kesannya sesuatu kes perbicaraan terpaksa mengambil masa yang sangat lama sehinggakan memakan tahun dan mengakibatkan lambakan kes yang gagal diselesaikan dengan cepat. Sehubungan dengan itu, dengan pindaan ini memberikan peluang kepada hakim untuk membuat pilihan hukuman selain daripada hukuman mati iaitu hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang 15 kali seperti mana yang ditetapkan di dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan peruntukan undang-undang negara luar, misalnya negara jiran Singapura yang lebih liberal di dalam mengatasi masalah dadah, Singapura memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan ke atas pengedar dadah. Justeru itu pada hemat saya, pindaan undang-undang ini adalah bersesuaian dengan perkembangan peruntukan undang-undang di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berharap agar pindaan rang undang-undang ini akan membawa satu impak baru dalam usaha kerajaan ke arah membentuk mekanisme kerjasama strategik di peringkat antarabangsa daripada segi pertukaran banduan yang dijadikan keldai dadah yang telah disabitkan kesalahan mengikut undang-undang negara asing. Perkara ini sangat penting kerana dalam usaha untuk memberikan keadilan sosial dan melindungi hak asasi rakyat negara ini memandangkan kita masih lagi sedih dengan kematian Syzlin Hataman, mengasa sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang di penjara dan terkandas di Lima, Peru sejak lapan tahun. Menyedihkan lagi beliau dijemput Ilahi dalam keadaannya dan rindunya yang masih lagi belum terubat akibat terpisah daripada keluarga.

#### ■ 1240

Saya amat berharap agar pindaan ini mampu menjadi pemangkin kepada usaha memberikan keadilan kepada mangsa keldai dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berharap agar pihak kementerian dapat menambah baik infrastruktur Penjara Simpang Renggam yang menempatkan pesalah dadah. Pada masa kini jumlah banduan saya dimaklumkan seramai 4,200 orang dan ia semakin sesak dan tidak mampu menampung kapasiti yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini bahawa keperluan kepada pindaan ini saya amat yakin dengan pemansuhan hukuman mati mandatori ini tidak menunjukkan dan menyampaikan mesej bahawa kerajaan telah berlembut kepada pesalah dadah. Buktinya hukuman mati masih ada dan kerajaan tidak berkompromi dengan pengedar dadah dan ia

merupakan satu usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan operasi penguatkuasaan undang-undang negara. Dengan ini Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**12.41 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengadakan perbincangan dengan *stakeholders*, di antaranya peguam-peguam dan juga Ahli-ahli Parlimen beberapa kali dan kali terakhir sekali adalah minggu dahulu pada hari Khamis, di mana kita telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan membuat beberapa cadangan walaupun cadangan-cadangan itu *not 100 percent* yang telah diimplementasikan tetapi nampaknya *it is a positive move*. Perkara yang saya khuatir ini adalah pada dalamannya adalah satu *cosmetic change only. It is not really bring fundamental changes*. Di antaranya saya rasa cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor perlu diambil kira.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara yang mustahak adalah dalam ini di mana *discretion* yang penuh, perlu diberi kepada hakim iaitu mengenai bila menjatuhkan hukuman dan sebagainya tidak patut sesiapa terlibat dalam hal itu selain daripada hakim sahaja. *There must be*, ini adalah perkara yang mustahak. Itulah saya kata hari itu sahaja dalam perbincangan kita ada bagi tahu bahawa kita perlu satu rang undang-undang untuk *retrospectiveness* perkara ini kerana kita ada lebih kurang 800 lebih orang yang telah dihukum mati tetapi kemungkinan besar walaupun rang undang-undang ini diluluskan hari ini mereka tidak akan menikmati apa-apa dalam perkara ini dan ini adalah satu saya rasa yang tidak seimbang.

Kalau kita tengok dengan *Federal Constitution on the issue of equality* adalah bertentangan dengan *proviso* tersebut di mana *there's clear discrimination* pada satu pihak dan undang-undang ini adalah sedemikian. Walaupun kita telah memberitahu pandangan kita tetapi nampaknya perkara ini belum lagi diambil kira atau tidak diambil kira. Saya ragu bahawa perkara itu akan di- lepas itu walaupun diluluskan hari ini, pihak-pihak yang 800 ratus lebih orang itu akan memfailkan kes. Ini akan mengambil masa dan ini akan merumitkan perkara ini. Saya harap ada satu *positive thinking* dalam perkara ini supaya *win-win position*. Kalau kita hendak betul-betul berhasrat untuk menolong mengatasi masalah yang sedia ada, jangan kita hadkan kepada segolongan sahaja atau satu masa sahaja.

Itu sebab hari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri bila...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat bila kita bincang berkenaan dengan isu *retrospectivity*, saya merujuk kepada seksyen 3 di dalam rang undang-undang ini di mana ada seksyen 3 (2) menyatakan “*Any proceedings against any person who has been charged, whether or not trial has been commenced, completed, but has not been convicted under 39B by a competent court then of course should be dealt with by the competent court and continued under the provision of the principal Act as amended.*”

Jadi dalam keadaan itu saya cukup setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, ia terhad hanya kepada kes-kes di mana belum ada sabitan. Jadi untuk rekod, *I think* soalan saya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, bolehkah kita beritahu dalam pandangan kita sebagai pengamal undang-undang *retrospectivity* yang disebut itu seharusnya melingkungi apa? Itu persoalan saya kepada Ipoh Barat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Saya setuju bahawa saya sangat tidak faham langsung kenapa ia terhad kepada kes-kes yang sedia ada? Sepatutnya kepada semua kes-kes yang di mana hukuman telah dijatuhkan. Itu pun perlu. Itulah dasarnya kerana saya berpendapat dan ramai di antara peguam-peguam luar berpendapat bahawa kalau ini diluluskan ini ia bertentangan dengan *Federal Constitution* dan ini akan membangkitkan lagi satu perbincangan di mahkamah.

Yang lebih mustahak Yang Berhormat Puchong adalah pada bulan Ogos bila Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 dibawa ke Dewan Rakyat dan kita ada satu *retrospectivity* dari mula, *from the time of inception of the Law Reform (Marriage And Divorce) Act 1976. It was embedded to that effect* kerana walaupun- jangan kita terhadkan kepada segolongan sahaja. *It must be everybody, the law assist is colour blind and justice must be done.* Jadi, maka *retrospectivity* ini perlu diambil kira. Saya rasa itu adalah satu itulah saya kata Tuan Yang di-Pertua, bahawa *there's only cosmetic changes* dalam rang undang-undang ini. Saya oleh sebab masa...

Saya merujuk juga pergi ke perkara yang lebih mustahak juga di mana *Pardons Board* iaitu Badan Pengampunan, saya difahamkan ratusan orang telah memohon kepada badan tersebut dan ada di antaranya saya hendak tanya berapakah yang telah memohon dan bolehkah senaraikan mengikut negeri-negeri? Saya juga difahamkan bahawa tidak ada apa-apa keputusan dibuat dan ada desakan-desakan tertentu daripada Jabatan Penjara untuk menggantungkan hingga mati orang-orang yang terlibat dalam perkara ini. Adakah ini benar? Apakah yang akan dibuat supaya semua kes-kes sedemikian, *there is a common moratorium* dalam hal ini. Adakah ini akan diimplementasikan oleh kerajaan? Adakah Yang Berhormat Menteri telah, akan membuat pengumuman mengenai perkara ini?

Hal ini kerana itu juga satu *fairness to everybody* supaya kita tidak mendiskriminasi kepada pihak-pihak yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan bila saya difahamkan Peguam Negara pada permulaannya telah mengatakan bahawa mengenai kesabitan itu perlu diberi semua kuasa kepada hakim-hakim tetapi saya hairan kenapa pandangan beliau tidak diambil kira oleh kementerian?



Adakah Tuan Yang di-Pertua, *the little Napoleons have got a stronger hold on the whole issue* dan hingga Peguam Negara perlu adakan *press conference* untuk mengatakan *different stand from the kerajaan?* Nampaknya *there is a conflict going on* mungkin ada *team 'A' team 'B'* tetapi saya tidak faham. Akan tetapi kenapa kita perlu tidak mengambil kira pandangan Peguam Negara bila ia ada kena-mengena dan terus terang adalah tepat? Kali ini saya hendak kata saya setuju kepada pandangan Peguam Negara yang mengatakan bahawa bila menyabit *sentencing should be left, discretion must be given totally to the judges* dan bukan kepada pendakwa raya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih kepada perkara di mana satu Ahli Parlimen di Dewan ini telah mengatakan untuk menyelesaikan perkara ini tembak mereka sahaja lah. Tembak, tembak orang-orang yang terlibat dalam mengambil dadah ini adalah satu fikiran yang cacat dan satu fikiran yang tidak boleh diterima. Saya haraplah Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu terlibat dalam dadah, *it is not a self doing, it is the environment*. Saya Tuan Yang di-Pertua, keluarga saya sendiri satu di antaranya terlibat mengambil dadah hingga meninggal dunia dan ini bukan aneh. Saya rasa saya ada bincang dengan beberapa Ahli Parlimen, adik-beradik mereka pun terlibat. *It is* jangan cari jalan yang senang untuk menyelesaikan hingga mengatakan apa yang dibuat di Filipina adalah betul dan perlu ambil tindakan supaya kita menghapuskan mereka. Ini pandangan yang saya rasa Tuan Yang di-Pertua, pandangan seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang saya rasa patut meminta maaf kepada masyarakat di dunia ini

■1250

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat, sikit.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Must be fast ya.*

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sikit sahaja ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Ipoh Barat bercakap fasal pandangan, yang kita hendak pinda sekarang adalah berkenaan dengan budi bicara. Jadi makna adakah kita melihat bahawa pandangan itu akan diterima? Jadi kita janganlah maknanya setiap pandangan orang ini kita kata tidak betul dan sebagainya itu pendapat beliau.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, tidak cukup masa terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Janganlah asyik sebut ini dari BN dan sebagainya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jadi, jadi saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Daripada DAP sendiri pun kadang-kadang pandangan pun memang teruk. Jangan sebut macam itu ya, *please, please*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat *you know...* Bukan, bila pandangan itu yang langsung *'constrict to.... fanners'* tidak boleh diterimalah. Saya rasa itu

bila pada masa itu masa Yang Berhormat berucap saya akan tanya soalan lebih baik. Tuan Yang di-Pertua lagi satu hal yang saya hendak alih adalah di mana saya difahamkan dadah-dadah diambil yang ditangkap atau *has been sees* banyak di antara dadah-dadah itu di *recycle* balik. Saya difahamkan adalah tidak dihapuskan maka apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian supaya perkara-perkara ini tidak berlaku dan *investigation* yang menyeluruh perlu supaya lebih efisien, supaya yang betul-betul orang yang salah dapat dibawa ke mahkamah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**12.51 tgh.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Membaca sepotong doa*]. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertamanya Yang Berhormat Bagan Serai ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana pindaan yang akan dibuat dalam Akta 234 berkenaan dengan seksyen 39B ini adalah satu sejarah dalam undang-undang negara kita berkenaan dengan dadah. Ini kerana selama enam dekad hukuman *death penalty* ini mandatori mati ini telah diwujudkan tetapi sehingga sekarang ini kita dapati dadah semakin berleluasa. Daripada tradisional pergi ke sintetik, daripada orang-orang yang *season-season* yang tua-tua ini sekarang sudah menjadi anak muda. Menjadi satu kebimbangan yang sangat serius kerana negara kita hendak pergi TN50, kita hendak pergi ke pembangunan hendak jadi negara maju.

Kita hendak pergi kepada Revolusi Industri Keempat. Kalau dadah ini wujud kalau perkara ini masih wujud maka ia akan merosakkan segala-galanya. Jadi saya selalu kata sebenarnya, kalau kita tanam padi kita tak boleh harap tumbuh gandum. Kalau kita dok tanam padi juga dan masih mengharapkan gandum juga maknanya kita buat satu yang sia-sia. *Repeating the same things, doing the same things, again and again but expecting a different result is an ..... action* dengan izin. Dadah ini bukan dengan *demand and supply*. Dia berkenaan dengan permintaan dan penawaran dan permintaan. Saya terfikir kalau kita buka kedai dan orang tak datang kedai kita, apa hendak jadi dengan kedai kita? Kita tutup kedai, betul? Kita tutup kedai. Kalau kita buka kedai kita tunggu kita hendak *supply* barang orang tak nak beli apa jadi? Tutup kedai, kita tutup kedai.

Jadi ini sahaja boleh buat kita, Yang Berhormat Bagan Serai berpendapat kita fokus kepada *demand* sebenarnya. Apa yang terjadi hari ini kita lihat statistik menunjukkan perniagaan dadah meningkat 14 *percent* kepada 30,847 orang pada tahun 2016 berbanding dengan 26,668 kes pada tahun 2015. Statistik ini menunjukkan peningkatan penagih baru kepada 22,925 kes berbanding 20,281 kes pada dulu. Jadi kempen simpan dadah yang dijalankan pada tahun lepas agak sukar mencapai kejayaan berikutan perkara-perkara ini. Jadi apa yang hendak saya katakan tadi tentang *demand* dan *supply* ini fokus kita kepada orang-orang yang menagih ini, fokus kepada orang yang menagih ini. Kita sudah buat macam-macam sudah, saya hendak ucap tahniahlah kepada kerajaan, kepada AADK,

kepada semua agensi yang terlibatlah. AADK, PEMADAM dan semua yang terlibat yang dalam usaha untuk menghapuskan masalah dadah ini.

Kita namakan dadah ini musuh negara nombor satu daripada dulu lagi. Jadi apa yang hendak saya katakan satu tindakan yang baik, ucap tahniah kepada kerajaan sekali lagi kerana nampak gaya hukuman dadah mandatori ini tak jalan. Seorang saintis dan seorang pakar, *expert* dalam polisi dadah mengatakan *death penalty is not effective in fact a tread of detection is more effective*. Bermaknanya Kingpin dia tak takutlah dia tak takut, hukuman mati dia tak takut. Saya pernah kata hari itu kalau buat hukuman mati saya tak tahu saya bukan *lawyer*. Kalau buat hukuman mati tengah orang ramai macam mana. Ada takut kah? Akan tetapi Kingpin tak takut, yang kena ini yang bawah-bawah ini, yang kena yang bawah-bawah tak tahu ini. Sebab itu undang-undang ini Yang Berhormat Bagan Serai berpendapat memberi keadilan, memberi peluang kepada mahkamah supaya orang-orang yang tak tahu apa ini, keldai dadah ini, orang-orang yang terdesak ini, orang-orang yang keperluan mendadak ini tiba-tiba dapat diselamatkan Tuan Yang di-Pertua. Ya, sikit sahaja.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik bila Yang Berhormat Bagan Serai bangkitkan tentang Kingpin. Setujukah Yang Berhormat Bagan Serai dengan pindaan rang undang-undang pada hari ini akan membolehkan agensi-agensi penguatkuasaan untuk menangkap Kingpin melalui maklumat daripada tertuduh kerana mahkamah mempunyai budi bicara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor itu memang saya pun berpendapat sama juga jelas. Masukkan dalam perbahasan saya. Saya dalam empat tahun ini berpeluang mengikuti beberapa *workshop* dan seminar. Contohnya pada November 2013 saya hadir The 11th ICAAP ini berkenaan AIDS ASEAN Pasifik dunia punya. Cakap benda yang sama juga kerana banyak AIDS, banyak HIV disebabkan oleh *injecting drugs*. Kemudian saya mengikuti satu program untuk mengkaji dasar dadah Zurich pada tahun 2014 bulan Ogos. Pada tahun 2015 dan tahun 2017 saya mengikuti Mesyuarat AIFOCOM yang juga berkenaan dengan dadah yang mengatakan kita perlukan *harmonization of law* tetapi tak berlaku.

Negara di keliling kita ASEAN ini mereka *producer*, bawa ke sini mereka *producer* ada bawa ke sini jadi bercakap, bercakap, bercakap tetapi tak ada *action* yang jelas. Yang kita bimbang ialah masalah dadah meruncing hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Zurich umpannya mereka menghadapi masalah ini dalam tahun 1980-an dan kerajaan telah bertindak dengan satu polisi yang drastik yang berkenaan dengan rawatan, pencegahan, undang-undang dan juga *harm reduction*. *Harm reduction* ini saya tengok kita sudah buat, AADK dibuat pada tahun 2006 masa itu meruncing HIV di sini dengan NICP. Kemudian pada tahun 2011, AADK sekarang ini *convert* kepada punitif kepada sukarela. Datanglah Klinik Cure & Care, klinik macam-macam ada beberapa siri-siri vokasional dan sebagainya.

Mewujudkan NICP, OST mewujudkan *screening* dan sebagainya untuk membantu. Tetapi saya lihatlah contohnya di Zurichlah mereka menggunakan satu pendekatan HAT iaitu

memberikan dadah itu sendiri pada pesakit. Sebenarnya terjadinya *crime* ini sebab perkara-perkara macam ini. Kini 20 dekad telah berlalu apa yang jadi dekat Zurich, kes *crime*, kes jenayah kurang, kes HIV mati kurang, kes kematian disebabkan dadah kurang, dan masyarakat yang mengambil dadah itu menjadi bertambah sihat. Sebab apa ada...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Hendak buat fasal.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Ada rawatan daripada doktornya. Mereka mendapat dadah di hospital, mereka mendapat dadah di klinik, ada pusat-pusat yang menyediakan. Ini memang kalau Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, sikit sahaja.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sikit. Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak tambah sedikit sebab saya beberapa kali menyebut tetapi saya rasa Menteri tak faham poin saya. Poin saya begitu kalau kita benarkan yang disebut *medicinal marijuana* misalannya ganja misalannya. Dia ialah sebagai juga *harm reduction measure* ataupun usaha untuk mengurangkan mudarat kerana ganja misalnya sangat kurang mudaratnya berbanding dengan dadah sintetik dan masih kurang dan sangat murah berbanding dengan buprenorphine, methadone yang kita benarkan. Itu pun dadah juga. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi kalau dia ambil dadah yang hendak diambil itu secara teratur dan dadah lebih bersih dan diberikan jarum yang lebih baik maka dia takkan jadi sakit, maka dia takkan buat jenayah di luar. Hasilnya hari ini penurunan kes-kes ini. Saya tak tahu mungkin kita terpaksa berfikir di luar kotak setelah enam dekad kita mencuba undang-undang itu tak jadi dan kita lihat macam-macam sudah jadi hari ini. Ini satu pendekatan yang saya fikir.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak balik kepada pindaan-pindaan iaitu benda saya hendak bagi tahu ialah tentang saya setuju pada dasarnya tetapi ada pendekatan yang keempat itu di mana pendakwa raya terpaksa memberikan persetujuan dengan bertulis. Ini agak susah sikitlah maknanya ada sekatan kepada mahkamah sebenarnya.

Pendakwa raya tidak boleh ditegur umpamanya nampak di sini dan mestilah dengan orang dituduh itu ada pula beri bantuan sehingga terjadi tangkapan dan penahanan. Di sini ada agak susah sedikit bagaimana supaya dia dapat menepati faktor-faktor (a), (b), (c) dan (d) ini tentang yang lain tak apa tetapi yang berkaitan dengan (d) ini di mana pendakwa raya sebenarnya berkuasa atas penulisan ini. Ini di sini tidak ada kelonggaran. Satu lagi yang menjadi keldai dadah ini yang tersepit yang susah. Saya bagi satu contoh ada makcik jual sayur sudah lama sudah orang *offer* dia RM50,000 dia pergi hantar dadah ke Australia sebab

dia hendak anak dia masuk kolej dan dia tertangkap. Macam mana makcik ini, 60 tahun seumur hidup.

Umpamanya, terlepas ganti gantung ini sudah bagus sudah kalau dapat macam ini tetapi adakah makcik ini dapat memberi bantuan menyatakan bantuan kepada pendakwa raya tadi? Akan tetapi umur 60 tahun seumur hidup. Mungkin seumur hidup ini patut dikaji. Saya rasa kalau orang hendak hidup sekarang ini berapa orang hidup 100 tahun? Sudah dapat 80 tahun pun sudah bagus sudah. Kalau dapat 90 tahun '*satgi*' nyanyuk pula. Ada 90 sini? Ada? Jadi masalah pula kepada orang nanti kacau orang pula tapi 80 tahun ini. Jadi kalau umur 60 bagi cukup 80 umpamanya kalau bertepatan kepada perkara-perkara ini. Jadi saya memang Bagan Serai memikirkan setuju dengan perkara ini kecuali perkara (d) tadi dan juga memohon supaya seumur hidup itu kalau orang tua macam ini.

Dihukum seumur hidup atas kebodohnya, kesilapan dia, keperitan hidup dia ini yang kita bimbang, kita bimbang ini menjadi dan ini yang jadi kebanyakannya. Saya hendak merujuk kepada stigma yang ada pada hari ini. Kalau kita lihat orang yang cacat kudung kaki, kudung tangan kita kesian. Tetapi kalau kita lihat orang gila kita kata apa, oh dia gila semua orang lari. Semua orang tak mahu dekat sebab dia gila macam itu tetapi dia sakit, dia sakit. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya yang ambil dadah ini dia sakit di atas, dia punya *hardware* okey, dia punya *software* sahaja tak okey. Tuan Yang di-Pertua, tak puas Tuan Yang di-Pertua sikit lagi boleh?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan Serai okey?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha, apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey tak?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai okey kah?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya okey, saya okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau ada okey kita berhenti rehat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** 10 minit Tuan Yang di-Pertua, 10 minit. Tak habis sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa minit Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dapat 10 minit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 10 minit ini sudah habis 10 minit.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oh, sudah habis ya? Saya tidak sedar tadi. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokonglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu yang saya tanya Yang Berhormat Bagan Serai okey ke tak?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya okey. Tuan Yang di-Pertua kita kena lihat penagih dadah ini dengan penuh kasih sayang dan mereka yang menjadi Kingpin ini patut dihukum dengan mandatori mati. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, terima kasih. Kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Cantik tulisan *[Ketawa]*

**2.32 ptg.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan cadangan-cadangan pindaan ataupun cadangan kepada pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 ini. Pertama sekali, ingin saya rekodkan bahawa memang merupakan satu langkah ke arah yang betul untuk pindaan-pindaan dibuat kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, perlu saya menyatakan juga bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan tersebut bukannya pindaan-pindaan yang lengkap. Perlu kita lihat kepada apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri semalam, di mana beliau telah pun menyatakan bahawa kerajaan telah pun mengambil kira bantahan-bantahan daripada *stakeholders* dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan di dalam bil ini ataupun rang undang-undang ini, di mana kerajaan telah pun memutuskan untuk meminda rang undang ini dengan memasukkan ataupun memasukkan ke dalam pindaan seksyen 2A di dalam rang undang-undang ini agar bahawa keperluan pendakwa raya mengeluarkan satu sijil dikecualikan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita lihat kepada keseluruhan pindaan tersebut, pindaan tersebut masih memerlukan mahkamah mengambil kira sama ada seorang itu boleh membantu di dalam siasatan ataupun dengan izin, boleh saya menyatakan dalam bahasa asal di dalam rang undang-undang itu, di mana mahkamah perlu sebelum melaksanakan budi bicaranya untuk menjatuhkan *either* hukuman gantung ataupun hukuman seumur hidup. Mahkamah perlu mengambil kira sama ada *the person convicted*, dengan izin, *as assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within outside*

Malaysia. Dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa budi bicara tersebut masih tidak terletak di tangan mahkamah. *It is important*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kami perlu ingat kembali kepada amalan undang-undang ini sebelum tahun 1983 di mana Akta Dadah Berbahaya ini dipinda untuk memasukkan hukuman mandatori gantung mati.

Sebelum itu, kesemua budi bicara berada di dalam tangan mahkamah. Mahkamah mengambil kira fakta-fakta dan keadaan untuk menjatuhkan hukuman mati atau tidak. Jadi, kenapakah sekarang kerajaan bercadang agar untuk *depart* ataupun tidak mengikut amalan sebelum 1983 tersebut? Adakah kerajaan tidak yakin dengan mahkamah dan cara mahkamah mengendalikan kes-kes sebegini? Kita perlu mengambil kira Tuan Yang di-Pertua, bahawa hakim-hakim mempunyai kepakaran tertentu. *They are equipped with the necessary expertise* untuk mengendalikan kes-kes seperti ini. Saya telah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, di mana beliau telah menyatakan bahawa kesan dadah ini mempunyai kesan yang buruk terhadap pelajar-pelajar dan remaja-remaja kami.

Memang kita bersetuju dengan hujahan tersebut, tetapi kita juga perlu mengambil kira bahawa terdapat juga banyak kes contohnya *drug mule* ataupun keldai dadah di mana mangsa-mangsa ataupun *drug mule* tersebut terpaksa ataupun menjadi *victims of circumstances* di mana mereka terpaksa melakukan apa yang mereka lakukan. Dalam hal begitu Tuan Yang di-Pertua, sudah tentunya kita perlu mempertimbangkan kepentingan mereka dengan memberi kuasa ataupun budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang sesuai. Kalau kita lihat kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan di dalam rang undang-undang ini, kita boleh lihat bahawa mahkamah tiada kuasa selain daripada menjatuhkan hukuman *life imprisonment* ataupun seumur hidup.

Kalau kita- saya beri satu contoh. Seorang *drug mule* Tuan Yang di-Pertua, beliau datang, beliau dikatakan mempunyai di dalam *possession*-nya atau kawalannya 20 gram heroin. Kita tahu bahawa had *limit* ataupun batasan untuk hukuman mati di dalam kes heroin adalah 15 gram. Ini bermaksud beliau hanya melampaui batas sebanyak lima gram. Adakah kami dalam kes seperti itu akan menjatuhkan hukuman seumur hidup kepada orang tersebut? Bukankah lebih penting kita mengamalkan ataupun melaksanakan polisi reformasi? *To reform the person, so that* agar beliau tidak melakukannya sekali lagi. Kita tidak boleh meng-adopt-kan fikiran seperti Yang Berhormat Kinabatangan semalam, "*Bunuh sahaja ataupun tembak semua mereka*". Beliau menyatakan macam itu tanpa sebarang *facts and figures* untuk menyokong apa yang beliau kata. *Absolutely devoid of facts and figures*.

Kita tidak boleh meng-adopt-kan fikiran tersebut. Kita mesti mengambil kira bahawa *reformed of a drug addicts or a traffickers is also of foremost important*. Kita telah lihat banyak penyelidikan ataupun *research* daripada contohnya *Amnesty International* yang menyatakan bahawa *a drug* ataupun *death penalty* itu bukannya mempunyai apa-apa *effect deterrent*. Hakikatnya di dalam negara-negara yang *abolish*-kan *mandatory death penalty*, kita pun tidak lihat bahawa kejadian *drug trafficking* itu berkurangan. *There is been no decrease of drug trafficking even in cases or jurisdiction which ever abolish the death penalty. In other words, is not an effective deterrent*. Dalam cadangan pindaan-pindaan yang dicadangkan di sini, kita

boleh lihat bahawa ia tidak mempunyai kesan retrospektif seperti yang telah pun dikatakan oleh rakan saya, Yang Berhormat Ipoh Barat tadi.

Lebih kurang 700 hingga 800 orang kini telah pun disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya dan akan ataupun berada di bawah *death row*. Beliau-- mereka akan digantung mati. Kenapakah pindaan-pindaan ini tidak boleh terpakai kepada mereka? Tiadanya sebarang justifikasi untuk kerajaan menafikan pindaan-pindaan ini ataupun *benefit* pindaan-pindaan ini kepada mereka yang telah pun disabitkan.

■1440

*There is absolutely no justification.* Sebenarnya Perlembagaan Persekutuan, kami juga menyatakan bahawa *all are equal before the law*. Jadi, apakah justifikasi kerajaan dalam menafikan perkara ini kepada mereka yang disabitkan? *After all* Tuan Yang di-Pertua, hanya 800 orang yang terlibat. Sudah tentunya bahawa satu peruntukan untuk membenarkan orang yang disabitkan tersebut untuk menyemak semula sabitan mereka dan hukuman mereka adalah wajar. Itu yang telah pun saya cadangkan di dalam cadangan saya yang akan didengar dalam Jawatankuasa nanti. Akan tetapi saya memujuk ataupun merayu kepada kerajaan untuk mengambil kira bahawa cadangan-cadangan ini sepatutnya dijadikan retrospektif selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Ini adalah perlu kita lihat bahawa memandangkan kerajaan telah pun bersetuju bahawa hukuman gantung itu sepatutnya ditarik balik atau pun di *abolish* kan. Ini bermaksud bahawa kerajaan mengiktiraf bahawa hukuman gantung mati itu tidak sesuai dalam semua keadaan. Memandangkan keadaan tersebut, kenapakah kerajaan masih berpegang kepada pendirian bahawa mahkamah tidak boleh menyemak semula hukuman seorang yang disabitkan tersebut? Ini tidak masuk akal. *We have to allow this* rang undang-undang yang dipinda untuk *to apply across the board*. Juga bahawa sekiranya kita tidak membenarkan ia terpakai kepada semua, termasuk mereka yang disabitkan, ini adalah amat *discriminatory*.

Akhir sekali, memandangkan kesuntukan masa, saya ingin menyentuh berkenaan dengan budi bicara yang diberi kepada mahkamah. Sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada mati, apakah alternatifnya? Satu sahaja iaitu hukuman sepanjang-seumur hidup. *Again*, itu adalah satu perkara yang amat tidak adil.

Oleh sebab terdapat banyak kes seperti yang telah saya beri satu contoh tadi. Di mana seseorang itu walaupun *deserved to be punish*, tidak *deserved* untuk dijatuhkan hukuman seumur hidup sekiranya beliau hanya melampaui batas sebanyak lima gram. *Are we going to lock him up for his whole life?* Itu juga satu perkara yang perlu dipertimbangkan. Pada prinsipnya, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan oleh sebab memulakan tindakan *reform of the Dangerous Drugs Act* ini. Akan tetapi perlu saya nyatakan dan menyatakan di dalam rekod bahawa pindaan-pindaan tersebut adalah tidak lengkap dan perlu dikaji semula. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.



**2.43 ptg.**

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kita kena melihat rang undang-undang pindaan ini sebenarnya tujuan ialah untuk memberi kuasa kepada hakim dengan kuasa budi bicara untuk mengenakan hukuman mati ataupun penjara seumur hidup dan juga sebatan yang tidak kurang daripada 15 kali bagi kes-kes yang melibatkan pengedaran dadah. Jadi, budi bicara yang diberikan itu ia tertumpu kepada beberapa perkara iaitu tiada jual beli dadah berbahaya ketika ditahan dan tidak melibatkan agen *provocateur* ataupun dia ini sebagai *innocent courier*. Maksudnya, yang dimaksudkan mungkin keldai-keldai dadah itulah dan juga orang yang disabit telah membantu untuk menumpaskan aktiviti pengedaran dadah.

Selain daripada itu, tidak ada budi bicara. Jadi makna, saya lihat bahawa seolah-olah budi bicara ini ditetapkan oleh pihak kita sebagai *law maker* di Parlimen. Saya takut akan adanya kita ini akan melanggar yang dikatakan doktrin pengasingan kuasa. Oleh sebab kita sebagai Parlimen hanya menentukan hukuman tetapi seolah-olah dalam akta ini, akta pindaan ini, seolah-olah kita menentukan cara macam mana hendak menjatuhkan hukum.

Oleh sebab kalau dalam kes-kes jenayah lain, kalau kita lihat, dinyatakan dalam prosedur. Kalau Kanun Tatacara Jenayah dan sebagainya, dinyatakan dalam prosedur tentang apa hukuman yang boleh dipertimbangkan, budi bicara yang boleh digunakan seperti disebut dalam 173A, Kanun Tatacara Jenayah, di bawah 294, Kanun Tatacara Jenayah. Itu yang kita kena *consider* apabila ingin menjatuhkan hukuman sama ada berat ataupun ringan.

Akan tetapi yang masalah kita sekarang, kita sendiri yang menentukan di Parlimen ini. Oleh sebab saya takut kalau perkara ini berlaku, sebab ramai antara Ahli-ahli Parlimen kita kadang-kadang mempersoalkan budi bicara pihak-pihak lain. Kadang-kadang apabila kita lihat kuasa budi bicara, ia ada dua kuasa budi bicara sebenarnya. Satu di bawah perlembagaan dan satu lagi di bawah pentadbiran. Kuasa kalau di bawah perlembagaan jelas kita lihat, kuasa Peguam Negara cukup jelas, 145(3). Dinyatakan bahawa kuasa adalah sama ada untuk menuduh ataupun menarik pertuduhan, itu yang kuasa-kuasa mereka ada.

Akan tetapi masalah dipersoalkan berbagai-bagai pihak, sesetengah pihak mengatakan kenapa ini tidak buat, itu tidak buat, kenapa tidak tuduh, kenapa ini? Jadi, ini merupakan satu persoalan kepada kuasa budi bicara orang lain. Jadi, ada juga yang mempersoalkan kuasa budi bicara pihak polis, pihak SPRM dan sebagainya. Sehingga ada bertanya, mengatakan bahawa apakah yang telah dibuat dalam penyiasatan, sama ada *record statement* ataupun tidak? Adakah orang yang dinyatakan dalam sesuatu video itu, adakah dia kah orangnya?

Itu adalah sebahagian daripada siasatan. Apabila ia sebahagian daripada siasatan, bermakna kita tidak boleh hendak memberitahu. Oleh sebab yang tahu hanyalah pegawai penyiasat sahaja dan juga timbalan pendakwa raya. Jadi, dalam perkara-perkara inilah saya nampak kadang-kadang tidak munasabah kita persoalkan perkara-perkara yang begitu. Kuasa budi bicara juga, saya hendak katakan bahawa kuasa mahkamah ini selain daripada hukuman, juga dari segi perbicaraan itu sendiri dan kuasa mahkamah adalah mendengar.

Mendengar daripada kedua-dua belah pihak sama ada pendakwa atau pembela dan akhirnya, hukuman apa yang hendak dijatuhkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya hendak minta Yang Berhormat Setiu bagi pandangan terhadap pandangan dari sini. Saya merasakan pindaan ini akan memberikan kuasa yang terlalu banyak kepada timbalan pendakwa raya. Malahan, dia boleh menentukan hidup mati, itu sekali bacaan pada sayalah, sekali pandang. Jadi, saya bimbang bahawa kita melupakan *maxim* ataupun panduan yang selalu disebut, dengan izin, *absolute power corrupts absolutely*. Jadi, kalau kita ada potensi salah guna kuasa yang besar kalau kita memberikan-menerima pindaan sebegini. Terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah. Akan tetapi sebenarnya peruntukan (d) itu sudah hendak dipinda. Sudah tidak ada kuasa lagi selepas ini pihak pendakwa raya untuk menentukan. Jadi, kita lihat, tunggulah. Akan tetapi kalau dikekalkan memang itulah jawapannya. Saya lihat juga di mahkamah ini. Apabila mahkamah menjatuhkan hukuman, itu adalah budi bicara. Menjatuhkan hukuman dan juga sama ada bersalah ataupun tidak. Akan tetapi apabila mahkamah menjatuhkan hukuman bersalah, ada pihak-pihak kalau berpihak kepada mereka, mereka kata adil. Kalau tidak berpihak kepada mereka, tidak adil. Akan tetapi itu sistem yang kita ada. Tugas macam pihak pendakwa membuktikan kes *prima facie*. Tugas sebagai peguam hanya menimbulkan keraguan, itu sahaja. Akan tetapi kadang-kadang yang peguam di luar, dibawa kepada Dewan, juga itu menjadi masalah besar.

#### ■1450

Apa yang saya hendak sebut lagi satu tentang perkara yang kalau kita hendak dipinda iaitu kesan ke belakang. Saya tidak nampak dari segi kebaikannya ya. Oleh sebab sebenarnya kesan ke belakang ini bukan maknanya hukuman kalau kita- jika dulu satu hukuman, sekarang kita ada dua hukuman. Kita hendak balik ke belakang, mengatakan hukuman yang sekarang ini terpakai kepada yang ke belakang. Jadi yang tidak logiknya, sebab hukuman yang dijatuhkan satu hukuman sahaja pada masa itu. Jadi macam mana kita hendak katakan ianya kesan ke belakang?

Oleh sebab tidak ada kelogikannya di situ, tidakkanlah kita mahu balik ke mahkamah hendak bawa balik dan kata okey macam mana?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sama ada kita hendak secara *review* sebab kita ada lagi mahkamah yang lebih atas. Kalau jatuh hukuman di mahkamah tinggi, hukuman gantung...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi kita boleh- sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi kita boleh pergi kepada Mahkamah Rayuan. Di Mahkamah Rayuan boleh menentukan hukuman apa yang hendak dijatuhkan. Kalau masih lagi kalah di mahkamah rayuan, boleh masih pergi ke Mahkamah Persekutuan. Jadi di peringkat terakhir ada lagi dua peringkat. Akan tetapi kalau hendak dibuat di Mahkamah Tinggi saya rasa tidak ada kelegikannya langsung.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu, boleh saya *just* tanya berkenaan dengan *retrospective* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Setiu. Adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju bahawa seorang Yang Berhormat Setiu memberikan justifikasi bahawa *retrospective* ini sepatutnya tidak terpakai *because* mereka mempunyai hak untuk merayu? Bukankah hak untuk merayu itu juga untuk mereka yang menikmati *benefits* ataupun belum di-*convict* di dalam kes ini? Mereka pun juga boleh merayu. So, apakah bezanya dengan kita yang mengatakan bahawa pindaan ini tidak terpakai kepada mereka yang telah pun disabitkan. Bukankah mereka disabitkan untuk jenayah yang sama? Jika mereka disabitkan oleh jenayah yang sama, kenapakah pindaan ini tidak sepatutnya terpakai kepada mereka juga?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu yang saya katakan tadi. Saya kata sebenarnya sebab ini satu hukuman yang kita ada dan kalau kita hendak balik ke belakang, itu sistem mahkamah yang kita ada. Kita tidak ada lagi kecuali kalau dari segi persoalan undang-undang maknanya kita boleh bawa kepada Mahkamah Persekutuan. Akan tetapi ini kalau pembicaraan biasa, tidak ada lagi kita hendak kata ada *review* ataupun pembicaraan semula dan sebagai, tidak boleh ada di sistem yang kita ada di Malaysia sekarang. Itu jawapan saya. Okey, akhirnya sudah habis. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah habis ya. Amanah hendak? Ya, sila Yang Berhormat Puchong.

**2.53 ptg.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk terus berbahas rang undang-undang D.R. 45/2017. Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan ucapan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya Menteri Yang Berhormat Pengerang kerana membawa rang undang-undang ini di mana ada niat yang baik, tetapi pada saya ia seharusnya tidak berhenti di sini. Seharusnya ia mempunyai lebih peruntukan yang perlu untuk memberikan kesan yang perlu kepada niat di sebalik undang-undang ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara, semua hadir di situ. Ini adalah satu langkah yang kepada saya *it's a step on a right direction*. Akan tetapi persoalan-persoalan yang berbangkit adalah pertama, kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua kepada peruntukan ini, saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor bahawa kalau kita lihat kepada niat di sebalik undang-undang ini, apa yang ianya mengatakan adalah bahawa masa sudah tiba di mana kita di Malaysia kita menerima

bahawa wujudnya kes-kes di mana seseorang itu menjadi mangsa. Mangsa kepada pihak-pihak yang lebih besar, di mana mereka diminta untuk membawa dadah dan sebagainya.

Oleh itu undang-undang tidak seharusnya ketat sehingga ada keadaan di mana seseorang itu dipergunakan tetapi masih, apabila didapati bersalah hanya ada satu hukuman iaitu hukuman mandatori mati. Jadi, di sini apa yang ada adalah satu cadangan pindaan. Pindaan ini yang mengatakan bahawa ada pilihan sekarang di mana mahkamah boleh memutuskan sama ada ataupun tidak kita berikan hukuman, saya baca, "*shall be punished on conviction with death or imprisonment for life...*" and of course whipping and so forth seperti mana disebut di situ.

Jadi, terdapat dua pilihan. Satu, hukuman mati yang kedua, hukuman *imprisonment for life*. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan *imprisonment for life*? Kalau kita ikut pindaan yang telah pun diberikan kepada seksyen 39A(2) nampaknya ianya 30 tahun. Akan tetapi saya rasa ini perlu diperjelaskan.

Persoalan nombor dua, soalan yang berbangkit adalah adakah ini bermaksud bahawa orang-orang yang didapati bersalah untuk kesalahan pengedaran dadah hanya ada dua hukuman yang terpakai? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan perkara ini kerana kalau kita lihat kepada undang-undang ini, Akta Dadah Berbahaya 1952, *this is very strange law*. Ianya satu undang-undang di mana terdapat beberapa anggapan.

Jadi kalau seseorang itu didapati memegang satu beg misalnya, ada anggapan bahawa beliau mempunyai pengetahuan apa yang di dalam beg tersebut. Kalau dadah itu beratnya daripada jumlah yang ditentukan, maka ianya dianggap sebagai seorang pengedar. So, kita ada satu undang-undang yang membenarkan anggapan demi anggapan digunakan untuk membawa kepada kebersalahan seseorang itu. So, undang-undang ini patut dikaji semula.

Saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua kerana saya hendak berikan contoh, saya minta supaya ini dapat dilihat supaya tidak berlaku sekali lagi. Ada satu kes dan saya di sini Tuan Yang di-Pertua ingin mengatakan bahawa saya yang bawa kes ini tetapi kes ini sudah habis. So, *the question of subjudice and interest doesn't arise*. Akan tetapi kes ini adalah kes Mahkamah Tinggi di Seremban, kes nombor 45B12-03 2017 di mana pesalah itu seorang yang berasal daripada Korea yang bernama Kim Yun Soung. Di dalam kes ini, Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta menunjukkan bahawa pihak polis satu pasukan telah pun masuk dalam satu *apartment*. Dalam *apartment* tersebut mereka kata, mereka terus ke situ, hanya 10 orang anggota polis yang masuk terus membuat kajian di situ, mereka mencari dadah.

Apabila disoal balas, pegawai yang membawa pasukan itu, beliau kata memang tidak ada siapa-siapa lain dengan mereka pada masa itu. Barang ini didapati semasa mereka menggeledah tempat itu. Apabila diminta untuk mengesahkan berkali-kali beliau tetap berpegang dengan pendirian beliau sehinggalah diberitahu bahawa sebenarnya ada video klip yang diambil berkenaan insiden itu yang dia tidak tahu. Video klip itu menunjukkan bahawa apa yang dia sebut itu tidak benar. Yang menunjukkan bahawa sebenarnya pasukan itu telah pun pergi ke tempat itu dengan pengedar yang sebenar, *with the real trafficker*.

Bukan sahaja itu, *first time* mereka masuk mereka *check* tidak dapat apa-apa barang. Kemudian mereka turun ke bawah kembali kali kedua, kembali dengan beg plastik oren itu dan dibawa masuk ke dalam *flight* itu dan kemudian dibawa keluar. Selepas ditunjukkan bukti itu atau video itu, baru beliau mengatakan, “*Ya saya mengaku, saya bohong di dalam mahkamah*”. Tuan Yang di-Pertua, itu satu kes sahaja. Setiap hari kita ada kes-kes di mana 10 orang daripada pasukan-pasukan lain mereka membuat serbuan. Di dalam semua kes itu tidak ada video dan sebagainya. Jadi saya minta kepada kerajaan apabila kita hendak lihat kepada undang-undang ini, undang-undang ini bukan sahaja sekadar kes-kes, sekadar aduan berkenaan dengan hukuman gantung sampai mati.

Akan tetapi juga kita kena lihat kepada fakta-fakta. Kalau kita ada undang-undang di mana ada anggapan dan seseorang itu ditangkap, ditahan lokap, di reman apabila sampai ke perbicaraan beliau tidak ada apa-apa. Melainkan *his own words* atau kata-kata diri sendiri. *How does he go up against police officers?* Jadi di dalam keadaan ini saya menyatakan bahawa kita seharusnya tidak ikat mahkamah kepada hanya dua hukuman. Saya nampak ini adalah langkah pertama, *it's the first step forward* tetapi kita tidak seharusnya berhenti di situ. Kita seharusnya memberikan kepada satu mahkamah kepada hakim itu, kuasa untuk menentukan *a range of sentences* mengikut kepada keadaan satu kes itu. Jadi kenapa kita tidak mengambil inisiatif-inisiatif itu?

Saya harap bahawa perkara ini akan dibawa balik dan dikaji semula dan kita akan menggubal semula undang-undang berkenaan dengan dadah ini. *Now, I want to make one thing very clear.* Kita setuju 100 peratus dengan semua sahabat saya di dalam Dewan yang mulia ini, di dalam Malaysia ini kita perlu tegas, kita perlukan undang-undang di mana kita kena lawan dengan sepenuhnya masalah jenayah khususnya kes-kes berkaitan dengan dadah.

#### ■1500

Akan tetapi persoalan yang berbangkit adalah undang-undang yang membenarkan satu, *a conviction of an innocent person, in which this innocent person tends to lose his life.* Jadi, saya minta supaya perkara ini dikaji semula. Kalau boleh kita juga dalam masa depan melihat supaya ia tidak diketatkan kepada imprisonment for life or death tetapi diberikan ruang yang lebih kepada mahkamah untuk menentukan jumlah ataupun masa pemenjaraan.

Kedua, kalau saya boleh rujuk kepada seksyen 2B. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada 2B nampaknya ada syarat-syarat. Syarat-syarat yang perlu seorang hakim bicara itu mengambil kira sebelum beliau boleh membuat keputusan untuk membawa hukuman yang lebih ringan iaitu *imprisonment for life.*

Di sini dikatakan dengan izin, “*In exercising the power conferred by subsection (2), the Court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than fifteen strokes, may have regard only to the following circumstances*”, *only*, maknanya hanya sekadar wujud mana-mana di antara satu daripada apa yang disebut di sini hakim bicara itu tidak boleh mengenakan hukum yang lebih ringan.

- (a) *there was no evidence of buying and selling of a dangerous drug at the time when the person convicted was arrested;*

- (b) *there was no involvement of agent provocateur; or*  
 (c) *the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drug; and*  
 Dan perkataan yang digunakan di sini “and”, kita ada sekarang pindaan,  
 (d) *the Public Prosecutor certifies in writing to the Court that in his determination, the person convicted has assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within or outside Malaysia.*

Soal pertama, apakah maksud “and”? Adakah ia bermaksud bahawa ia perlu juga untuk kita mematuhi (d) sebelum hakim itu boleh memberikan hukuman yang lebih ringan? Ataupun adakah ia dibacakan apa yang dikatakan secara *disjunctive*? Dalam undang-undang Tuan Yang di-Pertua, ia ada perbezaan yang besar. Kalau kita membaca satu dari segi *conjunctive* maknanya berbeza *and disjunctive* lain.

Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menyatakan secara terus terang di dalam Dewan yang mulia ini *whether “and” means* kita perlu ada satu daripada (a), (b), (c) dan (d) ataupun ia dibaca *any one of the four in (a), (b), (c), or (d)*.

Saya selaku Ahli Dewan yang mulia ini, saya meminta supaya kerajaan meneliti dengan baik perkara ini. Ini kerana akan menjadi satu perkara yang akan membawa kepada banyak kemusykilan di dalam mahkamah apabila perkara ini dibangkitkan. Kepada saya, ia seharusnya membaca “or” dan ia seharusnya diubah sekiranya boleh.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 3, kuasa-kuasa peralihan. Di sini saya akan mengguna pakai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi berkenaan dengan *retrospectivity*. Saya minta juga supaya dikaji peruntukan Artikel 8, Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menyatakan berkenaan dengan *equality*.

Kalau kita hendak memberikan keadaan yang berbeza kepada kumpulan-kumpulan yang lain maka perlu ada *reasonable differences*. Ia perlu ada yang disebut kepada *reasonable classification*. Kepada saya, kalau kita ada satu keadaan di mana mereka yang masih dibicarakan boleh menerima manfaat daripada pindaan-pindaan ini. Persoalannya, kenapa mereka yang telah pun dihukum tetapi masih belum dijalankan hukuman itu?

Kenapakah mereka tidak boleh diberikan juga manfaat daripada pindaan-pindaan ini yang menunjukkan niat Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua? Iaitu bahawa sekarang kita hendak adakan satu sistem perundangan di mana kalau seseorang itu boleh menunjukkan keadaan-keadaan khas maka tidak perlu untuk hukuman gantung sampai mati dikenakan terhadap beliau dan hukuman yang lebih ringan dikenakan kepada beliau.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**3.04 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan dalam rang undang-undang meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang akan menjadi satu sedikit pindaan yang mana yang paling penting ialah penyalahgunaan dadah ini telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat sama ada dalam negara kita ataupun di dunia luar. Hakikat sebenar, setiap daripada kita sebenarnya makan dadah. Oleh sebab apabila kita sakit, kita makan *panadol*. Dalam *panadol* ada dadah tetapi itu bukan namanya penyalahgunaan dadah. Itu sebenarnya dadah sebagai ubat. Apa yang berlaku dalam negara penyalahgunaan dadah di mana banyak remaja dewasa sehingga ke orang tua pun terlibat.

Waktu saya kecil-kecil dahulu, kita terlibat dengan ganja, marijuana yang mana di setiap kali kenduri hendak bagi anak muda berjaga lama, kita hisap ganja ketika itu. Kemudian bila masuk dalam keadaan zaman yang lebih moden, kita dengar nama *heroin*, *ice* dan pelbagai lagi. Akan tetapi yang kita melihat kesan yang amat besar ialah keruntuhan tamadun masyarakat tersebut. Ramai anak Melayu yang terlibat dengan dadah sudah tidak hormat kepada ibu bapa, tidak hormat kepada orang tua kerana hendak dapatkan dadah peras ugut ibu bapa. Sehingga akhirnya ada yang membunuh ibu bapa dan juga datuk.

Kemudian, dalam undang-undang kita ada dua perkara yang saya perhatikan. Kita tangkap orang yang menyalahgunakan dadah. Dalam pada itu ada satu perkara lagi kita buat langkah-langkah pencegahan. Apa yang kita perhatikan ialah penguat kuasa. Penguat kuasa ini yang sering dipertikai oleh masyarakat, polis, AADK, kastam, imigresen. Mungkin sekarang dibantu oleh RELA dan pelbagai lagi.

Kita lihat kepercayaan masyarakat kepada polis semakin terhakis di dalam kawasan-kawasan kita sebab bilamana agensi narkotik di kawasan tersebut kita melaporkan di sana ada pengedaran dadah, di sini ada penyalahgunaan dadah. Apabila kita laporkan orang-orang yang berkenaan, pihak narkotik kata ini *spy* saya. Padahalnya dia ialah *pusher*, pengedar dadah. Kita lihat semakin lama masyarakat sudah berubah pandangan kepada kumpulan pengedar dadah. Ibu bapa sudah mula merasakan pengedar dadah yang mempunyai wang yang banyak di kampung-kampung ini sebagai sebahagian daripada sumber rezeki. Akan tetapi dia lupa pengedar dadah tadi yang dia buat merosakkan bangsa kita, anak bangsa kita yang mana boleh memberi kesan jangka panjang pelbagai benda.

Hari ini pula kita melihat dadah dalam bentuk baru. Dadah sintetik di mana farmasi boleh jual bahan-bahan kimia. Mereka boleh campur adukkan bahan kimia tadi menjadi satu dadah sintetik yang boleh memberi kesan yang tidak baik kepada masyarakat. Jadi kita hendak kata macam mana? Penagih dadah boleh dapatkan dadah dari pasaran gelap. Pihak pasaran gelap boleh menjadi jutawan.

Sikap masyarakat sudah berubah. Waktu saya muda-muda dahulu, kecil dahulu disebut orang ini pengedar dadah, mereka ialah najis kepada masyarakat. Mereka ialah perosak kepada masyarakat. Akan tetapi pada hari ini kerana dia memiliki rumah yang hebat, kereta yang besar tetapi pekerjaan sebenarnya ialah pengedar dadah, rapat dengan *informers*

polis. Konon-konon dia ialah pemberi maklumat kepada polis. Akhirnya, bagaimana sikap masyarakat sudah berubah.

Di sinilah kita kena melihat apakah hukuman-hukuman yang telah diberikan ini memberi kesan ataupun tidak? Bagaimana dadah yang ada ini boleh menjadi sumber permintaan masyarakat? Bagaimana di sempadan laut, sempadan sungai, sempadan antarabangsa boleh dibolosi? Apakah kita dibekalkan dengan peralatan yang lengkap untuk memastikan siapa pembawa dadah yang masuk ke dalam negara? Apakah hukuman mati yang telah dikenakan dalam Akta Dadah dalam negara ini menggerunkan masyarakat?

Ini persoalan-persoalan yang ditanya oleh kita di peringkat luar. Sering kita tanya, bagaimana hendak mengatasi masalah dadah? Bila penagih-penagih di bawa masuk ke pusat penagihan, di pusat penagihan pula mereka yang menjaga pusat penagihan boleh mengedar dadah konon-konon untuk kasihan mereka yang gian, kita jual juga.

#### ■1510

Sampai bila kita boleh hendak memastikan dadah semakin boleh dikurangkan? Hari ini kita boleh lihat, boleh baca dalam surat khabar, anggota-anggota pasukan penguat kuasa juga terlibat sebagai penagih dadah. Bagaimana tindakan kita kepada mereka yang dilihat sebagai penguat kuasa yang sepatutnya dadah tidak beredar dalam negara. Ada pendapat kata, bolehkah kita ambil contoh seperti di Amsterdam, ada satu kawasan khas kita jual dadah kepada penagih-penagih tegar untuk membeli dadah yang dihalalkan.

Macam dalam negara kita, dadah ialah dijual dalam pasaran gelap yang menyebabkan beribu-ribu orang terlibat. Walaupun kita dapat pengajian ke pusat pengajian yang paling tinggi di universiti, ramai di kalangan anak-anak muda kita terlibat dengan "ice". Kita boleh dengar cerita pelbagai perkara.

Saya bersetuju pada hari ini supaya undang-undang yang kita hendak pinda ini ke arah langkah supaya orang yang mengedar dadah tadi berasa gerun. Satu tindakan mati. Kemudian kita akan mengubah kepada hukuman penjara seumur hidup dengan diberi sebatan. Sekurang-kurangnya kita kena cari jalan, bagaimana dadah ini tidak menjadi satu sumber pendapatan kepada pengedar-pengedar dadah yang berada di seluruh negara.

Kesannya, dadah tidak mengenal ini orang Melayu, ini orang Cina, ini orang India, ini Orang Asli. Dadah boleh menyerang seluruh masyarakat. Sejarah membuktikan...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya terima kasih. Yang Berhormat Parit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gerik. Dadah pernah disebut sebagai musuh nombor satu negara. Kita telah dengar banyak sangat hukuman, tindakan diambil kepada mereka. Akan tetapi nampaknya ia masih berterusan dan berlaku.

Apakah kerana dadah merupakan sumber pendapatan kepada manusia yang lain ataupun apakah tindakan diambil kepada mereka yang membekalkan dadah itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gerik.



**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit bertanya soalan tersebut. Sepatutnya kerajaanlah yang menjawabnya soalan ini. Akan tetapi pada pandangan saya, yang pertama sebenarnya dadah merupakan sumber pendapatan kepada sesetengah pengedar dadah.

Kedua, saya percaya penguatkuasaan ini tidak berjalan dengan lancar. Ada kelompangan, ada perkara-perkara yang perlu diperbaiki supaya pengedar-pengedar dadah, penagih dadah ini dikenakan satu tindakan untuk menyedarkan mereka supaya boleh pulih tidak menjadi penagih dadah.

Saya percaya, dengan sedikit perubahan yang ada pada Akta Dadah ini, sedikit sebanyak boleh memberi satu kuasa baru kepada hakim-hakim. Akan tetapi saya lebih percaya penguatkuasaan ini tidak payah pakai akta, ikut landasan dan undang-undang yang telah sedia ada yang boleh memastikan dadah ialah satu benda yang memberi ancaman kepada umat manusia tidak kira di Malaysia atau di mana-mana.

Dengan ini, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952 kepada 2017. Terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ya Yang Berhormat Padang Serai.

### 3.14 ptg.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita mengalu-alukan percubaan oleh pihak kerajaan untuk memansuhkan MDP ataupun *mandatory death penalty* ini. *Better late than never*, dengan izin kerana telah lama kita meminta supaya hukuman mati mandatori ini dimansuhkan. Akan tetapi kita juga masih kecewa kerana ada kekurangan pada rang undang-undang yang telah dibawa pada hari ini.

Saya akan sentuh perkara-perkara tersebut. Akan tetapi sebelum itu kita perlu ingat apakah objektif kita dalam membawa rang undang-undang ini di Parlimen. Apakah objektif seksyen 39 ini dan sebagainya. Ia adalah untuk menghentikan pengedaran dadah, gejala ataupun jenayah berat pengedaran dadah di negara kita. Adakah undang-undang ini yang ada pada *statute book* kita sejak tahun 1983 ini berkesan? Daripada ucapan Yang Berhormat Menteri sendiri adalah jelas tidak berkesan. Yang Berhormat Menteri sendiri dalam ucapannya semasa *introduce* rang undang-undang ini menyatakan bahawa kes-kes masih banyak, masih tinggi.

Itu masalahnya. Oleh sebab itu kita kata bahawa tindakan kerajaan dalam cuba memansuhkan *mandatory death penalty* ini perlu langkah pertama. Kita perlu bergerak ke arah untuk memansuhkan hukuman mati sepenuhnya kerana ia tidak berkesan. Jelas daripada ucapan Yang Berhormat Menteri sendiri.

Di dalam ucapan itu juga tidak ada satu fakta pun yang menyatakan bahawa adanya hukuman mati itu telah mengurangkan gejala dadah ataupun jenayah berat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kesemua *study* dan penyelidikan yang dibuat di seluruh dunia

menunjukkan bahawa walaupun ada hukuman mati, ia tidak mengurangkan jenayah berat, ia tidak efektif, *is not a proven deterrent*

Ini sesuatu yang perlu kita mengingati kerana Tuan Yang di-Pertua kenapa kita perlu ingat adalah bahawa kalau kita ada hukuman mati, sentiasa ada *risk* atau bahaya seorang yang tidak bersalah, di dapati bersalah dan digantung sehingga mati. Ini adalah sesuatu yang pernah berlaku berkali-kali. Bukan sahaja dalam negara kita, di US baru-baru ini kes Lemoore MyIntyre yang keluar daripada penjara selepas 23 tahun tetapi sebenarnya tidak bersalah.

Di Malaysia kita, kes yang terkemuka kes pembunuhan Jean Sinnappa, Karthigesu dibebaskan daripada *death row* tidak lama sebelum beliau digantung kerana terdapat *miss carriage of justice*.

Tuan Yang di-Pertua, *human justice is fallible and the death penalties irreconcilable*, dengan izin. Oleh sebab itu kita perlu mansuhkan. Akan tetapi satu lagi perkara yang saya rasa adalah relevan pada perbincangan pada hari ini adalah bahawa terdapat juga ramai rakyat Malaysia yang berada di *death row* di Singapura disebabkan isu pengedaran dadah. Di Singapura, mereka mempunyai satu undang-undang yang tidak berperlembagaan yang mencabul hak orang yang dituduh di bawah akta tersebut.

Sebenarnya undang-undang itu adalah sama seperti versi asal rang undang-undang ini yang telah dicadangkan akan dipinda nanti oleh Yang Berhormat Menteri dalam bahagian semasa Jawatankuasa iaitu adanya *certificate* daripada *public prosecutor*, sama seperti di Singapura. Kesemua rakyat Malaysia yang berada di *death row* di Singapura disebabkan ini telah dicabul hak asasi mereka, hak mereka, dengan izin, *right to life and liberty* di bawah fasal tersebut disebabkan adanya peruntukan seperti itu yang tidak berperlembagaan.

Di bulan Julai yang lalu, seorang rakyat Malaysia bernama Prabakaran dan saya isytiharkan beliau adalah anak guam saya sendiri di mana saya menjalankan kes tanpa bayaran, digantung di *Changi Prison* walaupun didapati bersalah di bawah undang-undang yang tidak berperlembagaan di Singapura. Kita semua saya rasa akui bahawa ia adalah salah kerana menggunakan *certificate public prosecutor*.

Bukan sahaja itu. Saya kecewa bahawa tidak ada percubaan yang serius ataupun apa-apa percubaan setahu saya oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk membantu atau untuk mengambil *plight* ataupun kes mereka yang menunggu di *death row* di Singapura. Ini kerana di sana kalau dituduh, mesti, hampir mesti didapati bersalah. Itu sistem di Singapura.

Saya ingin membaca kepada *Hansard* beberapa nama yang sekarang rakyat Malaysia sekarang menunggu di *death row* di Singapura- HweTing Chew, Lim Boon Keong, Nagaethran Dharmalingam, Michael anak Garing, Dhachna Morthi Kataya, Yew Ching Thai, Ahmad Hilmi bin Abdul Halim, Panneerselvam Padaraman, Tan Kak Hwa dan Mui Jia Jun.

#### ■1520

Ini hanya nama-nama yang saya dapat daripada pengalaman saya di dalam keadaan isu *death penalty*, isu *drug* di Singapura Saya rasa ada ramai lagi yang mempunyai masalah yang sama. Saya meminta sekali lagi supaya kerajaan mengambil ataupun memberi kesemua bantuan yang boleh kepada rakyat Malaysia yang menghadapi masalah ini di Singapura di bawah satu undang-undang yang tidak berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai/banyak negara-negara lain yang berjuang untuk rakyat mereka yang menghadapi hukuman maut di negara lain, itu jelas. Negara-negara Barat bukan sahaja negara-negara Barat, India juga tahun lalu telah menyelamatkan satu kes di Indonesia walaupun beliau hampir ditembak mati kerana isu pengedaran dadah tetapi disebabkan Kerajaan Negara India itu melawan secara *public*, hukuman terhadap beliau dihentikan dan beliau masih ada walaupun tidak dibebaskan.

Ini adalah *spirit* yang juga negara kita perlu tunjukkan di dalam membantu rakyat Malaysia yang mungkin terjatuh ke dalam masalah ini mungkin sebagai *mule*, mungkin sebagai *courier* kita tidak tahu. *But*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we cannot abandon our citizens to death through unconstitutional means*, dengan izin, *through unconstitutional means*.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada *bill* ataupun rang undang-undang ini sendiri jelas daripada 2A, masalahnya jelas kerana hakim hanya boleh mengambil kira faktor-faktor yang dinyatakan di perenggan-perenggan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kita di sini di Parlimen kita tidak boleh meminta hakim menjadi seolah-olah *rubberstamp* kepada apa yang kita kata. Kita boleh tetapkan hukuman tetapi kita tidak boleh tetapkan faktor-faktor yang mengikat hakim seperti ini.

Budi bicara yang penuh perlu diberi kepada hakim untuk memutuskan hukuman mati ataupun *life imprisonment* dan sebagainya. Itu adalah budi bicara mereka dan ini adalah sesuatu yang jelas yang telah berkali-kali dinyatakan oleh mahkamah sendiri. Baru-baru ini pun Mahkamah Persekutuan dalam kes Semenyih Jaya, *Justice Tan Sri Datuk Zainun Ali* telah menyatakan bahawa, "*Judicial power is exercisable only by judges sitting in a court of law and by no other*", dengan izin. "*By no other.*" Jika kita meletakkan fakta-fakta seperti ini di dalam A, B, C dan seperti ini kita telah memasuki ataupun kita telah, dengan izin, *encroach* kepada bidang hakim yang sepatutnya hakim yang membuat keputusan tersebut.

Terakhir sekali mengenai *provision transition*. Tuan Yang di-Pertua, jika *provision* ini klausa 3 ini tidak dipinda, bermakna kesemua 800 atau orang yang telah pun dihukum akan menghadapi hukuman gantung jika *mercy petition* dan sebagainya ditolak dan kebanyakan kes ini boleh berlaku. Soalnya, apakah mesej yang kita sedang hantar? Hukuman mati kita tahu adalah bertujuan untuk menggerunkan orang yang ingin melakukan perkara ini tetapi jika undang-undang dipinda pada hari ini supaya tidak lagi mandatori menurut klausa-klausa di dalam undang-undang baharu ini maka mengapa perlu kita menggantung yang 800 lagi yang telah pun dikenakan hukuman? Apa mesej yang kita sedang hantar?

Oleh sebab mesej baharu yang kita hantar adalah bahawa tidak ada hukuman mandatori bahawa hakim boleh mengenakan hukuman seumur hidup, penjara seumur hidup dan bukan sahaja hukuman mati. Jadi apakah guna kita tidak memberikan *benefit* undang-undang baharu ini kepada 800 lagi yang masih berada di *death row*? Apakah *benefit*-nya? Tidak logik.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menghabiskan dengan menyatakan bahawa saya rasa jawapannya ada di dalam pindaan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan ini perlu diambil kira. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Dungun.

**3.24 ptg.**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dasar pindaan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [Akta 234]. Pindaan yang menyentuh terhadap seksyen 39(B) yang berkaitan dengan kes-kes pengedaran dadah.

Apabila kita membicarakan tentang hukuman, ada dua perkara asas yang sangat penting. Pertama ialah sebagai hukuman terhadap jenayah yang dilakukan. Kedua ialah hukuman pencegahan. Ini dua konsep yang sangat penting. Melihat kepada hukuman asal, mandatori mati terhadap pengedaran dadah ia semacam tidak membawa kesan yang menakutkan atau menggerunkan untuk menjadi halangan kepada pengedaran dadah yang lebih banyak.

Ini berdasarkan kepada laporan-laporan daripada akhbar-akhbar berkaitan dengan rampasan-rampasan dadah yang berlaku seperti contoh pada 16 November 2017 daripada laporan akhbar Sinar Harian, rampasan 24.7 kilogram dadah jenis syabu dan 8,400 biji pil ekstasi, ini berlaku di Pulau Pinang.

Laporan 22 Oktober 2017 di Johor baru, 15,046 biji pil ekstasi dan 5.08 gram dadah jenis syabu. Daripada laporan 21 November 2017 di Lembah Klang, daripada laporan 21 November 2017 di Kedah dan laporan 2 Mei tumpasnya pengedaran dadah yang melibatkan rampasan RM350,000 di Pahang.

Laporan 19 Jun 2017 daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik jenis syabu RM600,000 nilai rampasan di Kuala Lumpur. Ini menunjukkan bahawa undang-undang yang sedia ada di peringkat yang kita telah laksanakan tidak menjadi undang-undang yang menggerunkan dan menakutkan pengedar-pengedar dadah. Kita faham bahawa pengedaran dadah ini adalah di peringkat antarabangsa yang semua negara menghadapi masalah yang bukan sahaja di negara kita lalu melihat kepada apa yang dicadangkan daripada *mandatory death penalty* ini.

Maka kita dibawa kepada satu pindaan di peringkat yang ada dengan menarik balik kepada seksyen 39B subseksyen (2A), subseksyen (d), S39B(2A)(d) yang bermaksud menarik semula perakuan bertulis Pendakwa Raya *certified in writing* yang akan memberi kuasa budi bicara sepenuhnya kepada mahkamah tetapi tentu hukuman yang dicadangkan dan dipinda ini ada dua sama ada *mandatory death penalty* yang telah diberikan pilihan kepada penjara seumur hidup dan sebatan.

Sedangkan kalau kita melihat kepada roh sesuatu undang-undang, dia mesti ada dalam kita menghukum manusia dia mesti ada bukan sahaja aspek jasad tetapi juga aspek roh. Dalam aspek roh inilah yang sepatutnya kita juga berikan bidang kuasa kepada hakim untuk menentukan kerana kalau kita berjaya mengekang roh manusia maka dia akan

menyelamatkan satu bahagian daripada aspek yang sangat penting kerana jasad yang hanya kita berikan tumpuan kepada hukuman tanpa kita melihat kepada aspek kerohanian. Itulah yang menimbulkan masalah.

Pengedaran dadah, penagihan dadah ini ianya adalah melibatkan bukan sahaja jasad tetapi roh kerana ia melibatkan ketagihan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, isu pengedaran dadah perlu ditangani secara holistik. Kita melihat kepada bagaimana statistik penagihan dadah di negara kita ini semakin membimbangkan. Bila banyaknya permintaan maka tentulah banyaknya pengedaran yang berlaku.

Ketua Pengarah AADK mendedahkan jumlah penagih dadah meningkat kira-kira 20 peratus daripada 21,000 penagih pada angka laporan tahun 2014 kepada 26,000 penagih termasuk statistik daripada PDRM pula menunjukkan 71 peratus penangkapan sepanjang 2014 hingga Mei 2017 adalah di kalangan orang-orang Melayu. Lebih membimbangkan 41 peratus adalah di kalangan mereka yang berumur 14 hingga 29 tahun.

#### ■1530

Saya bantahkan data ini Tuan Yang di-Pertua supaya kita meneliti isu pengedaran dadah menjadi isu yang sangat kritikal ketika ini. Ini belum lagi kita melihat kepada isu-isu pengedaran dan penagihan dadah di sekolah-sekolah, di universiti-universiti, kolej-kolej dan di kawasan-kawasan FELDA, di kawasan-kawasan nelayan, kampung-kampung tradisi dan lain-lain yang belum lagi kita lihat dari segi angka dengan jumlah penagihan dadah yang begitu besar menyebabkan automatik pengedarannya juga akan bertambah.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk bangkitkan beberapa persoalan mengenai isu pengedaran dadah di negara kita ini supaya ia berkait dengan pindaan seksyen 39B ini. Pertama, adakah Menteri berhasrat mengkaji fungsi AADK, Majlis Penyalahgunaan Dadah Malaysia (MASAC) supaya lebih berperanan dalam menangani bukan sahaja penagihan dadah malah juga isu pengedaran dadah? Ini bagi memastikan peranan yang dimainkan oleh AADK dan MASAC dapat dioptimumkan sebaik mungkin menangani bukan sahaja isu penagihan dadah tetapi juga isu pengedaran dadah.

Kedua, saya juga ingin bertanya tentang langkah strategik kerajaan bagi memastikan koordinasi di antara agensi penguatkuasaan yang disebut di dalam pindaan ini iaitu di antara agensi yang akan dilibatkan ialah Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam dan APMM serta agensi-agensi penguatkuasaan yang lain yang difikirkan perlu oleh Menteri supaya agensi-agensi ini tidak berlaku pertindihan bidang kuasa dalam penguatkuasaan undang-undang.

Ketiga, apakah perancangan kerajaan bagi mengenal pasti lokasi-lokasi panas dan lorong-lorong tikus ataupun disebut lorong tentera semut yang berkait rapat dengan masalah pengedaran dadah? Bukan sekadar mengenal pasti, malah langkah menangani lokasi-lokasi supaya isu pengedaran tersebut dapat dikurangkan.

Terakhir, perkara yang berkait dengan isu mereka yang menjadi kambing hitam dalam isu membawa yakni *transporting or carrying*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dadah berkait dengan pindaan pada subseksyen (2A), subseksyen (c), ini kerana mereka menjadi mangsa kepada jenayah pengedaran dadah. Ia sebabnya kalau kita melihat dari maksud

pengedaran dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, pengedaran dadah membawa maksud, “*Mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyembunyi, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor yakni menyimpan, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, mendapatkan, membekal atau mengedar dadah berbahaya*”. Begitu banyak huraian yang dibuat tentang maksud pengedaran dadah.

Ini supaya kita membawa kepada soal yang sangat penting, mereka yang menjadi mangsa kepada istilah pengedaran dadah. Jadi apakah langkah kesedaran awam yang dilaksanakan oleh kerajaan supaya menyekat masyarakat awam daripada terlibat dengan apa yang disebut dalam konteks pengedaran dadah? Walaupun mereka mungkin menjadi mangsa tetapi sekurang-kurangnya kita berikan kesedaran supaya mereka mempunyai satu tahap yang sangat tinggi untuk menyedari bahawa jika terperangkap dengan istilah-istilah pengedaran dadah ini, mereka termasuk dalam mangsa yang mungkin dikenakan tindakan yang sangat menakutkan yang menyebabkan mereka boleh mengambil kefahaman daripada apa yang diberikan penerangan oleh pihak kerajaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

### 3.34 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas mengenai pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pindaan ini menunjukkan satu contoh bahawa sekarang ini, pada zaman ini tidak boleh lagi kita menggunakan alasan kita adalah satu negara yang berdaulat, orang luar tidak boleh campur. Bagi saya ini adalah satu *international demand* daripada pihak luar dan kita juga menerima tempiasnya yang menyebabkan kita hari ini bersama-sama bagi pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang terpaksa mengambil satu inisiatif untuk meminda satu akta yang mengenakan hukuman mandatori ke atas pesalah dadah ataupun pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat beberapa tahun dulu ketika itu saya nyatakan kepentingan saya, saya juga terlibat dengan satu kes yang melibatkan bukan kes dadah tetapi melibatkan kes di bawah seksyen 121, *Penal Code* iaitu *waging a war*, dengan izin, ataupun melancarkan peperangan kepada Yang di-Pertuan Agong yang kita namakan kes Al-Maunah. Saya hanya terlibat di peringkat Mahkamah Persekutuan sebagai *council* di mana kes itu melibatkan *Federal Court* melibatkan tujuh orang hakim. Ketika itu saya masih ingat lagi mendiang Karpal Singh juga terlibat dalam kes itu dan beliau hanya menggunakan satu alasan sahaja dalam rayuan tersebut iaitu beliau mewakili saudara Amin iaitu yang dikatakan terlibat sebagai *actor* utamalah.

Hujah mendiang Karpal Singh hanya satu sahaja iaitu hukuman mati ini ialah hukuman yang *unconstitutional* dia kata. Dia menggunakan satu kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung di India, kes ‘*Bachan Singh vs. State of Punjab*’ iaitu kes itu Mahkamah

Agung India telah mengemukakan satu doktrin yang dipanggil kes-kes melibatkan hukuman mati ini patutnya hanya dikenakan dalam kes dipanggil *rarest of rare cases*, kes yang betul-betul yang terkecualilah.

Satu perkara yang amat menarik di India, mereka ada satu seksyen 354, subseksyen (3) of CPC di mana kalau hakim hendak kenakan hukuman mati, hakim kena memberikan dipanggil *special reason*, ada satu alasan-alasan khusus. Maknanya di sana ia lebih kepada memihak kepada hukuman penjara seumur hidup daripada hukuman mati. Akan tetapi kalau kita lihat sekarang ini, kita punya undang-undang ini agak *reverse* di mana hakim lebih diminta untuk menilai faktor-faktor untuk jatuhkan hukuman mati, bukan faktor-faktor untuk tidak jatuhkan hukuman mati.

Kalau kita lihat kepada pindaan yang dibuat itu iaitu di bawah seksyen 2 yang tadi diterangkan (a), (b), (c) itu adalah bagi saya, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi. Walaupun kita telah membuang kuasa Peguam Negara tetapi apabila kita meletakkan syarat-syarat tersebut pada hakikatnya kita mengikat tangan hakim, mengikat budi bicara hakim. Inilah yang sebenarnya kami para peguam merasakan bahawa ia tidak patut berlaku sebab hakim ini apabila kita mula meletakkan syarat-syarat, sekali gus kita menjadikan budi bicara dia tidak lagi boleh dilaksanakan dengan kehendak dia sendiri, dia terikat dengan undang-undang. Jadi sebab itulah bagi saya walaupun pindaan ini saya kata bukanlah tidak baik, ada baiknya tetapi sebenarnya ia masih perlu banyak lagi dilakukan. Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa bagi sayalah, saya harap selepas ini apabila sudah dipinda undang-undang berkaitan dengan penghapusan hukuman mandatori ke atas hukuman mati ini, kita mesti juga mengambil satu sikap untuk meminda juga hukuman ke atas hukuman mati bagi kes bunuh.

Bagi saya secara peribadi, saya rasa sebenarnya itu yang patut diutamakan dahulu daripada kes dadah. Ini kerana apa saya kata begitu, sebab mungkin ada sesetengah kita orang yang berhujah dalam Islam pun ada hukuman mati. Itu saya harus terima memang ada. Dalam Islam ada hukuman mati malahan dalam kes Islam hukum bunuh pun memang salah satu hukuman dalam kes jenayah bunuh ataupun dipanggil Al-Qadsu, di panggil *Qadsu alm*, pembunuhan secara sengaja, *willful murder* ataupun *intentional homicide*. Akan tetapi dalam Islam, ia tidak menjadikan ia satu hukuman mandatori.

#### ■1540

Di sinilah saya rasa mungkin kalau kita hendak selepas inilah, katakan kita hendak pinda kepada hukuman tidak ada hukuman mandatori ke atas hukuman orang yang membunuh, kita boleh mengambil model daripada hukum Islam. Sebenarnya ini bukan satu perkara yang pelik. Pernah berlaku di Malaysia ini dalam satu kes di Mahkamah Tinggi di Muar, mendiang Hakim Richard Talala, dia mengenakan hukuman yang dalam sekarang dalam istilah bahasa Islam, *diya- blood money*. Dia mengenakan hukuman ke atas pesalah itu termasuk bayaran ganti rugi, bukan sahaja hukuman dipanggil hukuman yang melibatkan tubuh badan tetapi juga hukuman ganti rugi.

Jadi dalam Islam, kalau orang itu membunuh, diserahkan kepada keluarga mangsa dan itu ada *philosophy*nya kenapa begitu. Ini sebab orang yang betul-betul menanggung penderitaan ialah keluarga si mangsa, bukan hakim, bukan Lembaga Pengampunan. Lembaga Pengampunan apa yang dia sedih? Dia *meeting* dapat elaun lagi, dia tak ada sedih apa-apa. Pihak yang sedih ialah keluarga si mati.

Jadi sebab itu Islam hendak hapuskan dendam itu dalam keluarga si mati, dia serahkan kepada keluarga si mati untuk ada tiga pilihan. Ini sama ada hukuman bunuh ataupun dipanggil *blood money* iaitu bayar *diya*, bayar ganti rugi ataupun dimaafkan sahaja. Ini falsafah dalam undang-undang Islam sebab itu dia hendak elakkan hukuman, hendak hapuskan dipanggil dendam itu. Saya rasa itu menunjukkan hukuman dalam Islam, hukuman bunuh ini bukan mandatori untuk kes bunuh. Akan tetapi kita di dalam Malaysia ini di bawah seksyen 302, hukuman bunuh adalah mandatori, hakim tidak ada budi bicara langsung. Ini mungkin boleh kita perdebatkan, adakah ini hukuman yang selaras dengan Islam atau tidak.

Bagi sayalah, sepatutnya hukuman itu yang patut kita dahulukan. Patut hukuman bagi kes bunuh yang patut kita dahulukan untuk buang mandatori ini. Akan tetapi tak apalah, *anyway* saya rasa untuk dadah ini pun saya tak ada masalah daripada segi prinsip kita menghapuskan. Saya sebenarnya bawa satu buku ini... [*Menunjukkan sebuah buku*] *The Justice Game*.

Kalau orang yang biasa baca ini, *Justice Game* ini ditulis oleh seorang *Queen's Counsel*. Yang Berhormat Tanjong Karang tak ada ya? Yang Berhormat Tanjong Karang dia marah kalau gunakan *Queen's Counsel* ini, Geoffrey Robertson. *Justice Game* ini menceritakan pengalaman *lawyer* ini mengendalikan kes yang melibatkan hukuman mati. Satu kes di Trinidad and Tobago yang melibatkan seorang yang bernama Michael X yang ada hubungan dengan Malcolm X. Dia menceritakan bagaimana *torture* ataupun hukuman mati ini adalah satu hukuman yang bersifat menindas, dipanggil *inhuman and degrading treatment*.

Oleh sebab itulah saya percaya bahawa kalau kita melihat kepada hukuman mati ini, kita juga melihat daripada sudut lain juga. Antaranya orang yang menunggu untuk hukum mati itu, dia mesti ada tempoh masa sebenarnya. Kalau kita terlampau panjang sangat sebab apabila mereka telah ada dapat *death warrant* itu, mereka akan diletakkan di *solitary confinement*, memang mereka merana. Mereka melihat kawan-kawan mereka dimasukkan ke tempat untuk dibunuh itu, memang mereka *tension*.

Walaupun dia nak hilangkan *tension* itu, di hari akhir dibenarkan untuk makan apa yang *you* hendak makan, boleh makan tetapi sebenarnya Tuan Pengerusi, dah nak mati, nak makan apa? Tak ada selera dah dan yang lebih teruk lagi, ada masa-masanya apabila hendak bunuh itu, contohnya hukuman gantung, tiba-tiba tali itu tak terus mati. Mereka jadi macam kata orang itu, macam ayam nak kena sembelihlah. Ini pun satu *torture* juga. Jadi banyak sebenarnya aspek-aspek yang kita kena lihat dalam hukuman mati ini.

Oleh sebab itulah bagi saya, saya rasalah walaupun hukuman bunuh ini satu hukuman yang memang satu realiti yang berlaku dalam dunia ini, tetapi dia punya kesannya besar sebab hukuman bunuh ini satu hukuman yang tak boleh kita hendak *review* balik.



Maksud saya ialah bila salah, orang itu sudah mati sudah. Kita nak baiki, sudah tak boleh sudah. Kecuali hukuman penjara, kita boleh lepaskan. Jadi saya rasalah kita sepatutnya mungkin kena juga mengambil kira pendapat daripada sebelah sini tadi. Tadi saya tak sempatlah hendak sentuh tentang yang retrospektif itu tetapi bagi saya, saya mintalah supaya pandangan-pandangan yang diberikan tadi itu diambil kira oleh kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil. Lepas Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.44 ptg.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hari ini turut bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan ini dan saya percaya pindaan ini merupakan satu *single step* untuk pemansuhan hukuman mati secara keseluruhannya. Untuk pengetahuan Dewan, pada 25 Julai yang lalu pada tahun ini, kita telah pun mengadakan satu persidangan meja bulat dan perbincangan tentang usaha menghapuskan hukuman mati di Malaysia dan juga di Asia. Pada ketika itu, saya masih ingat lagi Menteri sendiri hadir memberikan ucapan aluan dan tentunya di sana timbul satu komitmen untuk pihak kerajaan mengemukakan pindaan khususnya kepada hal yang berkaitan dengan dadah ini. Antara *action plan* ataupun pelan tindakan yang telah pun ditetapkan ataupun yang telah pun diputuskan dalam perbincangan meja bulat tersebut ialah bagaimana mereka mengharapkan bahawa Malaysia mempunyai keberanian paling tidak pun untuk menghapuskan perkataan mandatori di dalam hukuman yang berkaitan dengan dadah ini.

Sementara kita alu-alukan bahawa terdapat semacam satu konsensus di antara kedua-dua belah pihak di dalam Dewan ini berkaitan dengan bahayanya dadah ini, tetapi kita semua sedia maklum dan saya juga senada dengan Ahli Parlimen yang lain bahawa sepanjang hukuman mati ini diadakan, kita lihat bagaimana jenayah ini bukannya berkurangan. Ia tidak lagi memainkan peranan sebagai satu faktor yang menakutkan dan sudah pastilah ini memerlukan satu pendekatan yang holistik atau yang menyeluruh dan bukan hanya sekadar *punishment*. Saya masih ingat lagi sewaktu awal minggu ini, ada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang malah mencadangkan sehingga kita mengkaji kemungkinan melakukan seperti Duterte, Presiden Filipina.

Untuk makluman Dewan, saya baru sahaja pulang dari Milan. Kita menghadiri satu persidangan yang dianjurkan oleh Parliamentarians for Global Action. Ada wakil Filipina yang berucap di dalam persidangan itu di mana beliau sendiri, Senator itu menyatakan bahawa mereka memerlukan bantuan di peringkat antarabangsa kerana rupanya sudah 14,000 orang mati ditembak hasil daripada kes dadah ini. Pada saya, itu satu perkara yang cukup menjadi satu bencana dan *injustice*-lah. Kalau ada di kalangan pihak Barisan Nasional sendiri yang

mencadangkan perkara ini, saya fikir Ahli Parlimen tersebut harus memikirkan semula cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat daripada segi perspektif Islam, misalnya tadi dibangkitkan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hukuman mati secara keseluruhannya. Kalau kita lihat di kalangan negara-negara OIC, ada 57 negara-negara OIC. Di sana terdapat satu *United Nations Resolution* berkaitan dengan hukuman mati ini ataupun moratorium berkaitan dengan hukuman mati ini.

Di kalangan negara-negara Islam, kalau ikut data yang diberikan, 24 negara-negara Islam ini bersetuju untuk diadakan moratorium, manakala 13 itu *abstain* iaitu berkecuali dan 18 negara bantah dan termasuklah Malaysia yang tergolong di dalam negara-negara seperti Afghanistan, Yaman, Libya, Iraq dan sebagainya. Jadi pada saya secara keseluruhan, sementara kita alu-alukan *the single step* saya sebutkan tadi bahawa terdapat pindaan untuk meluaskan hukuman ataupun memberikan keluasan kepada hakim membuat pilihan untuk menjatuhkan hukuman terhadap kes dadah khususnya, kita juga mestilah melihat secara keseluruhan ke mana sebenarnya *criminal system* kita ataupun sistem jenayah kita ini yang akan kita corakkan melalui pindaan-pindaan penting di dalam Parlimen kita.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa kita harus melihat bagaimana sekarang ini terdapat usaha yang serius di kalangan pihak polis khususnya di kalangan *enforcement agency* yang melakukan pelbagai tindakan untuk menghapuskan dadah ini. Kita lihat dia ada kaitan dengan *income level* ataupun pendapatan dalam strata masyarakat. Kita juga lihat ramai yang ditangkap dan kemudiannya dibicarakan dan kemudian dijatuhkan hukuman itu, kelompok mereka itu adalah kebanyakannya *low income* ataupun mereka yang berpendapatan rendah. Jadi saya ingin tanya kepada kerajaan, bagaimanakah strategi kita untuk memastikan agar mereka yang ada *high income* ini juga yang menjadi pemain-pemain utama diberikan atau dikenakan suatu operasi yang konsisten dan berterusan agar mereka yang menjadi pembekal yang utama ini ditangkap dan berjaya dibanteras.

#### ■1550

Sekarang ini timbul lagi satu lagi masalah yang besar. Ia bukan sekadar selagi *trafficking*, Tuan Yang di-Pertua. Ia jadi sekarang *cooking* pula. Dia buat sendiri, dadah buat sendiri dan ini tentunya berbahaya kepada negara. Sudah pastilah mesti ada satu strategi yang menyeluruh, yang memastikan agar perkara-perkara yang baru ini, termasuk *recycle drugs* atau dadah guna semula ini kita banteras hingga ke akar umbi.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya percaya dengan pindaan ini akan menyebabkan kita sebagai satu pihak yang memastikan agar...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang memastikan agar dadah ini dibanteras, mencari jalan-jalan yang lain untuk memastikan agar jenayah ini dapat dihapuskan.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Batu dengan Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dengan ringkas saja. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Katil. Sudah tentu kita mengakui bahawa hukuman mati itu tidak berkesan untuk mengurangkan dadah. Pada masa yang sama, saya nampak penjara pun bukan tempat untuk *reform*, untuk *rehabitate* orang-orang yang penagih atau pengagih. Saya hendak dapat pandangan Yang Berhormat Bukit Katil, sama ada kita setuju kerajaan harus adakan satu *Royal Commission* atau satu *White Paper* untuk mengkaji semula apakah cara yang paling berkesan untuk perang masalah dadah ini? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil tadi menyebutkan yang tertangkap itu hanya ikan-ikan bilis. Pengedar-pengedar dadah yang besar-besar itu terlepas. Bahkan, itulah tanggapan umum sebenarnya yang menjadi sebab kepada meluasnya penyalahgunaan dadah. Jadi, kalau-apa pandangan Yang Berhormat Bukit Katil supaya ada tindakan tegas daripada pihak kerajaan menyekat sumber-sumber penyebab kepada penyalahgunaan dadah iaitu sumbernya itu ialah pengedar itu sendiri yang banyak melibatkan dakwaan umum dan pandangan umum, persepsi umum, tanggapan umum kepada kelompok-kelompok atau golongan yang berkuasa dalam negara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu bahawa saya sudah jelaskan di peringkat awal tadi. Kita juga senada dengan wakil-wakil rakyat yang menyatakan bahawa hukuman mati ini tidak berkesan. Oleh sebab itu kita dengar tadi penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa mereka yang terbabit dengan dadah ini bukan semakin berkurangan, malah semakin bertambah.

Sudah percayalah ini menuntut kepada satu pendekatan yang lebih menyeluruh yang saya sebutkan tadi bahawa mesti semua pihak itu dipanggil, duduk semeja dan berbincang. Saya ada pengalaman sedikit Tuan Yang di-Pertua, masa ditahan dalam lokap dulu, waktu reformasi. Mereka *supply* dalam lokap ini tapi dia *supply* tembakau dan bayarannya mahal, RM50. Diletak dicelah engsel ini. Ini satu contoh misalnya. Ini hal tembakau, belum lagi hal dadah dan sebagainya.

Perkara ini perlu dinilai kerana ia ada kaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu tentang *reform* penjara. Mungkin tersasar sikit tetapi perlu kepada satu reformasi yang sebenarnya di dalam penjara agar penjara itu dijadikan sebagai satu tempat untuk mendidik dan bukan sekadar untuk tempat mereka duduk sementara menunggu hukuman. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat juga relevan dengan perbincangan kita kerana ia memerlukan satu tindakan tegas untuk menyekat sumber-sumber yang menyebabkan berlakunya kejadian ini, berlakunya penyebaran dadah yang cukup berleluasa.

Perkara yang sering kita baca di dalam media ini, sudah tentulah menuntut kita kepada satu penilaian. Apakah aspek pembanterasan korupsi dan penyelewengan ini boleh kita lakukan secara bersungguh-sungguh? Oleh kerana kemungkinan wujud perkara ini dalam memastikan dadah ini sentiasa tersebar.

Ada orang yang mungkin diberikan dorongan, diberikan wang untuk menyebarkan di tempat-tempat seperti penjara, seperti lokap dan sebagainya. Perkara ini juga perlu diteliti oleh kerajaan. Jadi, sementara kita dalam hari ini berbahas, mengambil sikap untuk menyatakan bahawa sudah sampai masanya kerajaan mengkaji semula keseluruhan hukuman mati dan hari ini ialah berkaitan dengan dadah ini. Saya juga ingin bangkitkan di sini ketidakselesaan saya tentang mereka yang sekarang ini telah pun dijatuhkan hukuman, hukuman mati. Akan tetapi dengan adanya undang-undang ini, mereka dikenakan hukuman mati tapi yang akan datang ini tidak dikenakan hukuman mati.

Jadi, bayangkanlah kalau mereka mendapat maklumat perbahasan di dalam Dewan ini, saya percaya sekarang dalam penjara pun banyak sudah maklumat-maklumat yang sampai. Mereka dengar, mereka yang mungkin yang dijatuhkan hukuman, dadah yang diambil terlalu minima. Akan tetapi yang akan datang, yang sedang menunggu keputusan ini, dadahnya banyak.

Katalah 20 gram, ini 100 gram. Jadi, kalau mereka dengar ini berlaku, pada yang sedikit dikenakan hukuman mati, yang banyak tidak dikenakan hukuman mati, jadi pada saya itu tidak adil. *I think you must be fair* untuk banduan-banduan ataupun mereka yang menjalani hari akhir ini dipenjarakan yang telah didapati hukuman mati ini. Saya percaya kena *review* balik agar undang-undang ini boleh diletakkan satu moratorium ataupun tidak terkena kepada mereka yang telah pun dijatuhkan hukuman mati sebelum daripada undang-undang dibentangkan ke dalam Dewan Rakyat ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

### **3.55 ptg.**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang untuk saya berbahas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya ini.

Saya ingin mulakan perbahasan saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pengerang, bersama dengan pasukan pegawai-pegawai beliau yang telah memastikan pindaan ini dibahas dalam sidang ini. Walaupun kami telah bertahun-tahun mohon untuk pertimbangan dan kelulusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini wujud 1,174 warganegara dan bukan warganegara yang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. 400 daripada bilangan ini adalah warganegara Malaysia, 400 lagi bukan warganegara.

Jadi, kebanyakan daripada 400 ini adalah berkaitan dengan- maaf, semua 400 ini adalah berkaitan dengan, dengan izin, *drug related offences*. Kita lihat hari ini, bilangan

daripada 400 ini kebanyakan adalah keldai dadah. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan 60 lebih *kingpin* telah ditahan. Ini jumlah yang kecil berbanding dengan bilangan yang sedang menghadapi hukuman gantung iaitu 400. Jadi, saya ingin tahu justifikasi bagaimana kita dapat 60 lebih *kingpin* tetapi keldai dadah hanyalah bertambah, *so many folds more*, 400 yang sedang menghadapi hukuman gantung ini.

Walaupun kami mengalu-alukan pindaan ini, namun seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan saya, ia perlu penambahbaikan dan perlu dilengkapi lagi dengan unsur-unsur hak asasi manusia. Saya tahu bahawa pindaan ini menjurus kepada unsur mendapat maklumat daripada si tertuduh supaya *kingpin* dapat diberkas. Akan tetapi hakikatnya, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, bersama dengan negara-negara di rantau berhampiran kita, Thailand, Cambodia, Vietnam, kita mesti- Malaysia mesti menunjukkan bahawa negara ini, kerajaan ini serius untuk mendukung hak asasi manusia.

Saya ingin beritahu di Dewan yang mulia ini, ramai Ahli Parlimen yang saya bersembang dengan mereka mengenai isu ini mengatakan kami menyokong hukuman gantung sampai mati. Akan tetapi isunya bukan hanyalah sokongan itu terhadap hukuman gantung. Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat ini, Dewan yang mulia ini haruslah komited untuk menangani jenayah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we should be committed to fight crimes, not to end lives, this is the crux of the matter here. So*, tidak guna kita ada 800 orang yang telah menghadapi hukuman gantung ini di bawah jenayah mengedar dadah, 1,174 untuk kesalahan-kesalahan lain.

Akan tetapi usaha untuk menangani jenayah itu tidak begitu serius berbanding dengan usaha untuk menghukum mereka ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa tiada siapa di antara kami ini menyokong pengedar-pengedar ini ataupun keldai dadah ini, dengan izin, *walk free, walk scott free. We need- they have to be punished for what they have done. But*, seperti Yang Berhormat Bukit Gelugor berkata, *a mere 5 grams more than the cut-off limit and you are in for the rest of your life.*

Andai kata umur anda 20 tahun, ditangkap dengan 55 gram meth, *it is just 5 grams more than the cut-off limit. You spend your whole life until you die in prison. Is that a life?* Jadi, saya ingin pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya tahu, dengan izin, *you have your heart in the right place, compared to others before this, we have to really fight fire to get things done. Persoalannya, dengan izin, can anyone guarantees they will be no miscarriage of justice* walaupun budi bicara diberikan kepada hakim?

Kita lihat contoh-contoh yang telah diberikan oleh Ahli Parlimen daripada Padang Serai tadi, kes Purbagaran dan siapa akan tentukan di bawah jenayah mana? Siapa akan hidup dan siapa akan mati? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is like Russian roulette, who decides, who lives and who dies.*

#### ■1600

Tahun ini Sultan Perak telah mengampuni dua orang yang telah— *they've been in prison 16 years for drugs related offences, drugs traffickers*, 16 tahun dalam penjara dan akhirnya Sultan Perak telah mengampuni mereka. *They've been given life imprisonment, not of full pardon.* Kita lihat juga dalam tahun 2003 contoh, anak muda Shahrul Izani umur beliau

masa itu 19 tahun, meminjam motor kawan. Dalam bakul motor itu ada 622 gram kanabis yang beliau tidak tahu kandungannya apa. So, beliau telah ditahan di Klang dan *celebrated his 33 years in prison*, 14 tahun dalam penjara di atas satu kesalahan yang beliau sehingga hari menyatakan tidak bersalah, beliau tidak tahu kandungan beg itu. So, *in cases like that like– this is why we need to give discretionary powers to the judges*. Nasib baik tahun ini juga Sultan Selangor telah mengampuni Shahrul Izani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu kes juga di kawasan saya, keldai dadah. Anak muda gadis India berumur 22 tahun telah ditahan di KLIA sebab seorang yang dia jumpa di India memberikan sebuah beg, kandungannya baju *kurti top and sari and all that*. Beliau sampai di KLIA ditahan, jumpa satu bolos dadah dalam begnya. Sudah tiga tahun dalam penjara masih tidak tahu lagi apa akan terjadi kepada kehidupan beliau. *She's been charged under section 39B as well*.

Tuan Yang di-Pertua, di dunia Malaysia ranking nombor 10, di antara negara-negara yang *execute prisoners*. *We are top ten in the world compared to countries like Iran and China and this is not something to be proud of. You don't want to be top ten for executing prisoners and Malaysia only has a population of 30 million*. Seramai 30 juta orang kita *top ten* di antara negara-negara yang menghukum, masih lagi menggunakan kaedah ini untuk menghukum penjenayah-penjenayah. Dalam rantau ini, saya sarankan dan saya minta, saya merayu kepada kerajaan ini agar kita perlu menjadi dengan izin, *a beacon of light in the region*.

*We have extrajudicial killings in Philippines*, kita ada *shooting as a form of execution in Indonesia and Singapore hanging*. Indonesia, *Cambodian*, Vietnam mereka baru saja memansuhkan hukuman mati di sana. Mengapa Malaysia tidak mengikut apa yang berlaku di sana? *Why do we still need to use Singapore as an example? Because Singapore does it, we need to do it, because Indonesia is doing it, we need to do it*. Saya rasa pindaan ini adalah baik dan positif. *It is a first step in the right direction but it is baby steps*. Saya mohon dan saya merayu agar satu moratorium dikekalkan untuk semua penjenayah *while the law is being amended*.

Saya rasa ia adalah tidak adil sama sekali apabila ada 1,170 orang yang masih menunggu, ada yang sudah menunggu 16 tahun, 15 tahun, 10 tahun atas pelbagai jenayah. Membunuh, *discharged of firearm prison and et cetera*. So, mereka ini menunggu dengan harapan yang tinggi terhadap kerajaan, sama ada pindaan ini akan, *would it take effect on them or not which brings to the point of retrospectives of the point*. Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat saya nak bawa dua pendekatan. Pertama adalah berkenaan dengan bicara kita hari ini terhadap hukuman. Ini menunjukkan kementerian memberi penekanan kepada hukuman dan sebagainya. Apakah kerajaan tidak ada apa-apa kaedah lain untuk membanteras kegiatan ini dan kita balik-balik berbincang kepada hukuman, itu yang pertama.

Kedua adalah isu yang saya telah bangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini iaitu saya meletakkan satu kepentingan kepada Polis Diraja Malaysia. Saya beranggapan Polis Diraja Malaysia memang pada tahap yang terbaik, tahap antarabangsa, mereka tahu bagaimana kegiatan ini sedang berlaku dan sebagainya tetapi atas beberapa sebab yang tertentu, mereka tidak dapat tangkap *kingpin* ini. Padahal saya rasa mereka ada. Dua, tiga hari yang lepas pun saya bangkitkan isu ini.

Saya rasa *special branch* kita, PDRM kita tahu siapa *kingpin*, tahu di mana isu ini berlaku dan sebagainya tetapi tidak ada penguatkuasaan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya minta pencelahan Yang Berhormat Kapar ini, dimasukkan dalam ucapan saya. So, akhir kata apa yang kami ingin katakan di sini adalah dengan izin *the retrospective nature of this amendment*. Kami minta semua bukan berjuta-juta orang yang dihukum gantung sampai mati ini, hanya 1,174 dan daripada itu 800 sahaja. Jadi takkanlah hakim-hakim di negara ini tidak mahu gunakan peruntukan yang baru ini untuk menjunjung semangat hak asasi manusia untuk memastikan *there is no miscarriage of justice in their court and to use this new provision to make sure that justice is served*.

Saya setuju *kingpin* harus dihukum tetapi saya rasa hukuman gantung sampai mati *even life imprisonment* untuk anak-anak muda yang menjadi keldai dadah dan saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, *it is a standard, it is a strata discriminating law*. Bila masa kita dengar anak Dato', anak CEO, anak tauke besar, anak Menteri atau anak wakil rakyat yang ditahan memiliki sejumlah dadah yang dianggap sebagai jenayah untuk mengedar atau menyeludup.

Kita akan dengar *lorry driver, bus driver, factory worker, unemployment guy*, mat rempit yang tidak ada kerja, *school dropout*, mereka ini yang menjadi mangsa *you know*, penyalahgunaan undang-undang ini *and they become victims of it. At the end of the day, they have no voice*. Jadi saya harap rakan-rakan di sebelah sana juga akan bersama-sama kita menyokong pindaan supaya *retrospective nature* diberikan perhatian dan juga *discretionary powers* diberikan kepada hakim tanpa apa-apa syarat terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya nak minta pencerahan sedikit. Tadi kita ada minta supaya hantar satu surat Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah serahkan surat salinan, juga dikepilkan dan diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ada minta kepada Yang Berhormat Menteri sama, ada tidak satu keputusan dibuat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang menghantar surat, siapa Yang Berhormat?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kedua-dua, saya bagi salinan kepada Tuan Yang di-Pertua tadi dan juga diberi salinan kepada Yang Berhormat Pengerang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, surat daripada Ahli Parlimen Bagan?.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, benar seperti mana diarahkan pagi tadi. Jadi kita nak tahu, sama ada boleh tidak kita boleh bahaskan laporan yang telah pun dibentangkan ini kerana laporan ini sangat serius implikasi dia dan banyak perkara yang ditimbulkan. Jadi adakah ruang akan diberikan kepada kita untuk bahaskan laporan ini dalam sesi ini hari ini sekiranya boleh Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.07 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat surat tadi sebab saya tengah berbincang dengan pihak Agensi AGC berkenaan dengan pindaan pada Akta Dadah Berbahaya. Jadi, surat itu saya baru dapat baru sekejap tadi. Saya akan membuat jawapan dan saya akan berilah, lepas saya sudah habis selesai pada pindaan ini. Oleh sebab selepas ini, saya buat pindaan kepada dua Akta Timbang Tara. Jadi biar saya selesai dulu dan saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 iaitu Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan rang undang-undang ini mengikut beberapa isu utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan. Yang Berhormat Kuala Selangor, tidak ada ya? Tidak ada? Saya buat jawapan bertulis yang tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada tetapi kita dengar hujah-hujah dia dan soalan yang ditimbulkan. So, kita pun minat juga nak tahu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya rasa saya jawab secara bertulislah pada yang tidak ada.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawapan pada isu-isu yang ditimbulkan. Nak jawab bertulis juga?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Allah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Shah Alam tidak tanya saya soalan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fasal semua soalan sudah ditanya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih lah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya sudah tidak ada apa lagi nak tanya. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *[Ketawa]* Tidak apa, tidak apa nanti Yang Berhormat Shah Alam akan mencelah, seperti biasa, tidak ada masalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu yang saya nak dengar jawapan itu, walaupun bukan saya yang tanya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Ipoh Barat, ya telah membawa isu berkenaan dadah yang dirampas yang *direcycle* di pasaran, saya semula. Jawapan daripada kerajaan ialah tiada dadah yang dirampas *dicycle*. Semua rampasan dadah akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Selepas dianalisa, akan dikembalikan kepada Polis Diraja Malaysia dalam bentuk tanda dan dimaterikan. Polis Diraja Malaysia akan simpan dalam stor barang kes dan semua barang kes akan disemak dan diaudit dari semasa ke semasa.

Setelah siap kes selesai, semua dadah akan dimusnahkan ataupun dilupuskan oleh ejen berlesen disaksikan oleh semua pihak berkenaan serta dikeluarkan sijil pemusnahan.

#### ■1610

Untuk tempoh tahun 2016 hingga Oktober 2017, jumlah berat dadah yang dimusnahkan lupus seperti berikut. Tahun 2016 – 1,036.21 kilogram, manakala pada tahun 2017 dari bulan Januari hingga November – 5,863.25 kilogram. Yang Berhormat Ipoh Barat juga bertanya tentang apakah pindaan ini merupakan jalan mudah untuk menangani masalah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Saya hendak tahu juga mengenai *synthetic drugs* yang sangat senang nombor satu dibuat, *dimanufacture* dan saya difahamkan banyak di antaranya tidak menjadi *recycle* balik. Itulah menjadi masalah di negara ini. Apakah ini betul dan apakah yang boleh diketahui oleh kita yang boleh diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan daripada Yang Berhormat sekarang. Oleh sebab saya bukan Menteri yang bertanggungjawab dalam isu hal ehwal dadah ya. Bukan Menteri Dalam Negeri. Akan tetapi saya boleh cuba mendapat jawapan secara bertulis pada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bertanya tentang pindaan ini adakah merupakan jalan mudah. Harus disedari hakikat bahawa sindiket-sindiket pengedaran dadah menjalankan aktiviti yang menggugat keselamatan negara dan harus ditangani dengan tegas. Oleh yang demikian, pindaan ini bertujuan mencapai keseimbangan antara memberikan kuasa budi bicara pada mahkamah di samping memperkasakan agensi penguatkuasaan dalam usaha memerangi pengedaran dadah.

Yang Berhormat juga bertanya tentang jumlah banduan hukuman mati yang telah mengemukakan petisyen kepada Lembaga Pengampunan Negeri bagi kesalahan di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952. Statistik Jabatan Penjara pada 29 November 2017 menunjukkan seramai 317 banduan hukuman mati kes seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 telah mengemukakan petisyen atau rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri.

Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Ipoh Barat menimbulkan isu berkenaan kenapa pindaan ini tidak memberi budi bicara kepada mahkamah secara mutlak. Keputusan telah dibuat untuk tidak memberi budi bicara mutlak kepada mahkamah kerana dikhuatiri berlakunya keadaan seperti sebelum Akta 234 pada tahun 1983. Seperti yang telah diterangkan dalam ucapan bacaan kedua saya tadi, wujud ketidakseragaman dalam hukuman bagi kesalahan pengedaran dadah.

Sehubungan dengan itu, syarat-syarat tertentu ditetapkan untuk dipertimbangkan mahkamah dalam menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh yang disabitkan di bawah seksyen 39B. Ini adalah selari dengan niat di sebalik rang undang-undang pindaan ini yang ingin memperkasakan agensi penguatkuasaan dalam memerangi pengedaran dadah. Di samping memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori.

Yang Berhormat menimbulkan dari segi subjek retrospektif iaitu kebelakangan ya. Adakah tindakan kerajaan bahawa cadangan pindaan ini hanya terpakai bagi mana-mana orang yang telah dipertuduh tetapi belum disabit di bawah seksyen 39B, Akta 234 adalah rasional.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini apabila dikuatkuasakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta hanya terpakai untuk kes-kes di mana tertuduh belum disabitkan kesalahan. Keputusan ini adalah rasional kerana bagi orang-orang yang telah disabitkan kesalahan di bawah peruntukan lama, mereka masih mempunyai peluang merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan selanjutnya membuat petisyen kepada Lembaga Pengampunan. Adalah menjadi polisi kerajaan bagi proses perundangan sedia ada diteruskan bagi orang-orang yang telah disabit kesalahan di bawah peruntukan seksyen 39B yang sedia ada.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta laluan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ini jelas menunjukkan kerajaan tidak bertolak ansur terhadap pengedar-pengedar dadah dan memberi mesej yang tegas kepada masyarakat bahawa pengedaran dadah berbahaya merupakan musuh utama negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berkenaan dengan isu retrospektif tadi yang Timbalan Menteri telah pun memberi justifikasi bahawa tidak ada rasionalnya adalah bahawa mereka yang telah pun disabitkan ini mereka boleh merayu ke Mahkamah Rayuan dan juga ke Mahkamah Persekutuan. Soalan saya adakah itu merupakan satu rasional ataupun justifikasi yang munasabah. Memandangkan rayuan-rayuan tersebut tidak memberikan mahkamah yang dirayu tersebut kepada tersebut untuk menjatuhkan hukuman selain daripada mandatori dan penalti.

So apakah bezanya sekiranya mereka mempunyai rayuan atau tidak. Isunya adalah bahawa mereka tidak dapat menikmati *the benefit of these amendments*. So, kenapakah kerajaan mengulangi bahawa rasional untuk tidak memberi nikmat ataupun *benefit* pindaan-pindaan ini kepada mereka yang sudah disabitkan adalah kerana mereka ada hak untuk merayu. Hak merayu itu tidak ada kena mengena dengan apa yang kita adu di sini bahawa pindaan-pindaan ini sepatutnya retrospektif. So, apakah pandangan ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan isu tersebut.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya campur sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara yang sama. Saya rasa satu peluang yang baik telah hilang dengan tidak memasukkan retrospektif. Ini kerana ia tidak memadai apa yang rasional yang dikatakan oleh Menteri dan kementerian. Kalau kita tengok saya juga ada bangkitkan mengenai *Article 8, Federal Constitution, equality before the law*. Ini bertentangan, tidak masuk akal, dengan izin, *it doesn't make sense at all*. Saya rasa *the justification that was given by the Minister totally unjustifiable reason*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih. Isu yang sama. Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut bahawa ada rayuan-rayuan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Saya ingin merujuk kepada apa yang terkandung dalam huraian. Di mana huraian 4, saya ingin baca Tuan Yang di-Pertua. Fasal 3 memperuntukkan bagi peruntukan peralihan, *transition*. Peruntukan akta yang dicadangkan hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang telah dipertuduh tetapi belum disabitkan dengan seksyen 39B.

Akta itu oleh mahkamah yang berwibawa pada tarikh permulaan kuat kuasa yang dicadangkan. Cadangan pindaan baru kepada 39B tidak terpakai kepada kes yang menunggu rayuan. So saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apabila disebut bahawa ia akan terpakai kepada kes-kes yang masih dirayu dan sebagainya. Walaupun di situ di dalam huraian cukup jelas dikatakan bahawa ia tidak kena mengena langsung dengan rayuan-rayuan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Puchong ya. Kalau saya mendengar daripada hujah-hujah Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat

menyatakan bahawa berkenaan apa yang disebut sebagai penggunaan kepada prinsip kebelakangan ya. Keputusan yang diambil oleh kerajaan adalah tidak mengikut cara di Singapura di mana peruntukan dibuat untuk menghukum semula tertuduh-tertuduh yang dihukum mati mandatori sebelum pindaan berkenaan ke atas sebab-sebab yang berikut.

Pertama, Singapura mempunyai satu peringkat rayuan sahaja iaitu Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Jika rayuan ditolak, wujud proses pengampunan yang dipohon daripada Presiden. Di Malaysia pula wujud dua peringkat rayuan iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan diikuti dengan proses pengampunan jika rayuan ditolak.

Kedua, pendakwaan dalam menjalankan pertuduhan di bawah kes 39B telah mengambil kira semua fakta termasuk kerjasama dan maklumat yang diberikan oleh tertuduh terhadap aktiviti pengedaran dadah yang tertuduh terlibat di dalam membuat pertuduhan di bawah seksyen tersebut. Pendakwaan dalam kebanyakan kes di bawah seksyen 39B telah menuduh tertuduh di bawah seksyen 39A jika fakta kes menunjukkan tertuduh dapat memberi maklumat yang membantu mengendali aktiviti pengedaran dadah. Pihak pendakwaan juga mengambil kira jumlah berat dadah yang dimiliki oleh tertuduh di dalam mempertimbangkan pertuduhan yang paling sesuai.

Oleh hal ini, kes-kes yang telah disabitkan di bawah seksyen 39B adalah kes-kes yang telah dipertimbangkan sewajarnya oleh pendakwaan dan tiada maklumat yang diberikan oleh tertuduh sehingga jumlah dadah yang terlibat adalah tinggi. Dengan itu, tiada keperluan untuk memperuntukkan sesuatu rejim semakan terhadap sabitan dan hukuman di bawah seksyen 39 yang ada.

Fasal 3 pindaan ini tidak bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan kerana Perlembagaan Persekutuan membenarkan layanan berbeza *differential treatment*, dengan izin, kepada orang yang berada dalam kelas yang berbeza seperti yang dinyatakan oleh Tun Suffian LP dalam kes *Public Prosecutor v Khong Teng Khen [1976]*, dengan izin, "*The principle underlying Article 8 is that a law must operate alike on all persons under like circumstances, not simply that it must operate alike on all persons in any circumstances*".

#### ■1620

Mahkamah Persekutuan dalam kes Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melawan *Victoria Jayaseele Martin, 2016* telah mengesahkan bahawa di bawah Perkara 8, sesuatu undang-undang yang mendiskriminasikan adalah undang-undang yang sah jika diskriminasikan tersebut adalah berdasarkan kepada *reasonable classification*.

Perbezaan dua golongan tertuduh ini di bawah *reasonable classification* selari dengan tujuan pindaan ini iaitu untuk menggalakkan tertuduh supaya memberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang dapat membantu mengendalakan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah.

Di samping itu, peruntukan ini menghormati prinsip undang-undang mantap yang menyatakan bahawa harus ada kemuktamadan dalam proses undang-undang dengan izin *finality in law*. Oleh itu, kerajaan mengambil kedudukan bahawa tertuduh yang telah disabit kesalahan di bawah undang-undang sedia ada adalah tidak tergolong dalam kelas yang sama dengan tertuduh yang belum disabitkan kesalahan.

Pemisahan tertuduh berkenaan ke dalam dua golongan yang berbeza adalah berdasarkan konsep *reasonable classification* kerana kedua-dua golongan ini adalah jenis terpisah iaitu wujudnya *intelligible differentia*, dengan izin antara mereka dan berkait dengan tujuan pindaan ini iaitu menetapkan sesuatu rejim hukuman alternatif bagi kesalahan mengedar dadah yang memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman di samping memperkasakan agensi penguat kuasa dalam peperangan melawan penganjur dadah bahaya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Juga diperhatikan bahawa jika pindaan ini dianggap bercanggah dengan Perkara 8, ia akan membawa maksud Parlimen tidak boleh mengurangkan hukuman bagi mana-mana kesalahan tanpa memperuntukkan bahawa semua tertuduh yang dijatuh hukuman di bawah peruntukan sebelum pindaan harus dikaji semula hukumannya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi, kepada saya untuk menyatakan oleh kerana di *Singapore* hanya ada satu peringkat rayuan maka ada perbezaan di sini. Di *Malaysia* ada dua peringkat rayuan. Itu tidak masuk akal kerana apa yang perlu kita lihat adalah kepada fakta.

Persoalan dia, adakah ataupun tidak dalam sesuatu kes itu seseorang tertuduh telah membantu pihak terutama kepada agensi secara dalam memberi maklumat yang boleh membantu di dalam perang terhadap dadah.

*Now, as far as we are concern*, saya minta maaf tetapi susah untuk saya terima bahawa ada keputusan dibuat bahawa semua kes yang mana sudah dituduh dan sudah disabitkan dalam semua kes itu memang tidak ada maklumat yang membantu agensi. Jadi macam mana kita tahu. Bagaimana kalau dalam kes-kes yang tertentu kita boleh menunjukkan bahawa seseorang itu ada membantu dari segi memberi keterangan dan memberikan maklumat berkenaan dengan pengedar sebenar dan sebagainya.

*We know with due respect* Yang Berhormat Menteri, *there so many reported cases* dalam mana apa yang dibawa dalam pembelaan adalah bahawa beliau bukan *the real trafficker* dan maklumat diberikan berkenaan dengan *real trafficker*. So, bagaimana kita boleh buat satu *difference*, membuat suatu perbezaan. Semua kes yang sudah ada *conviction* memang kita sudah siasat, langsung tidak ada apa-apa maklumat yang boleh bantu. Akan tetapi, untuk kes-kes yang ada sekarang, kita akan tengok kalau ada maklumat. *That doesn't make sense*. Itu satu.

Nombor dua. Bagaimana dalam kes-kes yang mana kita boleh menunjukkan misal kata saya boleh bawa satu rekod rayuan sekarang. Saya boleh menunjukkan orang yang telah disabitkan itu telah pun membantu dan ia termasuk *squarely* dalam golongan *the exception* yang kita ada sekarang. Takkan dalam kes itu di mana ada bukti, kita akan kata, *it's reasonable to say, there is a different class, it's a same class*. Itulah di mana tempatnya

kita kata ia tidak masuk akal, nombor satu. Nombor dua, ia bertentangan dengan Perlembagaan.

*But the constitutionality aside*, itu adalah perkara yang kita bawa *but in terms of what want to achieve here*. Dalam kes-kes di mana kita boleh menunjukkan daripada keterangan walaupun ada sabitan tapi kita boleh menunjukkan ada usaha untuk membantu. *If there is a conviction for trafficking, isn't the government prepared to also make those persons or gave those persons the opportunity of, a review of sentence*. Itu yang kita hendak tahu, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya tanya beberapa soalan atau dua soalan berkenaan isu yang sama Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu membantu agensi. *Now*, untuk orang yang telah pun disabit di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, *as it is, as it currently stands*, tidak ada apa-apa peruntukan dalam undang-undang sekarang untuk mahkamah membuat satu penilaian ataupun membuat *finding of fact* bahawa terdapatnya bantuan terhadap agensi.

Jadi untuk kes-kes di mana mereka telah pun disabitkan. Mereka itu bukan satu isu. *So*, mereka tidak pernah mempunyai apa-apa keperluan untuk membuktikan bahawa mereka membantu agensi. Jadi memandangkan mereka telah pun disabitkan sekarang terdapat kemungkinan bahawa mereka ada keterangan yang menunjukkan mereka telah pun membantu agensi tetapi tidak ditimbulkan di dalam kes-kes sekarang, sebab *that's not an ingredient of the offence that needs to be proven*.

Jadi bukankah itu memandangkan mereka tidak pernah tahu bahawa mereka perlu menimbulkan bahawa mereka pernah membantu agensi. *Is that unfair* kepada mereka sekarang? Sebab mereka tidak pernah menimbulkan perkara tersebut. *So*, orang yang menghadapi undang-undang baru ini, mereka tahu mereka perlu menunjukkan ataupun memenuhi *ingredient* membantu agensi.

Jadi mereka akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membuktikan perkara tersebut. Akan tetapi, mereka pun telah pun disabitkan dalam undang-undang lama, mereka tidak akan mengambil langkah-langkah tersebut. Mungkin sudah tentunya ini adalah satu perkara yang *unfair*. Sebab itu kita minta agar mereka yang telah pun disabitkan diberi peluang untuk menyemak semula agar mereka boleh membawa keterangan bahawa mereka telah membantu agensi di bawah forum semakan tersebut.

Jadi ini akan memberi mereka— *it will make it a level playing field*. Itu perlu diambil kira oleh kementerian. Saya minta Yang Berhormat agar mempertimbangkan isu itu dan juga memberi pandangan berkenaan isu tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ingin mungkin lepas Yang Berhormat jawablah. Ini sudah banyak soalan. Mungkin lepas Yang Berhormat Menteri jawab, saya akan tanya, baik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Sebenarnya bila kita bawa pindaan ini daripada pihak kerajaan hukuman yang dikenakan bawah 39B yang asal itu ialah di mana seseorang itu tidak ada pilihan tetapi mahkamah akan mensabitkan jatuhnya hukuman mandatori.

Jadi apa yang kita buat sekarang dalam pindaan ini ialah memberikan peluang bagi mahkamah untuk menggunakan budi bicara supaya tidak dikenakan hukuman mati tetapi diberikan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan. Kita tahu proses mahkamah di mana Yang Berhormat semua adalah peguam bela dan peguam cara bahawa mahkamah dalam semua kes walaupun dituduh di bawah 39B, 39A dalam mana-mana kes, mahkamah boleh jatuhkan kesabitan atau mahkamah boleh bebaskan.

Akan tetapi, dalam perkara ini bila kes ini telah disabitkan, keputusan yang dibuat oleh kerajaan adalah supaya hanya memakai kepada yang disebut dalam fasal 3, hanya dipakai kepada kes-kes yang belum dikenakan sabitan. Sebab kita mesti menerima hakikat bahawa kemungkinan terdapatnya tingkap ataupun *window of opportunity*, dengan izin selepas pindaan ini dikuatkuasakan bahawa mereka dalam proses rayuan dan yang memohon dalam proses lembaga pengampunan boleh menggunakan fakta-fakta tersebut dalam proses mengurangkan hukuman dan seterusnya.

Akan tetapi, setakat ini bagi pihak kerajaan, kita memberi kuasa mandatori kepada budi bicara dengan syarat perkara ini diwujudkan. Ini adalah keputusan yang dibuat oleh kerajaan, mengalih daripada mandatori untuk diberikannya peluang yang mana disebutkan dalam fasal (2A) iaitu (a), (b), (c) dan juga (d).

Keputusan yang dibuat oleh kerajaan adalah kerana kerajaan menerima hakikat bahawa mereka yang boleh disabitkan kesalahan dalam kes ini diberi peluang untuk menggunakan pindaan yang diwujudkan. Kalau Yang Berhormat mengatakan perlunya diberi juga kepada mereka yang telah disabitkan kesalahan ini. Saya melihat itu pandangan Yang Berhormat. Bagi pandangan kerajaan, kerajaan membuat keputusan bahawa ia tidak terpakai sebab adanya proses yang lain yang boleh terpakai kepada mereka yang telah disabitkan.

Ini keputusan kerajaan Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Menteri, saya telah dalam perbahasan saya mengatakan rasional untuk mengadakan *retrospectiveness* asasnya bukan sahaja kita tertakluk kepada artikel *equality*.

#### ■1630

Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri menunjukkan satu rasional tetapi tidak boleh diterima. Asas saya ialah Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya ada beritahu minggu dulu kepada Yang Berhormat Menteri pun, pada bulan Ogos, kerajaan membawa rang undang-undang untuk menukar beberapa seksyen di *Law Reform (Marriage And Divorce) Act*. Di akta tersebut, kali pertama beberapa tahun kebelakangan ini, Yang Berhormat, kerajaan telah bercadang untuk meluluskan di mana retrospektif hingga tahun 1974 dari permulaan kes-kes cerai dan kahwin. Jika ia boleh digunakan di sana,

rasional yang sama, *the same class of people* kerana kita tidak boleh mengasingkan atau mengurangkan memberi perhatian atau *protection* kepada mereka seperti yang ada pada hari ini.

Kalau pada hari ini kita boleh untuk memberi satu golongan, kenapa pula orang yang patut mendapat manfaatnya, yang telah dijatuhkan hukuman mati tidak boleh memperoleh manfaat-manfaat tersebut? Itu soalan saya. *There's an absolute clear contradiction in the government itself, the stand taken by the government.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Ipoh Barat, saya memang menerima bahawa *that is your professional opinion*. Yang Berhormat Ipoh Barat kenalah berlaku adil. Apabila Yang Berhormat Ipoh Barat menggunakan contoh *law reform*, itu kes keluarga. Ini kes dadah. Ini keputusan yang dibuat oleh kerajaan bahawa ia tidak akan terpakai kepada mereka yang telah disabit. Yang Berhormat, cuba Yang Berhormat bayangkan, ya. Selalunya dalam kes-kes dadah ini, mereka boleh disabit di bawah seksyen 39A. Tidak semestinya 39B.

Kita tahu dalam banyak-banyak kes tangkapan, pensabitan itu kepada kes 39B apabila mereka mendapati betul-betul keadaan itu melengkap kepada undang-undang yang disebut untuk dituduh bawah 39B. Dalam semua keadaan, ia boleh pergi balik kepada 39A tertakluk kepada pendakwa raya yang menentukan tuduhan tersebut, itu satu.

Kedua, apabila kes ini dalam proses didengar sebelum sabitan, banyak perkara aspek boleh dikirakan oleh mahkamah. Kemudian kita mengambil kira selepas sabitan dikenakan dalam kes dadah. Kita tengok tentang isu yang mana kes dadah ini, yang saya sebut kalau kita tengok, biar saya sebut tiap kali bercakap tentang kes hukuman mati. Bukan sahaja di bawah seksyen 39B bawah Akta Dadah, kita ada di bawah Kanun Keseksaan (*Penal Code*) kita ada di bawah *Firearms (Increased Penalties) Act 1971*, dengan izin, hukuman mati kita ada *Armed Forces Act*, kita ada *Kidnapping Act*, *Water Services Industry Act*, *Strategy Trade Act* dan *Arms Act*. Ini undang-undang yang mengenakan hukuman mati.

Jadi dalam aspek ini, apabila kerajaan memberi peluang kepada mereka yang telah dituduh tetapi belum disabit, bererti kerajaan memberikan mereka peluang dan kebolehan untuk menggunakan apa yang diberi, kuasa budi bicara kepada hakim. Akan tetapi mereka yang telah disabitkan banyak perkara yang telah diambil kira dalam proses sabitan.

Setelah disabitkan, proses untuk melihat kepada sabitan tersebut adalah proses rayuan yang ada dalam sistem kita. Proses rayuan ini selepas kita melalui proses rayuan, kita juga ada Lembaga Pengampunan. Bermakna tingkap untuk mereka mendapatkan proses kebebasan mengambil kira sebagai contohnya dalam *submission*, dengan izin, kepada Lembaga Pengampunan untuk mengambil kira pindaan yang telah dibuat oleh kerajaan, mereka boleh lakukan. Akan tetapi keputusan kerajaan ialah membezakan antara yang sudah sabit dan yang belum sabit.



Akan tetapi Yang Berhormat tidak setuju. Itu pandangan Yang Berhormat tetapi kerajaan masih menetapkan dan mengatakan bahawa kita hanya beri kepada mereka yang belum sabit. Itu keputusan kerajaan. Yang Berhormat, kalau saya berdiri di sini dan pindaan ini tidak terpakai yang telah dituduh dan belum disabit, ini lagi kes aniaya. Yang dituduh belum disabit tetapi kerajaan memberi peluang kepada yang dituduh, belum disabit.

Maknanya yang disabit ada proses lain dan Yang Berhormat sendiri sebagai peguam bela dan peguam cara dalam kes jenayah, fakta-fakta jenayah ini membawa beban yang begitu ketat, *beyond any reasonable doubt*. Kalau kita hendak mengira semula proses-proses dalam prinsip undang-undang ini, bukan undang-undang yang biasa sebab dalam seksyen 39B, sebelum pindaan ini, apabila ada *possession* Tuan Yang di-Pertua, banyak kes mereka yang tidak bersalah. Maknanya dihukum gantung kerana undang-undang ketat.

Akan tetapi sebelum tuduhan diberi di bawah 39B, pihak pendakwa raya akan mengkaji, sama ada kalau dia bantu kerajaan ataupun melalui agensi keselamatan kah *enforcement agency*, dengan izin, kemungkinan, tuduhan di bawah 39A. Kemungkinan tuduhan di bawah seksyen-seksyen yang lain. Akan tetapi Yang Berhormat tidak boleh mengatakan bahawa dalam negara kita, hukuman dadah dua sahaja iaitu mati ataupun tidak mati. *That is not fair* sebab kerajaan ada juga memasukkan mereka kesalahan dadah, masuk penjara. Bererti bahawa, komitmen kerajaan Yang Berhormat, 34 tahun *mandatory death sentence*.

Saya terima kasih Yang Berhormat yang mengatakan terima kasih kepada kerajaan kerana ini adalah langkah pertama. Akan tetapi saya juga ingin menyatakan bahawa kerajaan membuat pindaan ini kerana kerajaan hendak melihat sama ada dengan adanya kuasa budi bicara mahkamah, perang dadah itu berkurangan. Kemungkinan maklumat yang diberikan kepada *enforcement agency* itu akan membantu kerajaan lebih. Kita melihat kepada masalah umum.

Kita melihat kepada apa yang disebut tentang 30 juta rakyat Malaysia yang mana perang dadah ini, masalah dadah ini makin bertambah dari tahun 80-an, hukuman mandatori, sebelum itu kita kepada hukuman budi bicara hakim. Kerajaan melihat kepada proses bahawa melihat kepada tahun 2017 sama ada hukuman budi bicara dengan syarat-syarat yang diwujudkan ini akan dapat membantu dalam kes-kes yang begitu ketat supaya mereka ini dapat diberikan hukuman penjara seumur hidup dan dikenakan sebatan. Ini keputusan kerajaan. *Position of the government*. Jadi saya minta maaf kalau Yang Berhormat merasakan sebaliknya tetapi ini adalah keputusan kerajaan.

Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mewujudkan isu tentang pindaan ini mengambil kuasa budi bicara mahkamah. Ini poin yang seterusnya di mana pindaan ini tidak akan mengambil kuasa budi bicara mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap seorang yang didapati bersalah mengedar dadah berbahaya. Mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati walaupun kesemua elemen di bawah subseksyen 39A(2) telah dipatuhi jika mahkamah merasakan itulah hukuman yang paling wajar dikenakan.

Untuk makluman, mahkamah masih mempunyai bidang kuasa yang sedia ada dalam pembicaraan satu kes di bawah seksyen 39B, Akta 234 iaitu sama ada untuk melepaskan dan membebaskan seseorang tertuduh jika didapati pihak pendakwa gagal untuk membuktikan kes *prima facie* atau pihak pembela berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan munasabah menjatuhkan hukuman mati mandatori bagi seseorang yang didapati bersalah mengedar dadah berbahaya atau mengenakan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 kali mengikut pindaan terbaharu ini. Jika tertuduh berjaya membuktikan elemen di subseksyen 39B(2A) pindaan akta.

Yang Berhormat Bukit Gelugor bertanya tentang kenapa tidak memberikan mahkamah memutuskan hukuman? Harus difahami bahawa kuasa menetapkan hukuman adalah suatu perkara yang tertakluk kepada ketiga-tiga organ kerajaan iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Perkara ini tidak berlawanan dengan pengasingan kuasa kerana penetapan hukuman bagi sesuatu kesalahan adalah di bawah bidang kuasa Parlimen berdasarkan polisi kerajaan. Penetapan syarat *legislative prescription* seperti ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu dan dipraktikkan secara umum. Oleh itu, jika mahkamah telah mensabitkan seseorang atas kesalahan mengedar dadah, ia hendaklah menjatuhkan hukuman yang telah ditetapkan oleh *legislative*, dengan izin.

Berkenaan dengan cadangan bahawa sesuatu *range of sentences* harus ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah, kedudukan kerajaan adalah bahawa perkara ini akan menghantar sesuatu mesej kepada sindiket-sindiket dadah di dalam mahupun di luar negara bahawa Kerajaan Malaysia telah berlembut dengan aktiviti pengedaran dadah.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dikhuatiri ini akan mendorong sindiket-sindiket dadah menggiatkan bagi aktiviti membawa atau menghantar masuk dadah berbahaya ke dalam negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat juga menimbulkan berkenaan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta maaf kerana selalu berdiri tetapi ini adalah perkara yang penting untuk kita bertanya. Ini adalah- *it has to do with life and death*, adalah perkara yang penting. Berkenaan dengan isu yang saya timbulkan tadi, yang telah pun ditangani oleh Yang Berhormat Menteri bahawa tidak ada pelanggaran, *separation of powers* di mana hakim perlu menjatuhkan hukuman mengikut apakah yang *prescribed* di Parlimen.

Di dalam kes ini, adalah jelas bahawa pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang ini akan memberi hakim hanya dua pilihan. Satu, hukuman mati, yang lagi satu, hukuman *life imprisonment*. *Now*, persoalan saya adalah, bukankah, *wouldn't it be the*

*business of the court?* Bukankah ini adalah hal mahkamah untuk menentukan mengikut fakta dan keadaan kes?

■1640

Sekiranya seorang itu berhak ataupun layak untuk diberi *life imprisonment* ataupun kurang daripadanya. Contoh yang telah pun saya timbulkan adalah bagaimana dengan seorang yang hanya membatasi limit sebanyak mungkin dua atau tiga gram, 15 gram maksimum untuk 39B untuk hukum mati kalau dia didapati 18 gram heroin di dalamnya. Untuk tiga gram lebih kalau umur dia mungkin muda, mungkin 25 tahun *just for an extra three gram are we to putting in life imprisonment?* So, ini ialah satu fakta dan keadaan yang harus diambil kira oleh mahkamah, *surely*. So, *when we prescribe only one alternative* iaitu *life imprisonment* itu adalah dalam erti kata lain mengikat tangan mahkamah lagi.

*In other words, we have no confident in the judiciary.* Kita tidak yakin dengan badan kehakiman sehingga kami mengikat tangan badan kehakiman untuk mengenakan hanya *life imprisonment*. Ini sudah tentunya tidak betul, *surely* Yang Berhormat Menteri. *I would answer be a government, to consider very carefully an alternative term of imprisonment a part from life imprisonment* mengikut fakta-fakta dan keadaan-keadaan kes, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat saya ucapkan terima kasihlah kepada keprihatinan Yang Berhormat. Saya faham tetapi saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat sebagai peguam bela pernah juga pergi ke mahkamah dan dalam kes-kes seksyen 39B, mahkamah boleh membebaskan yang dituduh. Ini pernah berlaku. Saya ada senarai kes yang mana Yang Berhormat dan sahabat-sahabat saya sebelah saya yang menjadi peguam bela pada kes-kes seksyen 39B yang mana kes-kes yang dituduh dibebaskan. Adanya juga kes yang mana dituduh, *charged reduce* hakim mempunyai kuasa. Jadi Yang Berhormat tidak boleh cakaplah bahawa seksyen 39B pindaan ini, tangan hakim diikat seolah-olah mandatori mati ataupun hukuman penjara seumur hidup.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat dalam keadaan yang tertentu, hakim mempunyai keputusan sama ada untuk mengarahkan pendakwa raya mengurangkan tuduhan, perkara ini biasa berlaku dalam mahkamah. Saya memahami tetapi saya memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa dalam beberapa kes seksyen 39A tuduhan tidak semestinya seksyen 39B. Kalau mereka memberi maklumat mungkin sebelum pindaan ini bukan semua kes ditangkap dadah di bawah semua seksyen 39B Yang Berhormat pun tahu. Ada juga kes-kes dadah ini di bawah seksyen lain. Akan tetapi sekarang ini yang kita kata dalam kes seksyen 39B yang begitu ketat seketat-ketat yang ada ini, yang kita boleh tidak bagi hukuman bunuh bila mahkamah menggunakan kuasa budi bicara dalam keadaan tertentu.

Ini kerana pihak kerajaan mahukan agensi, *enforcement agency* dengan izin mendapat bantuan maklumat. Kalau tidak ada seksyen 39B, pindaan yang memberi maklumat kepada agensi kemungkinan berlaku dituduh di bawah seksyen-seksyen lain. Ini adalah realiti kes-kes dadah. Akan tetapi Yang Berhormat tidak boleh buat seolah-olah kerajaan zalim iaitu bila kena 39B tidak ada pilihan lain, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri terima kasih. Yang Berhormat Menteri, bukan kita membuat dakwaan bahawa kerajaan zalim, *that is not what we have said*. Apa yang Yang Berhormat Menteri menyatakan, mahkamah mempunyai hak ataupun budi bicara untuk membebaskan, *of course any court can acquit*. Sekiranya seorang itu dibebaskan maksudnya dia tidak bersalah. Sekiranya dia tidak bersalah *the question of 39B does not arise*. Apa yang kita berbahas di sini adalah, apakah yang berlaku sekiranya beliau di dapati bersalah *and acquittal is nothing to do with our debate today*.

Bagaimana dengan sekiranya seorang itu memilih ataupun ingin mengaku salah? *What if an accuse who is under 39B charge which is to feel guilty?* Apa yang beliau menghadapi *is life imprisonment or death? Now in those circumstances* sudah tentunya mahkamah boleh sekiranya boleh sekiranya mengambil fakta mitigasi, memberi satu hukuman yang lebih ringan untuk memberi dorongan ataupun insentif kepada seseorang itu mengaku salah. Sekiranya seseorang itu mengaku salah, dia akan menjimatkan masa dan kos pendakwaan dan sebagainya.

So, itu pun perlu diambil kira bukan berkenaan dengan *acquittal*, ini berkenaan *conviction* ataupun seorang yang mengaku salah, so itu perbezaannya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Itu sahaja tiada lain? Yang Berhormat, saya bukan dalam mahkamah. Saya dalam Dewan, ini suara kerajaan. Saya faham isu Yang Berhormat tetapi saya sudah beritahu banyak kali bahawa dalam keadaan ini kita tidak mengikat tangan hakim, itu sebab kerajaan mengatakan bahawa kuasa budi bicara hakim itu diwujudkan. Yang Berhormat sendiri juga pergi mahkamah. Saya macam ini Yang Berhormat, yang paling senang hendak selesai ini kita undi sahajalah, tidak payahlah saya bahas. Oleh sebab kalau saya hendak bahas, Yang Berhormat tidak percaya cakap saya Yang Berhormat masih kata dekat saya, kerajaan, mahkamah, saya tidak faham.

Isu dia ialah kita bertanggungjawab pada rakyat, 30 juta rakyat Malaysia tidak semua rakyat setuju bahawa pindaan mandatori tukar kepada budi bicara. Kita mengambil keputusan ini dari segi prinsip bahawa kerajaan melihat bahawa kemungkinan ini dapat membantu perang dadah negara kita. Saya sebut dalam bacaan kali kedua hendak terangkan kepada Yang Berhormat, saya bukan dalam mahkamah, itu Yang Berhormat. Yang Berhormat jadi peguam, Yang Berhormat jadi wakil rakyat saya tidak dapat jadi peguam sebab saya Menteri.

Apa yang saya dapat buat ialah menilai undang-undang, berbincang dengan agensi untuk sekurang-kurangnya membantu. Yang Berhormat dalam kes ini secara tidak langsung memang mendapat peluang yang lebih baik daripada saya sebut daripada mula Tuan Yang di-Pertua saya kata seksyen 39B bila dituduh memang seketat-ketatnya. Saya tidak faham mungkin Yang Berhormat tidak faham isu ketat ini apa. Maknanya sudah *beyond any reasonable doubt*.

Oleh sebab bila sudah dituduh tidak ketat, tuduhan *reasonable doubt* dibebaskan. Walaupun dituduh boleh dikurangkan tuduhan. Walaupun disabit boleh pergi rayuan.

Walaupun kalah rayuan boleh pergi Lembaga Pengampunan maknanya tidak semestinya bila disabit hukuman ini dia terus sama ada mati ataupun masuk penjara seumur hidup. Saya rasa Yang Berhormat tidak bolehlah seolah-olah, minta maaf Yang Berhormat, seolah-olah menakutkan seolah-olah kerajaan ini tidak prihatin.

Bagaimana dengan anak-anak sekolah yang menjadi penagih dadah? Bagaimana mereka-mereka yang menjadi pelajar-pelajar universiti yang tidak berjaya kerana dadah kerana musuh dadah ini adalah lebih besar daripada kita dalam politik. Kita mesti bersatu dan bersama menentang isu dadah dalam negara kita, ini tanggungjawab Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat lebih susah hati kepada yang dituduh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat agak tidak adillah kepada kami yang lain dalam Dewan ini. Kita pun banyak rakyat yang kita membela tetapi kita membela rakyat sebab kita hendak lihat kepada masalah umum. Yang Berhormat tanya kepada PAS apa itu masalah umum.

Maslahat umum itu bererti *the better good of the nation*, itu yang saya sebut. Jadi yang kita buat ini ialah langkah pertama memberi kuasa budi bicara. Saya tidak tahu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak suka tidak payalah kita buat hukuman budi bicara bagi semua mandatori. Selepas itu Yang Berhormat keluar kata kerajaan zalim. Kita sudah bagi kuasa budi bicara Yang Berhormat masih mengatakan bahawa kerajaan tidak mahu mengambil kira. saya sudah sebut tadi kita sudah mengambil kira perkara ini dan ini adalah keputusan kerajaan.

Jadi saya cukup prihatin dengan isu Yang Berhormat, tetapi saya mesti mengatakan bahawa isu rakyat adalah lebih besar daripada isu Yang Berhormat. Sejumlah 30 juta rakyat di luar sana adapun yang mungkin tidak setuju dengan pindaan yang kita buat tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Perdana Menteri merasakan sudah tiba masanya untuk kita memberikan kuasa budi bicara kepada hakim supaya sekurang-kurangnya dapat membantu agensi-agensi pelaksanaan, *enforcement agency* dalam negara kita.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Izinkan Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita undi sahajalah. Tidak payahlah saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong. Hendak bagi Yang Berhormat Puchong jalan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Silakan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dia adik-beradik seorang ini, lepas ini duduk lepas itu dia pula.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baiklah kita adik-beradik, *there is no problem* kan? Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri, *there is no point getting emotional*. Kita juga sokong tetapi yang kita hendak buat sini kita hendak pastikan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini memang tepat pada tempat dia. Mungkin ada kekurangan dan di situ kita bawa cadangan. Kalau kerajaan tidak setuju tidak apa, *let the*

*record show that the debate was held there was a healthy debate and of course the Minister answer those question, itu sahaja yang kita sebut tadi.*

Saya juga hendak bawa kepada perhatian satu perkara berhubung kait dengan fasal 2. Yang Berhormat Menteri *I think I have spoken what is this before* perkataan yang digunakan *after (b), so can I take* Yang Berhormat Menteri *to section 2? Section 2* itu ada (a) kemudian ada (b) dan dalam (b) itu ada empat perkara. *And that (c) Yang Berhormat Menteri you note the word yang digunakan is 'and', so persoalan yang dibangkit adalah it this means that it's 'ten' individually or those it means that you have to have one of (a), (b), (c) and also (d) that the first question.*

■1650

*The second question that I have* Yang Berhormat Menteri, apabila disebut berkenaan dengan *enforcement agency*, adakah huraian diberikan berkenaan dengan apa yang dimaksudkan dengan *enforcement agency* itu *because as far as I can see and I have checked, perhaps the officer there also can correct me if I am wrong, but it is not stated in the definition section of the criminal procedure code. So, I just want to clarification* berkenaan dengan dua perkara itu, *whether 'and' there is injunctive, conjunctive and meaning of the enforcement agency.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Dalam hal dadah kenalah emosional Yang Berhormat Puchong, sebab 34 tahun kita tunggu hendak tukar daripada hukuman mandatori kepada budi bicara. Jadi bagi saya, ini langkah kerajaan ialah langkah permulaan.

Yang Berhormat tanya saya tentang perkataan '*and*' dalam hujung seksyen 39B(2A)(d). Dasar yang telah ditentulah ialah supaya perenggan (d) menjadi sesuatu yang kehendak kepada mandatori iaitu perlu dipenuhi sekiranya mahkamah ingin mempertimbangkan untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Dalam hal ini, (a), (b) dan (c) - (a), (b), (c) dibaca secara *injunctive* tetapi akan dibaca secara *conjunctive* dengan (d). Maknanya (d) itu adalah keperluan utama untuk hakim menggunakan kuasa budi bicara.

Yang Berhormat tanya saya tentang definisi *enforcement agency*, saya rujuk kepada fasal yang ada di sini yang mana pindaan ini menyebutkan (2C) sebagai *purpose of subsection (2A) and (2B)* dengan izin, "*enforcement agency*" *means* – Sekarang (2C) ini akan menjadi (2B) kepada pindaan nanti. "*The Royal Malaysia Police, the National Anti-Drugs Agency, the Royal Malaysian Customs Department, the Malaysian Maritime Enforcement Agency and any other agency as may be determined by the Minister*". Ini jawapan yang telah dinyatakan dalam pindaan ini.

Yang Berhormat Bagan Serai pula mengatakan apakah maksud penjara seumur hidup. Menurut seksyen 3 *Criminal Justice Acts 1953*, penjara seumur hidup bermaksud satu tempoh pemenjaraan selama 30 tahun. Yang Berhormat juga menanyakan hukuman mati yang diperuntukkan tidak berkesan menghalang pengedaran dadah perlu dimansuhkan. Dadah masih menjadi musuh nombor satu negara. Walaupun ramai pengedar dadah yang disabitkan dan dihukum mati oleh mahkamah, pengedar-pengedar daripada sindiket-sindiket

dadah masih menjalankan aktiviti mereka kerana pulangan yang amat tinggi. Pemansuhan hukuman mati bukanlah penyelesaian kepada masalah dadah ini.

Walau bagaimanapun, dengan pindaan ini, ia akan memperkasakan lagi agensi penguatkuasaan dalam memerangi pengedaran dadah. Tertuduh yang membantu memberikan maklumat kepada agensi penguatkuasaan akan diberi hukuman penjara seumur hidup dan sebatan. Maka dengan pindaan ini, kerajaan telah mengambil satu strategi baru dalam memerangi pengedaran dadah dan melindungi kepentingan masyarakat. Jika dilihat daripada statistik pihak penjara dari tahun 2000 hingga tahun 2017, seramai 113 orang yang telah dikenakan hukuman mati di bawah seksyen 39B DDA 1952, hanya 11 orang yang telah dihukum gantung iaitu 82 peratus. Manakala sebanyak 91.7 peratus, seramai 122 orang yang telah diberikan pengampunan dan keringanan hukuman iaitu dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

Yang Berhormat Dungun bertanya tentang apakah langkah-langkah kesedaran awam diambil oleh kerajaan berkaitan pengedaran dadah. Pada masa ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang lebih efisien untuk membanteras masalah dadah melalui Program Perangi Dadah Habis-habisan melibatkan *omnipresence*, Ops Cegah, Ops Bersepadu Khas, media, ikon antidadah, *community empowerment*. Pada masa yang sama, aktiviti lain seperti program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usaha sama atau NBOS dengan kementerian, jabatan dan agensi yang lain.

Yang Berhormat Dungun juga bertanya tentang langkah-langkah strategi kerajaan dan kerajaan dalam koordinasi agensi penguatkuasaan. Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama agensi di bawahnya AADK dan PDRM serta kementerian, agensi luar Kastam telah mengadakan mesyuarat berkala dan beberapa pelan strategik telah diatur dalam memastikan pendekatan daripada segi pencegahan, pemulihan, rawatan diambil dan peraturan serta amalan baik melalui pembinaan SOP yang juga telah disediakan.

Yang Berhormat Bukit Katil bertanya tentang apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang memproses dadah dan mendapat pulangan yang tinggi. Mereka yang memproses dadah. Minta izin, mereka yang memproses dadah yang telah ditangkap oleh pihak polis dan dipertuduhkan oleh mahkamah di bawah seksyen 39 Akta Dadah Berbahaya 1952. Bagi harta-harta mereka pula, kerajaan telah menyita harta-harta tersebut di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, ada atau tidak mana-mana yang saya tidak menjawab soalan kepada Yang Berhormat? Jadi, bagi mengakhiri...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sepang tidak jawab.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Minta maaf.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya tadi mengenai kes-kes rakyat Malaysia yang berada di *death row* di Singapura dan saya ada spesifik mengenai kes Dakshinamurthy Katariah yang mungkin akan digantung pada bila-bila masa, yang juga merupakan anak guam saya secara *pro bono*. Itu kes yang paling kritikal. Mungkin pada bila-bila masa hukuman akan dilaksanakan. Dakshinamurthy Katariah dan juga beberapa nama lain lagi yang saya dapat yang saya telah bacakan. Saya meminta jika Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu aku janji supaya kerajaan akan mengambil tindakan segera dan cepat untuk memberi bantuan dan membuat representasi kepada Kerajaan Singapura mengenai kes-kes ini, terutamanya memandangkan ada unsur *unconstitutional* dalam sabitan mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, memanglah tadi saya tidak ada dalam bentuk soalan tetapi saya bangkitkan isu Menteri. Contohnya, apabila kita letakkan kuasa hakim itu dengan syarat-syarat sebelum hendak jatuhkan hukuman, dia kena mengambil kira beberapa faktor itu, bukankah itu sekali gus bagi saya, kita mengehendkan budi bicara hakim? Sedangkan kalau kita lihat kepada peruntukan di India, mereka meletakkan kuasa hakim untuk mengambil kira, dipanggil *special reason* kenapa hukuman mati boleh dikenakan.

Akan tetapi kita lebih kepada bagaimana hukum mati itu tidak dilaksanakan. Macam mana hukuman mati ini boleh dilaksanakan tanpa mengambil kira faktor-faktor *special reason*? Jadi saya rasa ada sedikit perbezaan antara kita dengan India, sedangkan saya rasa yang di India itu saya rasa lebih dekat dengan isu keadilan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat responslah benda itu.

Juga saya banyak bangkitkan isu lain dalam kes yang melibatkan yang dikatakan jumlah hari yang mereka terpaksa tunggu. Adakah kita tidak rasa perlu adanya kita hadkan masa dan perkara-perkara lainlah. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin ada buat catatan. Memang tidak ada dalam soalan Menteri, kita dalam bentuk *argument* tetapi Menteri kena respons jugalah sebab ini *turn* Menteri untuk respons. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, soalan tadi pertama sekali berkenaan dengan Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai tanya pasal yang berlaku di Singapura ya? Sekejap ya. Berkenaan dengan pemindahan antarabangsa banduan, *the International Transfer of Prisoners 2012*, pemindahan antarabangsa banduan boleh dilaksanakan bagi banduan yang telah dijatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati ke negara asal. Banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati tidak boleh dipindahkan berdasarkan seksyen 7(2)(a) Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754]. Maka dengan pindaan ini, banduan di bawah hukuman penjara seumur hidup boleh memohon atau Jabatan Penjara boleh melaksanakan pemindahan tersebut. Ini jawapan saya berkenaan dengan perkara tersebut.



**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Maaf Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya yang saya tanya adalah sama ada kerajaan boleh membantu dan membuat representasi terhadap Kerajaan Singapura untuk menyelamatkan kes-kes ini daripada tali gantung terutamanya kes Dakshinamurthy Katariah. Ini kerana seperti saya nyatakan, mereka jelasnya jika benar bersalah pun adalah *currier* dan apakah kita akan biarkan mereka digantung seperti itu sahaja, manakala ada banyak isu yang telah ditimbulkan. Dengan izin Yang Berhormat Menteri, *I just asking that whether the government can make strong representations to Singapore's Government to save the life of our citizens there.* Itu sebenarnya saya tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1700

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya tidak dapat jawab soalan Yang Berhormat Padang Serai sekarang, saya boleh bagi jawapan bertulis, sama ada kerajaan boleh membantu dalam memberikan representasi. Ada tadi Yang Berhormat tanya saya tentang *moratorium*. Saya rasa Yang Berhormat, bagaimana kedudukan kerajaan berkenaan dengan *moratorium* ataupun pelaksanaan hukuman mati bagi kesalahan mengedar di bawah seksyen 39B, Akta 234. Pihak kerajaan mengambil maklum akan pandangan beberapa Yang Berhormat bertanya tentang *moratorium*. Satu kertas Jemaah Menteri bersama dengan Menteri Dalam Negeri berhubung dengan semua isu berbangkit berkaitan dengan *moratorium* akan dibawa dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan dalam masa yang terdekat, itu jawapan bagi *moratorium*.

Jawapan bagi Yang Berhormat Sepang berkenaan yang berlaku di India. Saya setakat ini tidak boleh jawablah Yang Berhormat. Mungkin itu soalan jurisprudens oleh Yang Berhormat, tentang *sentencing policy* oleh Kerajaan India berbanding dengan Kerajaan Malaysia. Kemudiannya saya ingin mengatakan daripada hujah-hujah yang dibentangkan jelas...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan berhubung isu moratorium bahawa satu kertas cadangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet. Dengan izin, *the role or function of moratorium is no execution, status quo.* Jadi, andai kata kertas cadangan ini dibentangkan bulan hadapan, tahun hadapan, maksud dari tarikh itu, adakah *moratorium* itu *effective after that date or will it be from now?* Jadi, sebab kami semua di sini kkuatir, akan terus ada hukuman gantung dilaksanakan sementara kertas cadangan dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet ini. *This is the fear, that there will be executions pending the paper is being tabled in the Cabinet Meeting. Thank you.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya memahami kekhuatiran Yang Berhormat, itu sebabnya bagi saya ia kena menjadi jawapan di peringkat Dasar, *which is a policy decision* oleh kerajaan. Saya memahami tentang isu masa yang disebut oleh Yang Berhormat. Jadi, saya harap kalau kerajaan dapat membuat keputusan, akan saya beri

maklumat kepada mereka yang terlibat dalam perkara ini. Saya memahami isu dan saya berasa cukup ihsan tentang isu mereka yang disebut oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang, saya sebut tadi tentang isu jurisprudens. Saya hendak bagi jawapan, mungkin saya beri jawapan secara bertulis berkenaan dengan negara India dan juga negara Malaysia.

Kesimpulannya, bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Kami dipihak kerajaan mengambil maklum akan segala cadangan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebarang isu yang tidak sempat saya bantah, saya akan menjawab secara bertulis. Sekian itu, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

#### **Fasal-fasal 2 dan 3 (Pindaan) -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

#### **5.03 ptg.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya telah pun mengemukakan beberapa pindaan seperti mana yang tertera di dalam surat saya bertarikh 27 November 2017 yang telah pun saya percaya diserahkan kepada semua pihak di Dewan yang mulia ini. Di dalam surat saya tersebut, saya telah pun mencadangkan beberapa pindaan kepada seksyen 2, rang undang-undang ini dan juga kepada keseluruhan seksyen 2 dan juga seksyen 32.

Saya bermula dengan seksyen 2, Tuan Pengerusi. Pada asalnya ianya berbunyi, saya *quote* dalam bahasa asal di dalam rang undang-undang tersebut iaitu bahasa Inggeris. *Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence againsts this act and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than fifteen strokes.*

Saya telah pun mengemukakan cadangan-cadangan yang berikut. Pertamanya memasukkan perkataan-perkataan *“or for a term which shall not be less than five years”* selepas perkataan *“life”* dan sebelum perkataan *“and”* dan menggantikan perkataan *“fifteen”* dengan perkataan *“ten”* supaya seksyen 2, rang undang-undang tersebut berbunyi, saya quote, *“ Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence againts this act and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than ten strokes”*.

Berkenaan dengan seksyen 2, rang undang-undang tersebut, saya membacakan seksyen yang asal tersebut mengikut rang undang-undang. Saya quote, minta maaf (2A). *“In exercising the power conferred by subsection (2), the court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than fifteen strokes, may have regard only to the following circumstances:*

- (a) *there was no evidence of buying and selling of a dangerous drugs at the time when the person convicted was arrested;*
- (b) *there was no involvement of agent provocateur, or*
- (c) *the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drugs; and saya percaya mengikut pindaan dalam Jawatankuasa yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, telah pun, ataupun dicadangkan dipindah supaya the words “the public procecutor certifies in writing to the court that in this determination” dibatalkan dan digantikan dengan perkataan “that” untuk berbunyi “that the person convicted has assisted an enforcement agency in distruping drug trafficking activities within or outside Malaysia”.*

Cadangan-cadangan pindaan saya, Tuan Pengerusi, adalah tiga.

- (a) Mengeluarkan perkataan *“only”* dan memasukkan perkataan-perkataan *“or for a term wich shall not be less than five years”* selepas perkataan *“life”* dan sebelum perkataan *“and”* dan menggantikan perkataan *“fifteen”* dengan perkataan *“ten”* daripada frasa *“In exercising the power conferred by subsection (2), the Court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than fifteen strokes, may have regard only to the following circumstances”* supaya frasa tersebut Tuan Pengerusi, berbunyi *“In exercising the power conferred by subsection (2), the Court in imposing the sentence of imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years and whipping of not less than ten strokes, may have regard to the following circumstances”*.

- (b) Tuan Pengerusi, untuk memasukkan perkataan “or” selepas perenggan (a), supaya perenggan (a) tersebut berbunyi, “(a) *there was no evidence of buying and selling of dangerous drugs at the time when the person convicted was arrested; or*” dan
- (c) Tuan Pengerusi, untuk menggantikan perkataan “and” dengan perkataan “or” di perenggan (c), supaya perenggan (c) tersebut berbunyi, “(c) *the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drugs; or*”

Saya juga telah pun mencadangkan untuk membatalkan seksyen (2B), rang undang-undang tersebut dan saya percaya ini telah pun diterima oleh pihak kerajaan di dalam pindaan Jawatankuasa tersebut.

Keempatnya Tuan Pengerusi, adalah pindaan terhadap seksyen 3(2), rang undang-undang tersebut. *Now*, subseksyen tersebut pada asalnya berbunyi seperti berikut, saya quote, “*Any proceedings against any person who has been charged, whether or not trial has commenced or has been completed, and has not been convicted under section 39B of the Principal Act by a competent court before the appointed date, shall on the appointed date be dealt with by the competent court and be continued under the provisions of the Principal Act as amended by this Act*”.

■1710

Cadangan-cadangan pindaan saya Tuan Pengerusi, adalah:

- (a) untuk mengeluarkan perkataan-perkataan “*and has not been convicted under section 39B of the principle Act by a competent Court before the appointed date,*” supaya seksyen 3(2) RUU tersebut berbunyi, “(2) *Any proceedings against any person who has been charged, whether or not trial has commenced or has been completed, shall on the appointed date be dealt with by the competent Court and be continued under the provisions of the principle Act as amended by this Act.*”

Tuan Pengerusi, saya juga telah pun mengemukakan dua subseksyen ataupun cadangkan dua subseksyen tambahan dimasukkan selepas seksyen 3(2) RUU tersebut seperti berikut. Saya quote cadangan saya tersebut iaitu subseksyen (3) yang baru, seksyen 3(3) yang baru.

Saya quote, “(3) *Any person who has been convicted of an offence under section 39B of the principle Act which conviction is finally affirmed by the Federal Court may within one (1) month from the date of such affirmation by the Federal Court or from the appointed date, whichever is later, or within any other period allowed by the High Court, apply to the High Court to review the death sentence imposed on such convicted person and the High Court shall deal which such application under the provisions of principle Act as amended by this Act.*”

Subseksyen 3(4), "*Any person acquitted of an offence under section 39B of the principle Act which acquittal is subsequently reverse by the Federal Court and substituted with the conviction may within one (1) month from the date of such reversal by the Federal Court or from the appointed date, whichever is later, or within any other period allowed by the High Court apply to the High Court to review the death sentence imposed on such convicted person and the High Court shall deal with such application under the provisions of the principle act as amended by this act.*"

Tuan Pengerusi, cadangan-cadangan saya adalah beberapa tujuan di belakang cadangan-cadangan saya tersebut. Pertama sekali, seperti mana yang dinyatakan di bawah tajuk huraian di bawah surat saya tersebut, cadangan-cadangan pindaan kepada seksyen 2 rang undang-undang tersebut di atas adalah bertujuan untuk memberi budi bicara kepada mahkamah untuk mengenakan hukuman penjara kurang daripada hukuman penjara seumur hidup terhadap seorang yang disabit mengikut fakta-fakta dan keadaan-keadaan kes.

Tuan Pengerusi kami telah pun membahaskan bahawa ini satu perkara yang penting untuk diambil kira. Oleh sebab *every case is different on its facts and circumstances. The court must be given the discretion to decide on those facts and circumstances.* Itu adalah satu fungsi mahkamah yang utama yang tidak seharusnya diambil alih oleh mana-mana pihak termasuk pihak eksekutif.

Keduanya Tuan Pengerusi adalah cadangan-cadangan pindaan kepada seksyen 2A rang undang-undang tersebut di atas adalah bertujuan untuk menjadikan ianya tidak mandatori untuk mahkamah menerima satu sijil atau pengakuan daripada pendakwa raya. Ini saya percaya telah pun diatasi oleh pindaan dalam jawatankuasa oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya perlu menyatakan di sini bahawa pindaan kepada seksyen 2A rang undang-undang yang saya telah pun cadangkan tersebut masih perlu dibentangkan dan di bahas supaya dijadikan undang-undang. Oleh sebab masih walaupun kita ambil pindaan-pindaan kerajaan, kita ambil pindaan-pindaan tersebut ianya masih tidak memberi budi bicara kepada mahkamah.

Walaupun sijil tersebut oleh pendakwa raya tidak diperlukan lagi, mahkamah mesti menerima, mendapati bahawa, *that the person convicted has assistance and enforcement agency industry disrupting drug trafficking activities within outside Malaysia.* Itu perlu didapati oleh mahkamah sebelum mahkamah boleh melaksanakan budi bicaranya. Ini saya kata masih mengikat tangan mahkamah dan tidak memberi budi bicara yang diperlukan. Saya katakan bahawa tujuan sebalik cadangan pindaan ini adalah untuk memberi ataupun mengembalikan fungsi mahkamah tersebut dan supaya ianya tidak bertentangan dengan prinsip pengasingan kuasa ataupun *separation of powers.*

Ketiganya, Tuan Pengerusi cadangan-cadangan pindaan kepada seksyen 2B rang undang-undang tersebut di atas adalah untuk menjadikan keputusan pendakwa raya untuk tidak mengeluarkan sijil atau pengakuan di bawah seksyen 2A(d) tersebut tertakluk kepada semakan penghakiman. Saya percaya ini juga telah pun dibatalkan oleh pindaan dalam jawatankuasa oleh pihak kerajaan dalam memotong seksyen 39B, seksyen 2B tersebut.

Keempatnya Tuan Pengerusi adalah cadangan-cadangan pindaan kepada seksyen 3 subseksyen (2) rang undang-undang tersebut di atas dan dua seksyen tambahan selepas seksyen 3(2) tersebut adalah bertujuan untuk menjadikan pindaan-pindaan di bawah rang undang-undang tersebut bersifat retrospektif selaras dengan prinsip kesamarataan di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu *equality before the law*.

Saya ingin menambah sedikit di sini Tuan Pengerusi untuk menyatakan bahawa sifat retrospektif tersebut adalah perlu diberi keutamaan atau diberi keutamaan ataupun diberi penekanan oleh kerajaan oleh kerana ianya adalah perlu, oleh kerana mereka yang telah disabitkan tidak sepatutnya dinafikan ataupun dikecualikan. Satu peluang untuk memberi keterangan bahawa mereka juga boleh memberi bantuan kepada satu *enforcement agency* dan menikmati *benefits* daripada pindaan yang dicadangkan di sini.

Dengan itu Tuan Pengerusi itu adalah cadangan-cadangan pindaan saya. Saya pohon untuk mencadangkan pindaan-pindaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Padang Serai.

**5.17 ptg.**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya menyokong sepenuhnya cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor kesemua pindaan yang dicadangkan. Secara spesifik ingin saya merujuk kepada pindaan kepada fasal 2A antara (c) dan (d) di mana pindaan yang dicadangkan adalah perkataan “or” dimasukkan, digantikan “and” dengan perkataan “or” selepas perkataan *the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drug; and*” jika pindaan dibenarkan “or that the person convicted has assisted an enforcement agency...”

Pindaan ini amat penting Tuan Pengerusi sebab jika perkataan “and” digunakan bermakna kesemua *exceptions* adalah berkaitan dengan sama ada orang yang disabitkan itu telah memberi, telah *assisted an enforcement agency*, telah memberi bantuan kepada suatu agensi *enforcement*. Bermakna kecuali keperluan itu dipenuhi maka *exceptions* ataupun budi bicara untuk memberi suatu hukuman selain daripada hukuman mati tidak menjadi *operative*.

Ini tidak adil sama sekali Tuan Pengerusi kerana ia bermakna kerana kita tahu apa yang menjadi masalah utama kita lihat dengan hukuman mandatori ini yang kita selalu lihat yang selalu di bawa adalah kerana ramai keldai ataupun *mule* dan *courier* yang dikenakan hukuman mati manakala *drug kingpins* semua terus jika sepuluh *courier*, seratus *courier* pun digantung ia akan mencari *courier* lain dan dia sendiri tidak ditangkap, *drug kingpin*.

Oleh sebab itu kita rasa bahawa hukuman mati itu perlu di *alleviate* ataupun hukuman mandatori itu perlu ‘*done win-win*’. Akan tetapi kalau ini caranya bermakna ia meletakkan satu, ia mengambil nilai daripada seorang kehidupan manusia, *it takes away the value of life* kerana ia menjadi *utilitarian* hanya jika orang yang kena sabit itu boleh memberi bantuan

kepada *enforcement agency* maka mendapat melepaskan diri daripada hukuman mati. Maknanya ia adalah satu *approach utilitarian* yang tidak mengambil kira bahawa setiap hidup itu mempunyai nilai.

■1720

Bermakna, kalau dibuktikan pun bahawa tertuduh itu adalah seorang *mule, courier* sahaja. Akan tetapi masih beliau akan dihukum mati jika beliau tidak mempunyai apa-apa maklumat untuk diberi kepada pihak berkuasa. Mana keadilan di sana. Jadi, saya harap pindaan yang diberikan hanya perlu tukar perkataan '*and*' kepada perkataan '*or*'.

Satu lagi adalah mengenai isu retrospektif dalam fasal 3. Ini juga amat penting kerana saya mendengar tadi hujahan dan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa perdebatan mengenai bacaan kedua. Saya memang menunggu sehingga pindaan ini dibentangkan untuk membuat poin ini iaitu bahawa terdapat 800 lebih mungkin orang yang telah pun disabitkan yang menunggu di sana. Saya sendiri sedang berjumpa dan mempunyai klien dan juga orang-orang yang berada dalam *death row* yang selepas habis *appeal* telah menghubungi saya. Saya juga telah berjumpa dengan mereka.

Kebanyakan mereka sedang dengan izin, *pin their hopes* atas pindaan ini. Ini kerana ia telah diuar-uarkan dalam berita sejak setahun lebih. Ada yang menunjukkan saya *paper cutting* menunjukkan bahawa pindaan ini akan dibawa bahawa *mandatory death penalty* akan dimansuhkan bahawa mereka mempunyai harapan untuk melepaskan diri daripada tali gantung dan kebanyakan, kesemualah yang saya jumpa adalah *mule* yang daripada *background* yang amat sedih dan amat miskin.

Malah mereka menunjukkan saya *paper cutting* menunjukkan muka Yang Berhormat Menteri dan menunjukkan kepada saya, ini Menteri kata. Ini Menteri kata, dia akan menyelamatkan kita daripada masalah ini. Dia akan membawa pindaan ini. Kita harap kita ada harapan untuk melepaskan diri balik kepada pangkuan keluarga dan sebagainya.

Banyak cerita sedih yang saya dengar, Tuan Pengerusi. Seperti saya kata mereka bukan *drug traffickers* ala Pablo Escobar. Ini orang miskin yang tertipu dan sebagainya. Mungkin ada juga yang tidak bersalah. Kita tidak tahu. Jadi, sebab itu saya rasa pindaan-pindaan ini amat perlu...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Padang Serai kepada penggulungan peringkat dasar tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa berkaitan dengan isu moratorium dan telah pun dijawab bahawa perkara ini akan dibawa kepada Kabinet. Adakah Yang Berhormat Padang Serai bersetuju oleh sebab terdapat indikasi yang agak positif untuk dibawa ke Kabinet. Kita tahu bahawa fobia mengalami untuk menunggu hukuman gantung ini dan dalam pada masa yang sama kita juga mengambil kira pindaan

yang telah pun dicadangkan bertujuan untuk meniadakan hukuman mati sebagai hukuman mandatori.

Adakah Yang Berhormat setuju, oleh sebab sudah ada indikasi yang positif ataupun petunjuk yang positif. Untuk pindaan ini kita benarkan khususnya berkaitan dengan pindaan seksyen 3(2) ini agar mereka yang sebelum ini dijatuhkan hukuman tidak dikenakan hukuman gantung mandatori. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil. Tuan Pengerusi, hidup orang yang berada dalam *death row* itu adalah seolah-olah *a living dead*. *A living dead* yang tidak boleh dibayangkan. Saya tahu bahawa tindakan yang serius perlu diambil untuk membanteras masalah dadah ini. Akan tetapi, pada masa yang sama soalnya kita juga jangan lupa, tadi saya dengar dengan teliti apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa terdapat 30 juta rakyat Malaysia yang kita perlu memberi perlindungan daripada ancaman dadah.

Kita semua bersetuju dengan itu. Akan tetapi apa yang saya kata adalah pada masa yang sama kita sebagai sebuah negara demokrasi yang mempunyai hak asasi ditulis di dalam Perlembagaan kita. Jangan pula kita *sacrifice* ataupun lupakan *fair trial process* dan hak asasi setiap orang yang tertuduh. Walaupun mereka tertuduh dengan satu jenayah yang amat berat tetapi mereka masih ada hak di bawah Perlembagaan kita.

Itu yang akan menjadikan kita sebuah negara yang dihormati di kalangan dunia. Ini kerana kita memberi *protection* itu ataupun perlindungan itu bukan sahaja kepada rakyat biasa tetapi kepada sesiapa. Seseorang yang dituduh untuk satu kesalahan yang serius tidak hilang begitu sahaja kesemua hak-hak di bawah Perlembagaan. Ini kerana Perlembagaan adalah begitu penting.

Tuan Pengerusi, jadi atas hujahan-hujahan ini, alasan-alasan ini saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil kira dan mungkin bersetuju pada satu dua, bersetuju kepada pindaan-pindaan yang telah dinyatakan di sini dan saya harap juga Ahli-ahli Dewan dapat memberi sokongan penuh kepada pindaan-pindaan ini. Saya rasa di dalam isu ini kita semua di dalam satu sependapat. Kita semua mahu membanteras dadah dan kita semua tidak mahu melihat pula *injustice* berlaku kepada sesiapa termasuk tertuduh. Ini adalah *balance* yang terbaik untuk pindaan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Terima kasih. Saya menyokong. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**5.26 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:**Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hadkan kepada 10 minit Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Jawatankuasa, tidak payahlah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak. Jawatankuasa lagi kurang daripada dasar Yang Berhormat. *[Ketawa]*



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* 10 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dasar 10 minit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey tidak apa. Ini dua minit kacau sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 10 minit. Tengah *adjust*. Sekejap dia akan keluar nanti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *10 minutes* daripada jam bermula keluar. Jam tidak keluar lagi. Sudah keluar dah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah keluar dah. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu 9.40 sudah. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi kena kacau. Okeylah, tidak apa. Tuan Pengerusi, saya juga berdiri bagi menyokong pindaan yang dicadangkan oleh rakan saya daripada Bukit Gelugor. Bagi saya ini satu cadangan pindaan yang amat baik dan saya tidak ada masalah untuk menyokong dan saya menyokong ini kerana ia adalah satu perkara yang amat serius dan juga besar iaitu apabila kita ingin —ialah *sort of* memamatkan orang. Macam membunuh orang juga sebab kita bercakap tentang isu soal *capital punishment*.

Tuan Pengerusi, saya lebih hendak memfokuskan pada pindaan kepada yang (2A) itu iaitu berkaitan dengan perkataan “*only*” dan perkataan yang dipinda itu “*and*” kepada “*or*”. Tuan Pengerusi dalam undang-undang ini dia ada beberapa kaedah interpretasi. Macam-macam namalah dipanggil *literal rule*, *mischief rule*, *golden rule*, *purposive* dan macam-macam lah. Saya masih ingat dalam undang-undang ini ada masa perkataan “*or*” itu boleh ditafsirkan sebagai “*and*”. Walaupun “*or*” tetapi kita baca sebagai “*and*”. Hakim diberi budi bicara untuk mentafsirkan begitu dan tidak salah di segi undang-undang. Akan tetapi, saya tidak pernah lagi hakim mentafsir perkataan “*and*” kepada “*or*”. Kalau “*or*” kepada “*and*” saya pernah dengar tetapi “*and*” kepada “*or*” saya tidak pernah dengar lagi.

Jadi, saya rasa apabila pihak Yang Berhormat Bukit Gelugor meletakkan perkataan “*or*” diganti perkataan “*and*”, bagi saya ini adalah satu cara yang baik untuk kita mengekalkan budi bicara hakim. Selepas itu, kalau bagaimana hakim hendak tafsirkan kita serah kepada dia lah. Oleh sebab kita harus meletakkan kepercayaan penuh kepada pihak hakim untuk mentafsirkan mana-mana peruntukan dalam undang-undang ini. Oleh sebab hakim ini bila dia tafsirkan dia mengambil kira banyak faktor. Seolah-olah hakim ini memang dia tidak boleh buat keputusan dalam keadaan marah, dalam keadaan dia dendam, dalam keadaan dia tidak suka orang itu. Walaupun dia benci sekali dengan tertuduh sekalipun dia terpaksa ketepikan emosi dia. Oleh sebab itu kita kena percaya pada hakim ini yang untuk dia inilah.

Akan tetapi hakim yang inilah. Kalau hakim yang memang hakim yang daripada awal lagi lantik pun tidak betul itu satu hal lah. Jangan kita, ini masalah BN bila kita cakap hakim dia kata tengok. Kami lantik hakim okey lah. Maksudnya pelantikan itu kena betul lah. Kalau pelantikan pun tidak betul itu sudah isu lain lah ya. Jangan campurkan. *Please* lah masalah dengan BN ini hendak cakap dia tidak faham. Akan tetapi, dia hendak cakap juga.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Cakap by point* lah petang-petang ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ketiga, yang seterusnya saya hendak berkaitan dengan pindaan kepada seksyen 32 tentang isu retrospektif ini. Tadi saya rasa rakan saya Yang Berhormat Puchong telah beri satu alasan yang paling baik dan alasan ini lah yang sering digunakan oleh keputusan hakim itu berkaitan dengan apa yang dipanggil pindaan yang—

■1730

Kalau kita kekalkan peruntukan yang asal, di mana kita tidak memberikan faedah kepada pindaan yang dibuat ini ke atas mereka yang masih lagi – yang telah pun diputuskan bersalah dan hendak digantung. Jadi kerana ia tidak boleh ke belakang. Ini – tadi saya rasa dalam menentukan diskriminasi ini, biasanya mahkamah akan melihat adakah orang itu tergolong dalam dipanggil kelas yang sama? *The same class*. Jadi dalam kes ini bagi saya tidak dapat dinafikan ini melibatkan kelas yang sama iaitu orang yang sebelum ini dipenjarakan dengan orang yang sedang dipenjarakan dan tengah keputusan ini mereka adalah orang-orang yang terlibat dengan kes dadah. Jadi macam mana orang yang seorang dapat manfaat, seorang lagi tidak dapat manfaat?

Kalau sebelum ini katakan seorang dipanggil keldai, *muleya*. Keldai ya, dia dapat manfaat sebab dia masih lagi kes pending untuk keputusan, dia dapat manfaat. Tiba-tiba orang yang sebelum ini yang *mule* juga, yang keldai juga tiba-tiba dia dikenakan hukuman mati. Bukankah ini satu kezaliman yang paling nyata?

Jadi saya rasa kalau pindaan ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak diluluskan, kita akan— kita kata orang *open the floodgate* untuk kes-kes *review* dibuat. Saya percaya selepas ini wajib ada satu semakan daripada peguam-peguam yang mengendalikan kes yang lama ini dan akan melambatkan kes-kes di mahkamah. Akan tetapi kalau kita benarkan pindaan ini, sekali gus kita akan kurangkan atau kita halangkan lambakan ini dibuat di mahkamah. Sebenarnya pihak hakim pun saya percaya mereka pun kalau boleh hendak supaya mereka juga tidak galakkan. Mereka pun memang tidak suka hukum bunuh ini.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh bagi, ada lagi masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kalau tidak bagi susah, dekat-dekat duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih. Tidak sempat hendak bisik dengan dia tadi. Baik, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Pindaan ini apabila kita mengatakan bahawa kategori ataupun kelas yang sebegini, ia tidak lagi sepatutnya ataupun *it would be unjust*, tidak adil kalau mereka dikenakan

*mandatory death sentence*. Makna kita mengakulah bahawa kategori-kategori yang seperti ini kita boleh serah kepada hakim dan untuk hakim hendak lepaskan mereka daripada *mandatory death sentence*. Itulah yang lebih adil berbanding daripada sebelum itu.

*So, in the search of justice*, yang mana kita katakan bahawa piagam mahkamah dan piagam para hakim adalah untuk mencari keadilan. Maka sepatutnya kes itu ataupun kesedaran baru itu di mana kita kata ia tidak adil, orang-orang seperti itu dikenakan *mandatory death sentence*, sepatutnya ianya perlu dilaksanakan terhadap mereka yang telah ditahan sebelum ini ataupun yang telah didapati bersalah sebelum ini. *So*, bererti bahawa kalau kita tidak lakukannya *we are* dengan izin, *knowingly maintaining and defending an unjust judgement*. Apa pandangan saudara Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Shah Alam. Ini menunjukkan walaupun Yang Berhormat Shah Alam ini tidak ada latar belakang undang-undang, tetapi memahami dengan baik. Oleh sebab itu hendak jadi baik, kena masuk Pakatan Harapan. Masuk BN memang jadi tidak baik, minta maaf. Tengok ini contoh, contoh. Contoh walaupun dia bukan *lawyer*, dia baik, faham. Kalau yang di sana itu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang *lawyer* pun tidak faham. Macam Yang Berhormat Setiu, bukan faham sangat itu.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Shah Alam kena belanja minum ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa Yang Berhormat Shah Alam cakap tidak faham. Apa benda dia cakap itu mengarut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relaks la Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Saya hendak cadangkan Yang Berhormat Shah Alam jadi Presiden Parti, bukan Mat Sabu, baru betul. Okey, itu baru hebat. Yang Berhormat Shah Alam jadi Presiden Parti lagi hebat, ini Mat Sabu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah. Tunggu, tunggu pemilihan. Kita bukan macam stail UMNO, belum lantik sudah dapat 10 undi. Apa punya sistemlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada rang undang-undang Yang Berhormat. [*Dewan riu*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Jadi, saya merasakan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Tadi pun dibaca oleh satu *maxim* daripada Yang Berhormat Pengerang. Dia baca satu *maxim* dalam bahasa Latin yang bermaksud "*Hendaklah kamu tegakkan keadilan walaupun mungkin langit jatuh*". Itu satu *maxim* yang memang kalau di Amerika *maxim* itu diletakkan di mahkamah. Sampai satu ada sekali saya pernah tengok satu – ada seorang dia bukan kelulusan undang-undang, dia nampak satu *maxim* itu, dia kata dia ingat itu dilarang merokok. Rupa-rupanya *maxim* berkaitan dengan keadilan. Dia ingat itu adalah bermaksud

dilarang merokok. Jadi itu satu *maxim* yang penting. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang yang telah baca *maxim* itu.

Saya memang setuju dengan *maxim* itu tetapi saya hendak kata bahawa kita mesti terjemahkan *maxim* itu dalam undang-undang ini. Tidak guna kita baca *maxim* jadi macam burung kakak tua. Kita baca tetapi kita buat undang-undang, kita pula langgar *maxim* itu. Jadi ini saya rasa minta, Yang Berhormat Pengerang jangan jadi burung kakak tualah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

**5.36 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang tidak bersetuju dengan pindaan ini kerana kalau hendak ditukar hukuman daripada 15 tahun kepada *shall not be less than five years*. Seolah-olah macam kita hendak pergi kepada satu seksyen lain, seksyen lain itu 39A(1) dan juga (2) yang dalam Akta Dadah ini. Jadi kita hendak ubah yang kita peruntukkan sekarang hendak ubah kepada satu, seksyen yang lebih rendah. Jadi kalau kita bagi hukuman yang rendah. Oleh sebab kita tidak dapat hendak pastikan siapa sebenarnya yang dikatakan keldai dan sebagainya yang hanya bawa sahaja-sahaja itu. Ini kerana kalau hukuman lebih rendah akan ada lebih ramai lagi keldai-keldai ini, akan wujud dan timbul kerana mereka yang betul-betul yang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Duduk sekejaplah, Yang Berhormat Shah Alam ini dia tidak ini lagi.

Jadi yang lebih ramai lagi akan wujud kerana apa, kerana yang betul-betul pengedar ini, dia tahu ini hukuman rendah ini. Jadi kita gunakan orang sekian-sekian. Kita beri dia upah dan senang. Jadi dia orang pun kata tidak apa, awak duduk lima tahun sahaja dalam penjara. Tolak setahun setengah, tinggal tiga tahun setengah, itu sahaja. Jadi di luar, keluarga kamu kita jaga. Itu yang biasanya berlaku dan tangkapan juga kadang-kadang dibuat di tempat pemeriksaan kastam dalam *airport* dan sebagainya. Mereka ini sebenarnya belum keluar pun daripada ini sudah ditangkap. Jadi kita tidak pasti mereka itu sebenarnya keldai ataupun tidak. Jadi susah kita hendak tentukan sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi saya bagi cadangan pihak penguat kuasa kalau boleh biarkan mereka lepas dulu tempat yang pemeriksaan itu, tengok apa kelakuan dia, kelakuan yang sebenarnya. Sama ada, ada orang yang akan menyambut apa yang dia bawa ataupun kita lihat dari segi kelakuannya. Kita *follow* dan sebagainya. Jadi inilah sebenarnya apa yang saya hendak beritahu bahawa kalau kita ubah kepada hukuman yang lebih rendah, maka inilah yang akan timbul. Dari segi yang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam, tidak sempat Yang Berhormat Shah Alam. Kalau nanti – Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam boleh tunggu saya habiskan yang akhir ini. Tentang pindaan 4, hendak *di-review* ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam, Kapar Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sabar, sabar dulu Yang Berhormat Kapar. Nanti saya bagi kalau ada lagi *balance*, saya bagi. Oleh sebab kalau tidak saya tak boleh hendak sampaikan apa yang saya cuba hendak beritahu. Okey, sekarang ini kalau dari segi *review* ataupun kesan ke belakang tadi, ia kalau kita lihat sebenarnya, kalau kita hendak buat *review* di mahkamah, seperti yang dicadangkan.

Ke mana sebenarnya tidak logik sebab katalah Hakim 'A' yang buat keputusan, hukuman mati sekarang dan *review* pergi kepada siapa? Siapa yang hendak batalkan hukuman yang pertama? Ini masalah yang berlaku kalau ada *review*. Jadi kita kena faham. Jadi kadang ramai tidak faham benda-benda macam inilah ya, proses itu. Dia hendak sampai kadang hukuman yang dibuat oleh Hakim 'A' kalau *review* mungkin pergi kepada Hakim 'B'. Takkan Hakim 'B' hendak batalkan kepada Hakim 'A'?

#### ■1740

Jelas di dalam peruntukan kita. Tidak dinyatakan sebenarnya kalau kita lihat yang peruntukan asal dia–

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan, saya mahu bantu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sabar. Nanti saya beritahu. Kalau ada masa nanti saya beritahu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, berkenaan dengan *review*.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sabar sabar. Tidak apa. Ini pun masih lagi mengenai *review*. Okey.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jangan takutlah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bukan takut. Belum sampai masa lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Oleh sebab kita ini sebagai Ahli Parlimen, adalah *law maker* dan kita sediakan undang-undang, kita buat undang-undang. Sekarang ini di dalam peralihan kita lihat, tengok kalau peruntukan 32, tidak dinyatakan pun tentang sama ada akan pergi kepada – apabila pergi ke mahkamah rayuan, tidak terpakai kah atau sebagainya. Oleh sebab kalau kita rujuk balik kepada seksyen (2A), jelas di dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (2), "*the court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping may have regard only to the following circumstances.*" Bermakna *the court*, apabila dia sebut *the court* ini, tidak hanya tertakluk kepada *High Court* sahaja. Ia boleh juga pergi kepada mahkamah yang lebih atas.

Jadi, untuk interpretasi undang-undang ini, kita serahkan kepada mahkamah. Pihak-pihak peguam boleh berhujah. Saya rasa saya buka jalan kepada pihak-pihak peguam untuk berhujah mengatakan bahawa seksyen 32 ini, hanya setakat menentukan yang ada tapi tidak menyebut makna ada *lacuna* di situ, tidak menyebut pun tentang sama ada terpakai ataupun tidak di Mahkamah Rayuan. Cuma pada *explanation* sahaja. Daripada huraian, sebenarnya huraian ini hanya disebut untuk tujuan menjelaskan. Akan tetapi apabila di mahkamah, huraian ini tidak terpakai. Cuma yang terpakai hanyalah undang-undang yang dibuat. Tidak ada huraian di mahkamah nanti apabila akta ini diluluskan. Saya rasa itu sahaja ada? Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habis sudah Yang Berhormat?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak. Balik kepada— saya bagi jalan kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, okey. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Setiu. Saya sebenarnya bangun tadi hendak dapatkan penjelasan sebab saya tidak faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu. Dia kata apabila kita tidak boleh tentukan dengan pasti tentang soal keldai ini sama ada dia keldai kah dia bukan keldai kah, betul-betul dia keldai kah tak keldai kah, maka oleh sebab itu kita jangan turunkan hukuman.

Saya rasa itu agak bercanggah sedikit dengan falsafahnya. Hal ini kerana bila kita sendiri sudah mengaku *we are not sure*. Kita sendiri mengaku *we are not sure*. So, kalau kita tidak *sure*, kita tidak boleh tetapkan dengan pasti, maka itulah sebabnya kenapa kita hendak kurangkan dan kita hendak serahkan kepada mahkamah, hakim atas *discretion* dia, hujah-hujah yang dikemukakan untuk ditentukan satu hukuman yang seadil yang mungkin. Oleh sebab kita tidak boleh tentukan dengan nyata dan pasti dia bukan keldai semata-mata.

**Seorang Ahli:** Ada keraguan munasabah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada keraguan munasabah. *Reasonable doubt*. Takkanlah kita hendak kenakan hukuman yang tinggi dan berat? Saya rasa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Janganlah bagi hujah keldai.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa, saya keliru sedikit. Saya tidak faham. Nampak gaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey. Saya rasa...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Keldai bercakap kah tu?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa agak bercanggah, agak bercanggah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mentang-mentanglah dipuji oleh Yang Berhormat Sepang yang tidak betul ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Agak-agak. Sabarlah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mentang-mentanglah dipuji, lepas itu cakap kita yang tidak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Setiu sendiri kata.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam ini yang tidak faham sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan sekarang?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Setiu sendiri yang kata.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskanlah, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tidak boleh tentukan dengan pasti. Yang Berhormat Setiu sendiri yang cakap. Oleh sebab tidak boleh tentukan dengan pasti, maka kita jangan kurangkan. Mana boleh macam itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, boleh habiskan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, habiskan lah yang berhujah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis? Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Setiu? Baik, ya terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Dia hendak buat penutup.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Belum lagi? Okey. Bila mahu habis ni?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, *what is happening now?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, *I don't know what's happening?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu nak habiskan? Sudah habiskan, Yang Berhormat Setiu. Boleh habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Setiu, *follow?*

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, kalau macam itu saya boleh – Saya, walaupun ada satu minit lagi, tapi saya tidak menyokong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa bagi satu minit itu dekat orang lain.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...dengan pindaan ini dan saya akan undi tidak menyokong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sekarang mahu apa Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong, selepas itu Yang Berhormat Kapar selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.45 ptg.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong cadangan-cadangan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya ingin bangkit dengan memberikan bermula dengan memberikan contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Setiu tadi. Kalau kita lihat kepada tujuan asal undang-undang ini, nampaknya ia satu undang-undang untuk memberikan ruang kepada kes-kes di mana kita lihat ada orang yang diguna pakai oleh pihak ketiga di mana mereka ini membawa di dalam beg mereka misal kata bahan yang lepas itu didapati sebagai dadah berbahaya. Ini kebiasaannya dikenali sebagai *drug mule* dalam bahasa Inggeris.

Jadi, apa yang kita akan dapat sebagai faktanya, kita akan lihat seorang itu akan ditahan mungkin dia ini seorang ibu tunggal dan dia akan beritahu bahawa dia membawa beg itu daripada satu tempat ke tempat yang lain. Oleh sebab diminta oleh seseorang dan apabila diminta oleh seseorang itu, beliau membawa tanpa mengetahui kandungannya dan beliau dibayar untuk membawa beg itu ke tempat tertentu. Itulah fakta dia.

Tuan Pengerusi, kalau itulah fakta dia, kalau seseorang itu dipergunakan dan orang itu tidak tahu apa-apa lain berkenaan dengan kes itu melainkan bahawa beliau telah pun diminta supaya bawa satu beg dan dibayar untuk perkara itu, *if these are the facts*, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga Yang Berhormat Menteri juga ada di sini. Kalau kita lihat kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada, cadangan yang sedia ada, di mana ditulis ataupun dicadangkan dalam pindaan yang dibawa oleh kerajaan seperti berikut. Saya bawa perkara ini tadi tetapi tidak dengan mendalam.

*“To be in exercising the power comfort by subsection (2), the court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than 15 strokes may have regard only to the following circumstances;*

- (a) no evidence of buying and selling dangerous drug;*
- (b) no evidence of involvement of agent provocators; and*
- (c) the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering the dangerous drug”*

Itu termasuk di dalam kes ini. Tadi Yang Berhormat Menteri telah pun mengatakan *(a), (b) and (c) are conjunctive. (d) is disjunctive. (d) is the person convicted has assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within or outside Malaysia.* Ini perlu. *So, in other words* perlu ditunjukkan dalam satu kes itu, bahawa *the person convicted has assisted an enforcement agency.* Saya bangun tadi saya apakah *enforcement agency?* Yang Berhormat Menteri jawab, *it is restricted to what is in (2C). Royal Police Force, Anti Drugs Agency, Royal Malaysian Customs Department and Maritim Enforcement Agency and other agencies that the Minister may prescribed.* Soal dia Tuan Pengerusi adalah ini, seorang



wanita bawa beg, dia kata dia tidak tahu apa di dalam dia dan dibayar. *This is the person that we want to help by these amendments.*

Persoalan dia, *how will this person be in a position to satisfy (d) ? How will this person be able to assist an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities? She doesn't know anything. She is the mule.* Apa yang dia tahu saya bawa beg, saya dibayar, saya ada empat anak. Saya perlu bayar. Di dalam keadaan itu *she is not in a position to comply with (d).*

So, apa yang kita ada sekarang kita ada satu undang-undang yang berniat untuk menolong sekumpulan orang yang mana kumpulan orang itu tidak boleh mematuhi prasyarat (d). *So we have an Act of Parliament which is destructive in itself.* Maknanya kita akan hanya memberikan perlindungan kepada orang-orang yang giat dalam kerja-kerja ini. *It's only the trafficker who knows other traffickers who will be saved. But it's not going to be the real drug mule who we all think should not be punished with death.*

■1750

*This law with respect is self-destructive* dan itu menjadi sebab atas mana? Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, di mana disebut di situ bukan perkataan 'and', *it should be 'or'.* Maknanya di dalam keadaan-keadaan di mana (c) terpakai, *"the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drug".*

*That should be one factor in itself.* Kalau kita menunjukkan (c) itu terpakai, *then it should be a case, it should be considered. How can we have, you must assist drug enforcement agency* untuk seorang nenek or seorang yang dibawa *no education, or she know is that she got the children at home, they want food so I just took the bag, I didn't even know and I was given a phone number to contact. When I got there, I got arrested.*

*So, I want to ask,* apabila kerajaan membuat peruntukan ini, *they have set out enforcement agencies. The enforcement agencies a set out. So how do you comply with this?* So, *I am asking* semua Ahli-ahli Parlimen di sini, kalau kita betul-betul hendak tolong kumpulan orang itu *and I ask all of you here, let us look at the facts.* Fakta dia *almost always that lady that says* saya memang tidak tahu *and* siasatan juga mendapati beliau tidak tahu tetapi undang-undang mengatakan *because* dia ini membawa barang itu, itu sudah menjadi kesalahan yang boleh berjumlah kepada satu kes pengedaran.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Tuan Pengerusi? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Puchong, saya tertarik untuk mengambil bahagian dan membuat pencilahan di sini khusus berkaitan dengan *sentencing.* Saya percaya dari segi *jurisprudence of sentencing* dengan izin, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi ialah kalau kita lihat pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor berkaitan dengan *imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years.*

Adakah pindaan ini bermaksud untuk *address* kelompok seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Puchong bahawa mereka ada *actus reus* dan mereka ada *act of doing it* tetapi dia tidak ada *means*, tidak ada niat untuk membuat perkara ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Puchong? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, itu langkah kedua. *So, the first will be for us to ask* sama ada ataupun tidak undang-undang seperti mana yang digubal, ia akan membawa manfaat kepada golongan yang mana kita hendak bawa undang-undang ini untuk tujuan itu, untuk membantu mereka. Kalau kita lihat, kalau *you* baca (a), (b), (c) *conjunctive* dan (d) *disjunctive*, saya rasa itu tidak akan berlaku. Apa yang kita akan lihat mereka-mereka yang benar-benar tidak tahu apa-apa berkenaan dengan kes ini terperangkap itu, mereka itu akan tetap mengalami ataupun melalui hukuman gantung sampai mati.

*That is the reason why, this word must be change. It cannot be 'and' it has to be 'or'.* Di situ kalau memang *it is* ada ruang di mana kita boleh menunjukkan seorang seperti mana disebut di sini, *a person who is convicted transporting, carrying and so fall, then it comes to the second issue.* Kalau beliau hanya setakat *carrying and all that* memang beliau tidak boleh menjadi seorang yang boleh dikatakan *a trafficker* dan dalam keadaan itu, kita kena tengok kepada fakta keadaan kes. Di situ kita tanya apakah hukuman yang berpatutan dan setimpal dengan keadaan-keadaan kes yang sedia ada.

Akan tetapi memandangkan apa yang tersebut di dalam (d) di sini, saya rasa kita tidak akan sampai pun ke tahap itu. *So, that why I keep saying there is a major problem with this act* dan saya hendak minta kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga kepada Menteri di sini, *if you look at section (2A) Tuan Pengerusi, it says this. "In exercising the power conferred by subsection (2), the Court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than fifteen strokes, may have regard only to the following".*

*'May' not 'shall'.* Adakah ini bermaksud bahawa hakim tidak perlu hanya melihat kepada isu-isu ini *because it is not mandatory. So, I want the Minister to response and also* Yang Berhormat Bukit Gelugor *to give me a used only.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat sudah lima orang yang berbahas pada peringkat pindaan ini. Boleh mencelah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kapar.

#### 5.54 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua isu yang pertama sekali, saya menyokong pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor khususnya dengan meminda seksyen 2 dengan membawa masuk perkataan yang berbunyi, *"Any person or who contravenes any of provision subsection (1) shall be guilty of an offence against this act and shall be punished on conviction with death or*

*imprisonment for life or terms will shall not be less than five years and shall is not sentence to death we punish with whipping of not less than ten strokes”.*

Perkataan yang baru dimasukkan adalah *‘for terms we shall not less than be five years’* dengan yang ini dimasukkan. Tadi Yang Berhormat Setiu telah membangkitkan isu dan menggunakan perkataan bahawa ini mengurangkan hukuman. Sebenarnya saya ingin membawa pandangan kepada Dewan yang mulia ini, ini pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor bukan mengurangkan hukuman tetapi membuka satu ruang budi bicara kepada hakim dan mahkamah. Oleh sebab di sini dengan cadangan ini dia ada tiga senario yang berbeza. Satu adalah *death penalty*, satu lagi adalah *imprisonment for life* dan satu lagi sesiapa juga boleh dihukum *less than five years*.

So, ada satu ruangan yang dibuka untuk memartabatkan dan memperkasakan budi bicara mahkamah. Saya rasa apabila kita mengatakan mengurangkan hukuman, ini tidak dalam konsep mengurangkan hukuman. Saya ingin membawa satu contoh apa yang telah berlaku di Parlimen Kapar dengan izin Tuan Pengerusi sebab ini adalah— saya terpanggil dengan adanya cadangan pindaan ini oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor jadi saya rasa saya terpaksa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terpanggil, kadang-kadang terheret.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, terpanggil untuk memberi senario sebenar apa yang telah berlaku di Parlimen Kapar lebih kurang dua bulan yang lepas. Ini berkaitan dengan seorang ibu Jaya Letchumi a/p Vijayan suaminya bernama Kumaresan a/l Arumugan, anak mereka bernama Jayendran dan berumur 18 atau 19 tahun. Apa yang telah berlaku keluarga ini mempunyai masalah dengan lagi beberapa individu yang lain. Beberapa individu yang lain menghadapi masalah dengan keluarga ini.

Individu-individu tersebut telah memanggil polis, telah membuat satu informasi, telah memberi informasi palsu mengatakan gerai nasi lemak yang dibuat oleh ibu ini bersama anak ini ada dadah. Apa yang telah berlaku, polis telah ke kawasan gerai tersebut, telah mengganggu operasi perniagaan, masukkan tangan dalam nasi cari dadah dan sebagainya. Ketika itu ada panggilan yang polis yang datang siasat itu ada terima panggilan, polis itu memberitahu ada informasi yang memberitahu dadah terletak dekat sini. Jadi polis itu pergi cari selepas itu polis itu kata tidak ada, informasi kata tempat lain, polis itu pergi cari tempat lain tidak ada, so situasi macam itu yang kita perlu harungi sekarang.

Hari itu memang tidak ada dijumpai di gerai tersebut. Akan tetapi andai kata ada dadah yang dijumpai memang itu adalah satu cerita yang klasik di mana keluarga itu khususnya anak yang bernama Jayendran, 18 tahun, 19 tahun mungkin terperangkap dalam akta ini. Kalau pindaan Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak diberi makna dalam Dewan yang mulia ini, apa yang akan berlaku budak itu tidak terlibat langsung dalam kegiatan ini mungkin akan kena *death penalty* atau *imprisonment for life*.

So, selain daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong untuk situasi *mule*, satu lagi situasi adalah di mana sekarang banyak insan-insan yang menggunakan polis, memberikan informasi-informasi palsu untuk memerangkap seseorang, sahaja hendak

memerangkap seseorang. So, saya hargai apa Yang Berhormat Menteri telah katakan tadi kononnya kita sedang menjaga 30 juta rakyat di luar. Saya rasa setiap individu yang duduk dekat sini, 222 Ahli Parlimen yang telah dilantik semua ada amanat, tanggungjawab dan kewajipan untuk menjaga masyarakat, 30 juta masyarakat di luar. Akan tetapi pada waktu yang sama kita tidak boleh membenarkan diri kita untuk memerangkap seseorang yang tidak bersalah untuk menjatuhkan hukuman kepada seorang insan yang tidak bersalah.

Jika Dewan yang mulia ini mencipta, mereka, membahas dan meluluskan satu undang-undang dan hasil daripada undang-undang ini seorang insan yang tidak bersalah dijatuhkan hukuman dan dia dihukum tanpa bersalah, kita akan memikul tanggungjawab tersebut. Itulah agenda dan hasrat objektif sebenar Yang Berhormat Bukit Gelugor membawa pindaan ini untuk kita berwaswas supaya tidak timbul situasi yang boleh disalahgunakan oleh masyarakat di luar. Seterusnya Tuan Pengerusi, bahagian kedua adalah berkenaan dengan seksyen, pindaan kepada seksyen (2A).

#### ■1800

Hal ini di mana telah diterangkan secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Puchong sebentar tadi, saya sokong pandangan-pandangan Yang Berhormat Puchong yang menyokong Yang Berhormat Bukit Gelugor. Akan tetapi pada waktu yang sama, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, penerangan Yang Berhormat Puchong lebih menumpukan kepada subseksyen (c).

Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada subseksyen (a) di mana ia mengatakan, "*there was no evidence of buying and selling of a dangerous drug at the time when the person convicted was arrested;*"; terus dia masuk kepada (b) di mana (b) kata, "*there was no involvement of agent provocateur; or*". Sekarang masalahnya adalah di antara (a) dan (b), apa *connectivity*-nya? Apa *link*nya? Subseksyen (a) dan (b), adakah kita baca secara asing? Oleh sebab masalah wujud sebab (b) ada '*or*', (c) ada '*and*'. Andai kata (b) '*or*' itu adalah benar, (c) '*and*' itu adalah benar, apa pula *link* antara (a) dan (b)? Subseksyen (a) dan (b) pun kena ada '*and*' atau '*or*'. So, di situ pun saya tidak nampak ada apa-apa *connectivity* atau *link between* subseksyen (a) dan subseksyen (b).

Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Puchong, (a), (b), (c) dan (d) mempunyai faktor-faktor yang berbeza, perlu dipandang secara satu persatu. Di sini nampak jelas (a) langsung tidak ada *evidence, is talking about evidence of buying and selling*. Subseksyen (b) pula adalah tiada *involvement of agent provocateur*. Apa kena-mengena *buying and selling of dangerous drug* dengan agen *provocateur*? So, mesti dekat sana ada satu kesinambungan. Di sini tidak ada kesinambungan dan tidak ada *connectivity*.

So, saya rasa *with respect to you* Yang Berhormat Menteri, perkataan ada yang tertinggal. So, saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri meneliti benda ini. Ini kerana Tuan Pengerusi, izinkan saya, benda ini ada pentingnya. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan kita undi sahaja, tidak perlu menjawab. Tidak sebegitu Tuan Pengerusi, sebab esok apabila kita hendak interpretasi akta ini dan wujud lakonan-lakonan yang telah kita bangkitkan, mahkamah, peguam dan masyarakat di luar akan rujuk balik kepada hasrat, objektif bagaimana undang-undang ini telah digubal di sini. Kita akan rujuk *Hansard*. Oleh

sebab itu, mempunyai tanggungjawab dan amanah kepada kedua-dua pihak, termasuk pihak Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan setiap isu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah bangkit pun. Kita bahas rang undang-undang ini sejak pukul 12.31 tengah hari tadi Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hargai Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu saya minta untuk bahagian cadangan pindaan ini ada hasrat dan objektif yang telah dibawa ke hadapan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor perlu diberi penekanan, perlu diberi pengkhususan, perlu diperhalusi oleh Yang Berhormat Menteri dan memberi jawapan supaya esok *Hansard* ada jawapan yang kita sedang soalkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ya sila Yang Berhormat Menteri.

### 6.03 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan untuk menetapkan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dengan sebatan tidak kurang daripada 10 kali. Cadangan pindaan ini tidak mencerminkan keseriusan kesalahan pengedaran dadah berbanding dengan pemilikan dadah semata-mata. Kesalahan pengedaran dadah selalunya melibatkan kuantiti dadah yang banyak melebihi apa yang diperuntukkan dalam subseksyen 39A(2).

Oleh itu, peruntukan dalam rang undang-undang pindaan ini adalah hukuman yang paling tepat untuk menghantar mesej yang tegas kepada masyarakat bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan aktiviti pengedaran dadah. Hukuman dalam pindaan ini mencerminkan keseriusan kesalahan pengedaran dadah terhadap masyarakat dan hukuman ini haruslah lebih berat daripada hukuman di bawah subseksyen 39A(2).

Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengeluarkan perkataan '*only*' dalam fasal (2A) dan juga tidak bersetuju dengan pindaan hukuman yang dicadangkan. Kerajaan berpandangan bahawa pengeluaran perkataan '*only*' tersebut akan membuka luas faktor-faktor yang boleh diambil kira oleh mahkamah dalam memutuskan hukuman. Keadaan ini juga akan membawa kepada situasi ketidakseragaman dalam hukuman sebagaimana berlakunya sebelum tahun 1983.

Kerajaan tidak bersetuju dengan penggantian perkataan '*and*' dengan perkataan '*or*' di akhir frasa (2A)(c). Diperhatikan bahawa terletaknya perkataan '*and*' di akhir fasal (2A)(c) bermaksud mahkamah hendaklah mengambil fasal (2A)(d) secara bersama atau *conjunctive* dengan salah satu daripada (2A)(a), (b) atau (c) atau mana-mana kombinasi daripada ketigatiganya. Dalam kata lain, pertimbangan terhadap fasal (2A)(d) adalah wajib dalam setiap kes di mana mahkamah membuat pertimbangan sama ada hendak menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dengan sebatan.

Kedudukan ini adalah selari dengan niat di sebalik rang undang-undang pindaan ini yang ingin memperkasakan agensi penguatkuasaan dalam memerangi pengedaran dadah di

samping memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Diperhatikan di sini bahawa faktor-faktor (a), (b) dan (c) berkaitan dengan kesalahan spesifik yang telah pun dilakukan oleh tertuduh. Hanya faktor (d) yang berkaitan dengan satu kelebihan yang boleh diperolehi agensi penguatkuasaan dalam usaha mengendalakan pengedaran dadah. Oleh itu, faktor (d) harus wajib dipertimbangkan oleh mahkamah jika niat dan semangat di sebalik pindaan ini hendak dizahirkan iaitu memperkasa agensi penguat kuasa dalam memerangi pengedaran dadah dan melindungi kepentingan masyarakat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara. Adakah tidak Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bahawa akan wujudnya kes-kes di mana fakta menunjukkan bahawa seseorang itu memang diperalatkan dan memang tidak dalam kedudukan untuk membantu *enforcement agency in disrupting drug trafficking* seperti mana diperlukan dalam (d). Ada kes-kes sebegini. Sebenarnya golongan inilah menjadi satu daripada mereka yang mana kita sekarang memberi fokus dalam mana kita melonggarkan hukuman daripada hukuman gantung sehingga mati dan hukuman penjara seumur hidup. Itu soalan pertama.

Kedua, sekiranya itu betul, sekiranya memang akan wujud keadaan di mana kita ada keldai atau kita ada *drug mule* yang tidak boleh *comply with* (d), bukankah itu membawa kepada satu masalah dengan undang-undang ini di mana kita tahu di hadapan kita ada seorang yang diperalatkan, seharusnya tidak dikenakan hukuman gantung sehingga mati. Dalam keadaan itu, kita teruskan dan kita minta supaya dia menunjukkan bahawa dia boleh termasuk dalam golongan perenggan (d). Itu soalan asas saya.

Kedua Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada skema dalam undang-undang ini khususnya dalam seksyen (2A) ini, kita boleh lihat (c) menunjukkan dalam keadaan *or it speech to a specific* keadaan, "*involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drug;*". So, tidakkah ada percanggahan di sini? Di dalam kes-kes di mana *the involvement of the person is only restricted to transporting, carrying, sending. That person are not being in position to assist.* So dalam keadaan tersebut, bukankah undang-undang ini bermasalah? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Saya ingin bertanya, kita semua tahu bahawa kebanyakan kes 39B, *most of the cases today under 39B* adalah melibatkan *drug mule*. Itu adalah satu fakta, satu hakikat di mana kebanyakan orang yang ditangkap, *airport cases*, di pelabuhan dan sebagainya, mereka diberi beg, diberi pakej dan sebagainya dan mereka mengambil beg-beg tersebut *as an act of desperation. This are poor people, most of them will be caught by the act.*

Memandangkan keadaan tersebut, memandangkan fakta bahawa kebanyakan kes yang melibatkan 39B adalah terlibat *drug mule* dan sekiranya *drug mule* itu tidak berkebolehan untuk memberi bantuan kepada agensi untuk *to disrupt drug activities*, bukankah sudah tentunya Yang Berhormat Menteri akan bersetuju bukan bahawa pindaan ini tidak akan terpakai, *it became obsolete* kepada kebanyakan kes seksyen 39B kelak. *Isn't that a reality* Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Hendak bagi Yang Berhormat Menteri? Ya.

■1810

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya selepas mendengar semua hujah-hujah ini, saya hendak minta bantuan daripada Yang Berhormat Menteri. Boleh tidak berikan satu keadaan, di mana seseorang itu benar-benar *drug mule* dan dia boleh dapat manfaat daripada pindaan ini? Apabila dia kena memberikan maklumat dan sebagainya yang tidak ada pada dia. So, boleh tidak kita beri satu senario, di mana seorang *drug mule* itu dia ditahan, terbukti dia ini *drug mule*, dia tidak ada jual beli, dia bawa sahaja, selepas itu kita hendak dia beri maklumat. Kalau maklumat ini hanya sekadar, okeylah, siapa, nombor telefon kah, tidak menjejaskan industri *drugs* ini, maka bagaimana dia boleh dapat manfaat daripada pindaan ini?

*Can you give a scenario? At least, we can see* adalah makna pindaan ini. Akan tetapi kalau tidak boleh diguna pakai, semua *drug mule* tidak mampu hendak bantu, *then what is the meaning of the pindaan?* Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya *just* tanya? Saya terlepas pandang tadi. Saya *just* nak tanya, memandangkan terdapat masalah *drug mule* ini yang tidak berkebolehan untuk membantu *disrupt drug activities*, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa masalah ini boleh diatasi dengan menggantikan perkataan "itu" dengan "or"? *That is the simple solution, why is the government not taking that on board?* Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Bukit Gelugor menimbulkan pandangan, saya telah menjawab separuh dalam semasa peringkat Dasar dan ini bacaan kali kedua. Sebenarnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya telah menjawab tetapi saya jawab sekali lagilah. Saya sudah terangkan, sebab itulah Yang Berhormat Shah Alam tanya tentang senario. Itu sebab senario itu disebut senario yang memakai budi bicara mahkamah. Oleh sebab mahkamah akan membuat penentuan kepada setiap kes dalam proses mengenakan sabitan hukuman.

Kita kena tengok dalam pindaan ini, sebagai contohlah saya bagi. Saya rasa ini sahajalah saya jawab kemudian saya pergi kepada poin yang lain. Oleh sebab ini peringkat Jawatankuasa, tadi saya sudah jawab. Saya buat penambahan, contohnya dalam fasal (2A)(d), sebagai contoh. Izinkan saya dalam bahasa Inggeris, *"The person convicted has*

*assisted*". Kerajaan tidak memberi definisi seluasnya kepada makna "*has assisted*". Ia boleh makna dalam apa-apa cara sekalipun. Ini tertakluk kepada agensi penguat kuasa yang mana mahkamah berpuas hati.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebenarnya perkara ini adalah perkara yang, dengan izin, subjektif. Ini jawapan daripada kerajaan. Kemudian perkataan daripada fasal (2A) di atas itu, kita tengok perkataan, "*not less than 15 strokes may have regard only to the following circumstances*". Jadi, di sini tidak diwujudkan perkataan "*shall*", mengatakan "*may*". Bererti bahawa pindaan ini menekankan banyak kepada budi bicara mahkamah dengan fasal-fasal yang diletakkan di dalam senario-senario untuk mengambil kira. Yang Berhormat, saya dengar tadi banyak dalam Jawatankuasa menyatakan bagaimana kalau tidak dapat membantu dan sebagainya. Ianya tertakluk kepada pendakwa raya bersama dengan mahkamah untuk membuat penentuan, Tuan Pengerusi.

Sebenarnya, saya hendak menyatakan perkara ini berkali-kali bahawa pindaan ini menekankan kepada budi bicara mahkamah yang menukar hukuman daripada hukuman *mandatory death* kepada *discretionary*. Silakan Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Dengan segala hormatnya Yang Berhormat Menteri, memang perkataan "*has assisted*" itu tidak diberi definisi tetapi *we cannot stop there, we have to carry on, "has assisted an enforcement agency specifically in disrupting drug trafficking"*. So, ada di situ, *so it is something that is specific*, itu satu. Nombor dua, *if going by what you are saying*, dengan izin Tuan Pengerusi. *Going by what you are saying*, ini hanya terpakai kepada seorang yang memang sudah tahu berkenaan dengan aktiviti pengedaran. *In other words, this law will protect drug traffickers. It will not protect the real innocent carriers which makes it quite ridiculous, if you ask me*. Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin, boleh saya *just* tanya sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat Bukit Gelugor. *Don't worry about the noise*.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa peruntukan ataupun seksyen ini mengguna pakai perkataan "*may*", itu- *that shows* Yang Berhormat Menteri sendirinya mengiktiraf bahawa peruntukan ini bermasalah. Oleh itu Yang Berhormat Menteri telah pun memberi penjelasan bahawa mahkamah boleh memilih untuk tidak mengikut (a), (b), (c), atau (d) memandangkan perkataan "*may*" digunakan. Akan tetapi itu bukan *as easy as it is*. Kalau kita lihat kepada keseluruhan frasa tersebut, "*may*" itu diikuti dengan perkataan "*only*". *Now*, memandangkan "*may*" dan "*only*" itu digunakan dalam frasa



yang sama, kalau pergi ke mahkamah, “*may*” itu akan diinterpretasikan as “*shall*” dengan perkataan “*only*” itu, itu pengikat tangan mahkamah untuk mengambil atau untuk mesti mengambil kira subseksyen (d). So, “*may*” in these case is actually “*shall*”, Yang Berhormat Menteri. *With the greatest of respect, that is how it will be interpreted in Court and if it is “shall”, it will make a mockery out of this amendment as Yang Berhormat Puchong has said earlier.* Saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang ringkas, memang ringkas. Kita sekarang berhadapan Yang Berhormat Menteri, dengan kes hendak ambil nyawa orang ini. Hendak ambil nyawa orang pula, kalau orang itu mungkin tersilap, dia tidak buat, *innocent carrier* ini, *drug mule* ini. Oleh sebab itu, kami agak mungkin mendatangkan sedikit kesusahan kepada Yang Berhormat Menteri dengan bangun beberapa kali ini, sebab kita *very concern* ya. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata tadi, saya bersetuju dengan kawan-kawan saya tadi. Masalahnya Yang Berhormat Menteri, kes *drugs* ini akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi ini pula bukan satu mahkamah sahaja dekat Malaysia ini. Kita ada mahkamah di Johor Bahru, Kuala Lumpur, secara ringkasnya Malaya dengan Borneo lah.

Jadi, mahkamah ini *two judges may have different opinions*. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Menteri, apabila ada beberapa hakim akan dengar ini, dia mungkin-katakanlah ada seorang hakim yang mungkin bersetuju dengan tafsiran Yang Berhormat Menteri tadi iaitu “*may*” ini maknanya ada bidang budi bicara. Akan tetapi yang mahkamah B pula kata lain pula. Jadi, mungkin yang ini dapat lepas, yang ini tidak dapat lepas pula. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri, *why don't* kita adakan satu peruntukan yang memang *clear* dan boleh membantu hakim untuk mendapat keputusan, kata orang itu, ada *certainty*. Ada *certainty*, ada kepastian dalam membuat keputusan dan tidak mendatangkan kesusahan kepada baik hakim, baik juga tertuduh. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri tolonglah. Ini melibatkan nyawa orang ini, kita kena berhati-hatilah ya. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, hendak bagi lagi Yang Berhormat?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tadi Yang Berhormat Shah Alam sudah bangun sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas jawab, tidak bangun lagi. Seminit sahaja. [Dewan riuh] Sekejap sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, kita dalam Majlis dan Yang Berhormat Bukit Gelugor sudah membentangkan justifikasi kepada pindaan yang dicadangkan. Sahabat-sahabat di sebelah sana sudah bangun memberikan sokongan, jadi biarlah kerajaan menjawab dan kemudian kita undilah. Ini prinsip demokrasi ya. Jadi, saya amat simpati dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat

Bukit Gelugor, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Sepang berkenaan dengan apa yang disebut perkataan dengan “only”. Akan tetapi saya baca daripada tadi bahawa kerajaan masih berpegang kepada prinsip yang mana pindaan ini berdasarkan kepada falsafah di belakang pindaan ini.

Kerajaan akan mengemukakan pindaan selepas ini, selepas kita membuat undi bagi pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tentang pembatalan fasal 2(b), pindaan tersebut. Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengeluarkan “*and has not been convicted under section 39B on the principal act by a competent Court before the appointed date*”. Tuan Pengerusi, saya telah menjawab soalan ini dalam peringkat Dasar. Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan untuk memasukkan dua subseksyen baru seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kerajaan berpegang kepada kedudukan bahawa haruslah terdapat kemuktamadan dalam prosiding undang-undang, *finality in law* dalam perkara ini berdasarkan konsep pengkelasan munasabah, *reasonable classification*, dengan izin. Apa yang dibenarkan di bawah pengkelasan munasabah tersebut telah diputuskan bahawa tertuduh yang telah disabit dan dijatuh hukuman di Mahkamah Tinggi adalah di golong secara berasingan dengan orang yang belum disabit kesalahan di bawah seksyen 39B.

#### ■1820

Maka kedua-dua golongan tersebut tidak terletak di dalam kelas yang sama, *same class of persons* dengan izin dan boleh dikenakan akibat undang-undang yang berbeza. Oleh hal itu telah diputuskan bahawa mereka yang disabit kesalahan di bawah peruntukan yang sedia ada, hendaklah menjalani proses rayuan dan pengampunan di bawah peruntukan yang sedia ada itu. Bagi tertuduh yang belum disabit kesalahan di Mahkamah Tinggi, telah diputuskan melalui pindaan ini dengan harapan bahawa mereka akan didorong untuk memberi bantuan kepada agensi penguat kuasa dalam mengendalikan aktiviti pengedaran dadah.

Tuan Pengerusi, apa sebenarnya mesej yang hendak disampaikan oleh kerajaan dengan pindaan ini adalah harapan bahawa kuat kuasanya pindaan ini masyarakat akan lebih berwaspada supaya tidak dipergunakan dengan sindiket-sindiket pengedaran dadah. Umum diketahui bahawa sindiket dadah ini menawarkan pulangan yang lumayan dan berkebolehan membayar upah yang begitu tinggi. Kerajaan mengharapkan bahawa kerajaan masih berpegang kepada prinsip tidak akan berkompromi dengan mereka yang sengaja tidak mengambil tahu atau mengamalkan ‘*vifull*’ *blindness* dalam aktiviti pengedaran dadah.

Bagi kerajaan, ungkapan dengan izin ‘*ignorant of the law is no excuse*’ adalah terpakai dengan nyata kepada semua pihak di luar sana bahawa kerajaan memang akan melaksanakan tindakan yang begitu agresif untuk menentang perang dadah. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

**Fasal 2 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**6.21 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Pengerusi, sub fasal 2(b) rang undang-undang ini akan memasukkan subseksyen 39B(2A), (2B) dan (2C) ke dalam Akta Ibu dipinda:-

- (a) dalam perenggan 39B(2A)(d) yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "*the Public Prosecutor certifies in writing to the court that in his determination*", dengan perkataan "*that*";
- (b) dengan memotong subseksyen 39B(2B);
- (c) dengan menomborkan semula subseksyen 39B(2C) sebagai subseksyen 39B(2B); dan
- (d) dalam perenggan 39B(2B) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan "*For the purposes of subsections (2A) and (2B)*", dengan perkataan "*For the purposes of subsection (2A)*".

Pindaan kepada subfasal 2(b) rang undang-undang bertujuan untuk meniadakan perakuan daripada pendakwa raya tentang bantuan yang diberikan oleh orang yang disabitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam kertas pindaan hendak disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 3 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, nak bangun Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak bahas sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

**6.24 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak bahas mengenai perkataan di sana, saya ingat mengelirukan di

mana "*competent court*". Apakah itu *competent court* kerana bila saya tengok Akta Ibu dan akta-akta lain berkaitan, *there is no such competent court in this country*. Semua *court* adalah *competent*. Jadi soalannya *are they incompetent court*? Adakah ini satu salah *typo* yang perlu diambil tindakan atau dalam rang undang-undang ini adakah *competent court* itu bermakna yang lain, *court* itu bermakna yang lain, *competent court* itu bermakna yang lain. Jika sedemikian, sila memberi keterangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**6.25 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Pengerusi, perkataan yang disebutkan "*competent court*" dalam pindaan itu adalah merujuk kepada *competent court* yang dimaksudkan dalam Mahkamah Tinggi Malaya ataupun Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang menjalankan perbicaraan dan menjatuhkan hukuman bagi kes-kes seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta 234. Perkara ini adalah jelas jika dirujuk seksyen 41 Akta 234 tersebut. Istilah "*competent court*" ini bukan istilah baru dan telah digunakan dalam akta lain seperti seksyen 34(2A) Akta Kanak-kanak 2001 dan seksyen 2(1) Akta Kesihatan Mental 2001. Terima kasih.

*[Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) 2017**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.28 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang Tara 2005, Akta 646 digubal bertujuan untuk menggantikan Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing 1985. Akta 646 juga diwujudkan untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan award dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ia bertujuan untuk menggalakkan keselarasan antarabangsa mengenai rejim timbang tara berdasarkan undang-

undang contoh yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada 3 Mac 1978, Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) diwujudkan melalui perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan *Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)* bagi menyediakan tempat yang neutral dan bebas untuk mengendalikan prosiding penyelesaian pertikaian alternatif yang terunggul di Asia. Pentadbiran kes penyelesaian pertikaian alternatif yang efektif oleh KLRCA telah mencatatkan peningkatan daripada 22 kes pada tahun 2010 kepada 2,000 kes bagi tempoh 2011 hingga November 2017.

Selain itu, KLRCA juga merupakan pusat timbang tara yang pertama di dunia yang menerima dan mengguna pakai kaedah-kaedah timbang tara 2010 yang disediakan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa iaitu pada Ogos 2010. KLRCA juga telah dianggarkan telah menyumbang sebanyak RM23.7 juta kepada ekonomi negara. Satu kajian bebas telah disediakan oleh *Strategic Plus Frame Work Sdn. Bhd.* yang mengesahkan bahawa bagi setiap RM1 yang diberikan kepada KLRCA, nilai pulangan kepada ekonomi Malaysia adalah sebanyak RM5.20.

Sebagai institusi latihan dan pentadbir proses adjudikasi, KLRCA juga telah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan penyelesaian pertikaian dalam industri pembinaan. Dalam hal ini, KLRCA telah sama-sama merangka Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (CIPAA) 2012 yang telah berkuat kuasa pada 15 April 2014. Dari segi pembinaan keupayaan kapasiti *building*, KLRCA telah menjalankan 36 kursus latihan untuk mengiktiraf pakar-pakar baru dari Malaysia dan luar negara sebagai penimbang tara dan *adjudicator*.

#### ■1830

Selain itu, KLRCA juga telah menyebarkan maklumat mengenai *alternate dispute resolution (ADR)* kepada lebih daripada 4,090 peserta bermula 2011 hingga November 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri pada 29 Jun 2016 antara lain telah bersetuju supaya KLRCA mempergiatkan usaha pengukuhan, pemasaran dan promosi dengan lebih berkesan untuk menjana pendapatan. Bagi tujuan tersebut, KLRCA telah menganjurkan satu bengkel konsultasi bersama-sama dengan semua pihak berkepentingan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta pada 30 Mac 2017 bagi membincangkan cadangan usaha-usaha penjenamaan dan memperkasakan semula KLRCA serta merangka satu pelan tindakan penjenamaan dan memperkasakan semula KLRCA yang lengkap. Satu laporan penjenamaan dan memperkasakan semula KLRCA telah dirangka berdasarkan hasil bengkel konsultasi tersebut.

Sehubungan dengan itu, memorandum Jemaah Menteri berkenaan usaha-usaha penjenamaan dan memperkasakan semula Pusat Timbang Tara Serantau (KLRCA) telah

dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2017 dan Jemaah Menteri bersetuju sepenuhnya terhadap kesemua cadangan usaha sebagaimana yang dicadangkan dalam memorandum Jemaah Menteri tersebut. Antara cadangan usaha adalah seperti berikut:

- (i) penjenamaan semula KLRCA daripada segi nama dan logo serta keupayaan KLRCA di mana nama pusat ini akan diubah dan diganti kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) atau *Asia International Arbitration Centre (Malaysia) (AIAC)*;
- (ii) penubuhan *Asia International Arbitration (AIA)* menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan ADR termasuk untuk menyediakan kursus akreditasi ADR di Malaysia dan standing *Chartered Institute of Arbitrators United Kingdom* sebagai pelopor bidang ini;
- (iii) meluaskan rejim adjudikasi dalam mengendalikan isu-isu aliran tunai dalam industri pembinaan. Untuk tujuan itu, KLRCA akan melatih lebih banyak *adjudicator* dan menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai adjudikasi ke seluruh pelosok Malaysia;
- (iv) penyelesaian pertikaian berkenaan inisiatif *One Belt One Road* di KLRCA. Untuk tujuan ini, KLRCA akan mewujudkan satu hubungan kerjasama timbang tara antara Institut Timbang Tara di Republik Rakyat China dan Institut Timbang Tara di Rantau *One Belt One Road (OBOR)*;
- (v) mempergiatkan penyelesaian pertikaian dalam bidang sukan. Untuk tujuan itu, KLRCA telah meningkatkan usahanya untuk melancarkan platform bagi penyelesaian pertikaian sukan secara penyelesaian pertikaian alternatif dengan bekerjasama dengan Majlis Olimpik Malaysia dan pihak berkepentingan lain;
- (vi) mempromosikan KLRCA sebagai pusat timbang tara antara pelabur dan kerajaan dalam kalangan negara ASEAN lanjutan daripada Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN pada tahun 2009 di mana Artikel 33 perjanjian tersebut membolehkan pertikaian tersebut dirujuk antara lain kepada KLRCA;
- (vii) mempromosi dan memfasilitasikan kepakaran ADR untuk pelajar-pelajar tempatan. Untuk tujuan ini, KLRCA telah memulakan usaha untuk menjalin hubungan persefahaman dengan pelbagai institut pendidikan tinggi; dan
- (viii) penubuhan *ASEAN International Chambers of Commerce (AICC)*. Fungsi AICC adalah untuk mewakili komuniti perniagaan dan komersial yang berkepentingan di Malaysia di peringkat penggubal polisi dan penggubalan dasar khususnya di antara agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 November 2017, satu nota Jemaah Menteri berkenaan cadangan pindaan tambahan yang sedang dipertimbangkan oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur terhadap Akta Timbang Tara 2005 telah dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah mengambil maklum;

Pertama, cadangan pindaan terhadap perenggan 33(6)(a) Akta 646 bagi membenarkan dan atau meng-*award*-kan faedah atas apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar oleh suatu *award* dari tarikh kausa tindakan itu berbangkit atau *from the date of cause of action arose* hingga ke tarikh penyelesaian berbanding dengan dari tarikh *award* itu hingga ke tarikh penyelesaian seperti dalam Akta 646 sedia ada.

Kedua, cadangan pindaan kepada dengan pemotongan seksyen 42, dan 43, Akta 646 untuk mengubah persepsi antarabangsa mengenai Malaysia sebagai sebuah pusat timbang tara yang menarik dan efektif daripada segi kos untuk ADR serta untuk menjadikan KLRCA sebagai hab global ADR.

Selain itu, cadangan pindaan ini juga akan meningkatkan profil negara dan memperlihatkan komitmen berterusan Malaysia dalam membangunkan kepakaran dan keupayaan dalam ADR. *Insyah-Allah* kerajaan akan mengadakan konsultasi dengan semua pihak berkepentingan khususnya yang terlibat dalam bidang timbang tara dalam mempertimbangkan dengan cadangan pindaan kepada perenggan 33(6)(a), seksyen 42, dan seksyen 43, Akta 646.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta 646. Rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk menukarkan nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) sebagai inisiatif kerajaan dalam usaha penjenamaan semula dan menggiatkan semula Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur bagi mewujudkan platform yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju pusat penyelesaian pertikaian alternatif di rantau Asia Pasifik dan di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Akta Timbang Tara 2005 adalah daripada Fasal 1 hingga 3 seperti yang terkandung dalam naskhah biru rang undang-undang yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya. Lepas Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya pun, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ada lagi satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, lepas Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Menteri jawab.

**6.36 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan saya pendeklah sebab ini adalah satu pindaan untuk jenama sahaja, nama dia. Jadi siapa nak celah ini, cepat-cepat celah. Dua minit, habis [*Ketawa*] Okey, baik. Sebenarnya yang pentingnya, kita lihat prinsip untuk tukar jenama *KL Arbitration Centre* ini ialah untuk menambahkan *business* ataupun lebih kompetitif.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, pertama adalah berapakah kes setahun? Setahu saya, saya baca dalam surat khabar *report* 2013, terdapat 100 kes setahun sahaja *KL Arbitration Centre* buat. Jadi bila kita tukar nama ini, apakah yang kita *expect*? Lebih kah, 200 atau 300? Apakah *purpose* sebenarnya untuk buat tukar jenama ini?

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Mohon pencerahan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baik, boleh. Silakan.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya itu amat saya juga amati sebabnya begini, dalam pengalaman saya, dalam sedikit-sedikit pembacaan saya tentang perjanjian-perjanjian perdagangan antara syarikat-syarikat, kebanyakan daripada perjanjian-perjanjian tersebut, antara syarikat-syarikat di Malaysia ataupun antara Malaysia dengan syarikat asing, kebanyakan daripadanya akan ada klausa berkaitan dengan timbang tara- *arbitration*. Akan tetapi dalam timbang tara itu akan dikatakan jika ada apa-apa pertelingkahan, maka dipersetujui timbang tara itu akan dibuat di Singapura bukan di Malaysia. Jadi apakah pada pandangan Yang Berhormat, itu relevan dengan apa yang kita bangkitkan ini. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin tahu bahawa apakah *value* timbang tara yang untuk kes satu tahun kerana kita tahu bahawa kalau kita hendak jadikan pusat timbang tara yang antarabangsa, dia kena melibatkan amaun yang besar dan maka kredibiliti akan juga menjadi lebih tinggi. Kalau kecil-kecil itu, saya rasa tak berbaloilah. Cuma saya hendak tahu berapakah *value* satu tahun yang kita *involve in an arbitration*. *Thank you*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Soalan Yang Berhormat Bayan Baru dimasukkan dalam ucapan saya. Bagi kawan baik saya Yang Berhormat Tumpat, memang semasa saya bekerja sebagai peguam korporat, semua orang taruh timbang tara di Singapura. Kalau terdapat satu *international agreement*lah. Jadi saya rasa timbang tara dalam konteks ini adalah lebih kurang untuk isu dalam domestik sahaja.



**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sedikit.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh, silakan.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Berkaitan dengan keputusan untuk mengadakan timbang tara bukan di Kuala Lumpur tetapi di negara asing. Contoh yang paling jelas dan besar nilainya apabila berkaitan dengan wang yang berkaitan dengan 1MDB. Timbang taranya di London dan nampaknya kita kalah dalam timbang tara itu, Yang Berhormat Kelana Jaya ya?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Komen Yang Berhormat Tumpat ini tepat sekali dan masukkan dalam ucapan saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, sedikit.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh ada lagi? Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Bertentangan dengan apa Yang Berhormat Tumpat bangkitkan 1MDB itu, adakah sesuatu yang ingin disembunyikan daripada rakyat Malaysia dan dibuat di London? Saya nak minta komen Yang Berhormat Kelana Jaya. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Itu soalan baik, saya minta Menteri jawablah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya nak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh? Boleh, boleh. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Klang kan ...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampaikan dan bangkit beberapa isu dan minta Menteri jawablah.

■1840

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Makna Yang Berhormat tidak berminat untuk berbahas selepas ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tidak. Saya hanya tanya soalan.

Sebenarnya Yang Berhormat Kelana Jaya saya ingin pohon pandangan Yang Berhormat kepada motif untuk mengalihkan nama, tukar nama. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa nama dan logo akan ditukar dan juga sekarang Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia akan menjadi pusat penyelidikan dan juga ini memberi latihan kepada *arbitrator* yang baru.

Akan tetapi satu isu yang dibangkit saya fikir adalah penting Yang Berhormat Kelana Jaya, yang menjadi pusat timbang tara di antara kerajaan dan pihak swasta. So ini kita tahu adalah ISDS iaitu *Investor-State Dispute Settlement*, dan saya hendak membangkit satu isu adakah isu ini dibincangkan oleh pihak kerajaan dan juga minta pandangan kerajaan mengenai tugas timbang tara- *if there's are conflict of interest* timbang tara. *We are focusing on the name, the structure but are we looking at the procedure itself, the process itself.*

Sekarang kita dapati bahawa kalau seorang timbang tara, *lawyer* itu sebenarnya dibayar USD1,000 sejam dan juga *arbitrators* dibayar USD3,000 sejam. Akan tetapi sekarang

*the discussion in the global arena has changed. Its move from ISDS dan kepada apa yang dipanggil Investment Court System. So therefore we are behind. We are changing the name, walaupun kita tukar tetapi in term of structure motivation and the cara kerja, we are left behind. The European has gone forward, taking the ISDS now, to what we call "Investment Court System", dan saya baca Yang Berhormat Kelana Jaya, minta pandangan, sudah hilang, sorry, is missing here, sudah hilang dekat komputer.*

*The things is now dengan Investment Court System, seorang timbang tara tidak dibayar sebegitu tinggi and there is a certain amount of money that is given as part of a retainer. So retainer itu berbeza dengan seorang yang dibayar USD1 ribu dan USD3 ribu. So minta pandangan, itu satu. Kedua, adakah kita mesti mengehadakan denda terhadap pihak kerajaan. Sekarang kita dapati pihak timbang tara ini memberikan denda sebanyak RM1 bilion, RM2 bilion dan sebagainya bila mereka mendapati ada masalah dengan pihak kerajaan. Adakah timbang tara di Malaysia mesti membuat satu strategi baru, have a new standard di mana kita control the amount of denda yang harus dibayar oleh mana-mana kerajaan. Minta pandangan.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Klang. Soalan-soalan dimasukkan dalam ucapan saya. Saya tidak boleh jawablah isu-isu ini. Tapi saya hendak komen sedikit tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat tentang isu timbang tara di London bagi perkara 1MDB dengan IPIC. Jelas satu bendalah, kalau IPIC itu dia, kalau dia sudah hilang duit banyak ini, dia tidak akanlah balik ke Malaysia untuk buat timbang tara dia. Jadi memang London menjadi satu *choice of arbitration*. Baik saya hendak tanya soalan kedua saya. Terima kasih semua yang celah itu. Tapi soalan kedua ialah saya hendak tahu berapa *competitive* kah sebenarnya Malaysia ini. Kalau hendak katakan timbang tara ini satu industri, kita hendak lawan dengan Singapura, sebab itu kita hendak tukar jenama ini. *How competitive are we?* Adakah kita lebih murah 20%-30% daripada Singapura dan di dalam Asia ini apakah *ranking* kita sekarang dan apakah yang - *what is your aspiration, what kind of ranking do you aspire to be?*

Soalan terakhir saya dan lepas itu saya akan gulung. Soalan saya terakhir ialah nama ini yang dipilih, saya baca *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)*. Adakah terdapat *Asian International Arbitration Center (Thailand, Indonesia, Brunei)*. *What kind of branding is this?* Saya hendak tanya ini? *Are we a subsidiary or some sort of group called Asian International Arbitration Centre or why-* kenapa pilih nama macam ini? Bukankah kita sebenarnya hendak *promote* Kuala Lumpur. Nama Kuala Lumpur, cukup baik. Kenapa tukar macam ini, macam kita buka *branch* Brunei boleh, buka *branch* di Thailand boleh, Indonesia boleh. Jadi saya hendak tanya siapa yang pilih nama ini dan apakah akronim. *I don't see the commercial value*, Tuan Yang di-Pertua. Ini buka nama yang *best* tahu. Jadi saya tidak tahulah, kenapa kita mari ke Parlimen untuk luluskan tukaran nama, nama yang tidak baik pun. Okey, itu saja ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya, apakah impak pertukaran nama dari segi persaingan dengan lain-lain institut timbang tara di rantau ini.

Impak daripada hasil pertukaran nama ini adalah untuk memberikan KRCA lebih kredibiliti dan kedudukan dan status sebagai satu pusat timbang tara yang bukan bersifat serantau. Ia akan membolehkan KLRCA untuk menawarkan khidmatnya kepada seluruh Asia. Hasil daripada pertukaran nama ini juga membolehkan Malaysia menonjolkan dirinya sebagai hab global penyelesaian pertelingkahan alternatif. Memandangkan KLRCA adalah sebuah pusat di bawah *Asia-Africa Legal Consultative Organization*, ini akan menonjolkan KLRCA sebagai satu pusat timbang tara yang bersifat antarabangsa.

Ini juga sejajar dengan Rancangan Malaysia Kesebelas dan aspirasi kerajaan untuk beralih dari sektor pembuatan kepada kepakaran sumber manusia. Langkah-langkah ini akan membolehkan tenaga sumber manusia profesional Malaysia dari bidang ADR dapat dieksport ke luar negara. Berapakah bilangan kes yang dikendalikan oleh KLRCA. Dari segi bilangan kes adjudikasi dan kes timbang tara, prestasi KLRCA adalah amat memberangsangkan. Pada tahun 2014, bilangan kes yang ditadbir pada tahun tersebut hanyalah sebanyak 141 kes, pada tahun 2015 bilangan kes ditadbir mencecah angka 307 manakala pada tahun 2016, bilangan kes ditadbir sebanyak 620. Pada tahun 2017 bilangan kes ditadbir mencecah angka 818 setakat 28 November 2017.

Walau bagaimanapun, angka-angka ini akan berubah mengambil kira bilangan kes pada suku keempat tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan yang amat memberangsang dalam tempoh 4 tahun sahaja dari segi bilangan kes yang ditadbir oleh KLRCA.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biar saya habis jawab, kemudian saya akan jawab kepada soalan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak, tidak, ini *related to the issue* tentang prestasi. Ya, boleh ya. Terima kasih.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita baca 2014- 100 kes, naik tiap-tiap kali berkali ganda. Maknanya nama KLRCA ini efektif, kenapa hendak tukar. *It makes no sense at all. If you are telling me, 2014 ada 100 kes, lepas itu jatuh ke 60 kes. Kita boleh faham. Ini meningkat ke 800 kes. Jadi saya rasa dalam isu ini, bila kita tukar nama, jenama, kita cari logo baru, ada orang akan dapat kontrak, mesti punya. Somebody have a contract to do all these new advertisings, new brochures, new brandings.* Siapa yang dapat projek ini dan berapa besarkah projek *rebranding* ini? Tidak masuk akallah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kelana Jaya, kenal bagi peluang saya jawab. Saya jawab tengah jalan Yang Berhormat Kelana Jaya hendak tanya saya soalan lagi. Sabarlah Yang Berhormat Kelana Jaya. Kalau hendak tuduh pun, tuduhlah bertempat. Sebenarnya pindaan ini niat baik. Belum apa-apa Yang Berhormat sudah tuduh

ada bajet untuk tukar nama, *branding*. Saya rasa tidak boleh lah Yang Berhormat. Biarlah saya jawab, saya terang dulu.

Rasional di sebalik pertukaran nama. Pertukaran nama ini adalah sebagai asas untuk menjadikan KLRCA sebagai hab global penyelesaian pertikaian alternatif. KLRCA yang dahulunya dikenali sebagai *Regional Centre for Arbitration Kuala Lumpur* telah ditukar nama kepada *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* pada tahun 2010 sebagai satu langkah penjenamaan.

Kini dengan peningkatan prestasi semenjak 2010, penjenamaan semula harus dilakukan agar KLRCA ini dapat bersaing dengan lain-lain institut di Rantau Asia dengan lebih mantap. Apa yang saya hendak cakapkan juga di sini bahawa kalau kita tengok kedudukan KLRCA di negara Asean, kedua selepas Singapura dan kemudian kalau kita tengok daripada kenapa nama ini dipilih kerana *Asia International Arbitration Centre (Malaysia)* adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat timbang tara utama di Asia. Sebab kalau kita mewujudkan nama yang disebut sebagai *Kuala Lumpur Regional Centre*, bila ia mahu mewujudkan pendekatan penjenamaan semula dan memperkasakan *Kuala Lumpur Regional Centre* tersebut, nampak agak lebih kecil. Jadi harapan dengan nama *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)* adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Timbang Tara utama di Asia.

Yang Berhormat juga tanya tentang apakah keberhasilan atau *outcome* yang dijangka hasil daripada langkah-langkah penjenamaan ini.

#### ■1850

Lanjutan daripada pelbagai inisiatif ekonomi seperti *the Belt and Road Initiative* dan *Asean Economic Community (AEC)*, Malaysia kini berada di kedudukan yang strategik di antara pasaran AEC yang bernilai USD2.6 trilion dan pelaburan dari negara China sebanyak USD5 trilion terhadap negara-negara di bawah naungan *Belt and Road*. Bagi merealisasikan ekspektasi harapan pelaburan asing, Malaysia harus menonjolkan dirinya dan menjadikan KLRCA sebagai satu destinasi yang menarik daripada segala pertelingkahan yang akan berbangkit daripada inisiatif ekonomi di atas.

Apakah keberhasilan ataupun *outcome* yang kita lihat KLRCA juga berada dalam kedudukan strategik di antara tiga ekonomi besar di dunia menjelang tahun 2050 di mana jumlah GDP China, India dan Indonesia berada di tahap USD27,463 bilion pada tahun 2014. KLRCA mampu menyediakan khidmat penyelesaian pertelingkahan alternatif yang mantap kepada ketiga-tiga ekonomi ini iaitu ekonomi China, India dan Indonesia. Malaysia boleh 'merkaptalasikan' faktor geografi, amalan dan budaya, bahasa dan landskap geopolitiknya yang hampir sama dengan negara-negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau saya nak jawab secara lebih ringkas, Malaysia mempunyai kelebihan lebih banyak dari segi bahasa ya Yang Berhormat Kelana Jaya sebab kalau kita lihat China tidak begitu gemar menggunakan Singapura sebagai pusat *arbitration* (ADR) dan juga dengan negara Hong Kong dan Malaysia dilihat mempunyai kelebihan disebabkan oleh dialek dengan izin ya, bahasa-bahasa yang boleh dilaksanakan oleh *arbitrators* dari Malaysia. Kalau kita tengok daripada komitmen Malaysia seperti yang saya

sebut tadi mempunyai banyak kelebihan dan inilah antara daya kesaingan timbang tara di Malaysia kalau kita berbandingkan antara timbang tara di negara lain yang dilihat dalam kedudukan yang tinggi seperti di Singapura, Hong Kong dan juga United Kingdom.

Walaupun KLRCA adalah salah satu..

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri depan sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya terima pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa dengan timbang tara yang baharu ini kita ada kelebihan. Akan tetapi masalah di sini ialah kelebihan itu *is still behind time* sebab kita dapati bahawa *there's a new system in place* di Eropah dan sistem itu dipanggil *Investment Court System* dan dalam *Investment Court System* ini tidak ada *arbitrators* lagi tidak ada timbang tara lagi yang menjadi timbang tara adalah hakim.

Saya baca di sini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, *the proposal for the Investment Court System builds the substantial input received from the European Parliament*. Saya baca *the first Vice President* apa dia punya *statement, with our proposals for the new Investment Court System they are breaking new ground. The new Investment Court System whether compose or fully qualified judges-- qualified judges who are given a fixed term salary*, ini yang penting Yang Berhormat. *When we changed name it makes no different, what we need is a substance, change in the structure and substance of the timbang tara*.

*What we you are proposing now is just* tukar macam coklat, tukar warna dan tukar *wrapping* dia. Akan tetapi *what the world needs* apa yang kita hendak dalam dunia ini ialah *trust. Trust that the arbitrators do not cheat*. Oleh kerana itu sekarang kita dapati bahawa *arbitrators* dikeluarkan dan di-*replaced* dengan *judges. Judges were qualified. Judges* yang diberikan satu *permanent tenure of service*. Saya fikir pandangan Yang Berhormat itu tidak begitu jelas sebab *the thinking process that has gone into the system of developing the new Asian International Arbitration Centre* untuk memperluaskan *system arbitration* itu tidak guna pakai dan *international standard* iaitu *Investment Court System*. Minta pandangan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul kata Yang Berhormat itu, Yang Berhormat Klang itu sebab selepas kita membuat pertukaran nama banyak lagi penambahan-penambahan prosedur berkaitan dengan timbang tara akan dilaksanakan tetapi kita bermula dengan pindaan melalui akta ini sebagai permulaan. Ini dilihat sebagai pelbagai inisiatif termasuk penambahan prosedur-prosedur berkaitan dengan timbang tara dan adjudikasi dan selepas itu memorandum Jabatan Perdana Menteri akan dibentangkan dalam masa terdekat.

Saya sebut tadi dalam bacaan kali kedua saya berkenaan dengan seksyen di dalam *arbitration* seksyen 33, seksyen 42 dan seksyen 43 juga yang perlu di bawa ke Jemaah Menteri untuk dilakukan pindaan disebabkan oleh keputusan pada pertengahan bulan November 2017 berkenaan dengan *award* oleh *arbitration* dalam negara kita yang diberikan keputusan oleh Mahkamah Persekutuan. Jadi ini menunjukkan langkah-langkah yang kita ambil dan kalau kita tengok yang saya sebut tadi di antara saingan timbang tara di Malaysia berbanding timbang tara di negara lain seperti Singapura, Hong Kong dan United Kingdom,

kita dapat lihat bahawa dalam rantau ini terdapat banyak institusi yang ditubuhkan berturut-turut di rantau Asia.

Kebanyakan institusi ini mempunyai urutan yang sama dalam bentuk pengiktirafan daripada kerajaan untuk mempromosikan program ADR di rantau ini. Walau bagaimanapun ia juga penting untuk mengambil perhatian bahawa KLRCA telah pada setiap masa memenuhi keperluan pasaran dan industri yang berbeza ialah menangani...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biar saya habis yang menangani ADR dengan gambaran yang holistik. Seseengah institusi seperti Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Hong Kong adalah lebih maju. KLCRA berkedudukan secara strategik dan geografik untuk memberi penyelesaian pertelingkahan secara kos efektif yang telah menjadi satu persaingan yang berdaya saing maju kepada lain-lain pusat timbang tara yang sedia ada.

Pusat-pusat lain di rantau ini juga menjadi tumpuan terutamanya kepada penghantaran dan timbang tara. Selain perbandingan KLCRA juga memenuhi peranannya sebagai sebuah entiti bukan untuk keuntungan. Di samping itu ia juga berperanan sebagai pentadbir untuk hakim dan memberi tanggungjawab berkanun di bawah Akta Timbang Tara. KLCRA juga berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Neutral untuk rantau ini. Silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Tumpat telah tanya satu soalan kepada Yang Berhormat Subang Jaya. Soalan beliau ialah mengapa *investors* pergi ke Singapura dan bukan datang ke Malaysia? Satu daripada sebab mereka pergi ke Singapura dan juga ke Hong Kong dan bukan ke Malaysia, walaupun kita tukar nama yang baharu, jenama yang baharu dan sebagainya ialah sebab di Singapura dan di Hong Kong kita dapati bahawa tugas timbang tara itu diambil alih oleh hakim, *judges*.

Ini berbeza daripada Malaysia di mana kita gunakan timbang tara, *arbitrators*. Sistem *arbitrators* itu Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri *has a conflict of interest* sebab *arbitrators* itu satu hari dia mewakili kerajaan dan hari yang kedua dia mewakili pihak majikan so dan dia tukar-tukar. Oleh sebab itu, bila dia punya *verdict comes out* ada *conflict of interest* dalam sistem *arbitration*. Oleh sebab itu kita dapati bahawa *international standard* ialah kita telah abaikan, kita *reject now the arbitrators and we move towards judges*.

*So that's why they go to Singapore and Hong Kong.* Saya tidak faham mengapa kita menjenamakan satu institusi tetapi kita tidak membawa pembaharuan dalam struktur dan kerja institusi itu. *This is the problem.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dengan prihatin apa yang Yang Berhormat Menteri cakap katakan kita nak jadi satu *centre* timbang tara lah untuk *One Belt One Road (OBOR)* untuk negara China lah dan projek infrastruktur semua. *With all due respect I have to disagree on your point of view* sebabnya senang, timbang tara ini orang pilih timbang tara di Singapura, Hong Kong dan juga di UK sebab orang percaya *complete independence*. Apa yang kita lihat dalam dua

tiga tahun yang lepas ini, *the influence of China on Malaysia has been growing steady*. Jadi kalau kita nak buat *KL Arbitration Centre* untuk *OBOR cases* katakan China *sign agreement* dengan Indonesia, Indonesia tidak akan percaya sebab kita sudah kawan baik dengan negara China. Dia tidak akan mari sini untuk *OBOR arbitration*. *You have to rethink properly your aspiration or your basis of your arguement ya*.

Jadi saya nak mintalah kalau boleh itu, isu ini pada Dewan ini senang. Isu dia isu duit, isu wang.

#### ■1900

*This exercise is prevalence in my opinion. How much is it? Are we going to come out USD1 million or USD5 million? If you tell me it's half of million and okay lah, we walking goes home. Agree sahaja, sokong sahaja. So please tell us* kalau boleh beritahu kitalah berapakah kos untuk tukar nama ini? Nama yang bubuh Malaysia di belakang, bukan di depan. *You know. You can call it Malaysian ASEAN Arbitration Centre*. Bubuh kita dalam *bracket*. *This not nationalistic at all*. Jadi saya mintalah kalau boleh kita boleh *short circuit* semua *debate* pada hari ini, beritahu kita terus sahaja berapa kos dia. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebenarnya Yang Berhormat. Saya sebut daripada tadi objektif terhadap pertukaran nama. Yang Berhormat tanya tentang kos untuk pertukaran nama. Hari ini kita hanya membuat permohonan kepada Dewan ini untuk pindaan kepada pertukaran nama. Saya telah memaklumkan pada Dewan, justifikasi kepada permohonan untuk membuat pindaan kepada Akta Timbang Tara. Jadi Yang Berhormat menyatakan sekarang isu mengatakan kononnya sebab Malaysia baik dengan China maka orang tidak akan rasa, kata orang ayat yang saya gunakan tidak akan rasa *confident* ya. Mungkin itu ayat yang saya gunakan, terhadap Malaysia kononnya kebaikan.

Saya rasa itu tidak menjadi satu isu. Kita mesti menerima hakikat bahawa - saya sebut tadi dalam langkah-langkah pembaharuan yang kita hendak wujudkan dari segi pindaan kepada nama ini. Banyak langkah-langkah seterusnya akan kita lakukan. Saya juga telah menyatakan di sini tentang mewujudkan pelbagai kewujudan pelbagai *arbitrates* di dalam negara kita dengan universiti tempatan, mewujudkan pendekatan-pendekatan yang baru, mungkin melihat kepada aspek mempromosi institusi yang baru ini, disebabkan oleh nama.

Ini semua dalam perancangan yang akan dilakukan oleh Pusat Timbang Tara ini. Kita harus menerima pada hakikat bahawa pindaan kepada nama ini adalah sebagai langkah pertama. Kita juga menerima hakikat bahawa Malaysia perlu menjadi saingan setakat ini kepada Singapura dan Hong Kong.

Saya yakin dengan kualiti kehakiman yang diwujudkan di Malaysia dalam elemen ini Alternative Dispute Resolution (ADR). Bukan sahaja kewujudan peguam-peguam Malaysia yang telah berkecimpung dalam instrumen timbang tara di peringkat dunia dan juga kepada hakim dan juga bekas hakim dalam negara kita. Ini menunjukkan bahawa kita boleh mewujudkan langkah-langkah yang lebih proaktif dan agresif dalam memberikan pertukaran nama ini menjadi pertukaran yang melebihi hanya kepada pertukaran nama. Saya rasa penggunaan Malaysia itu kalau kita tengok dan saya dimaklumkan daripada Pusat Timbang

Tara perbincangan dilakukan dengan 'ALCO' yang mana kita bersama 'ALCO' itu, Malaysia itu dilihat sebagai pertukaran nama daripada perkataan Kuala Lumpur. Kalau kita tengok di Singapura, Singapura adalah Singapura. Dia punya ibu negara dia Singapura. Dia adalah sebuah negara yang tidak seperti Malaysia yang mempunyai negeri-negeri yang berlainan.

Kita mempunyai Kuala Lumpur iaitu ibu negara, Kuala Lumpur sebagai pusat. Akan tetapi kita juga ada Putrajaya. Kalau kita hendak tengok kepada nama ini, menggunakan perkataan nama Malaysia secara tidak langsung mewujudkan kewujudan Malaysia sebagai satu platform yang baru kepada elemen timbang tara.

Saya rasa pertukaran nama ini dengan langkah-langkah penjenamaan semula yang saya sebut dalam bacaan kedua tadi dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada dan tanpa melibatkan sebarang peruntukkan tambahan atau sebarang perbelanjaan tambahan yang perlu ditampung oleh pihak kerajaan. Dalam masa tujuh tahun Pusat Timbang Tara ini juga telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjadi satu institusi yang mampu menampung sendiri.

Maknanya di sini bahawa saya tidak begitu setuju kalau Yang Berhormat Kelana Jaya mewujudkan persepsi kononnya ini adalah satu pindaan yang secara tidak langsung membuang masa ataupun tidak akan membawa kepada kejayaan. Saya rasa ini tidak begitu adil. Kita datang kepada Dewan hari ini disebabkan wujudnya Akta Timbang Tara dalam negara kita dan kewujudan Kuala Lumpur Arbitration Centre dalam akta ini yang mana seksyen ini dipohon untuk dipinda untuk diletakkan nama yang baru disebabkan oleh penjenamaan semula. Silakan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, *as again all due respect lah. London International Arbitration Centre, it's call London International Arbitration Centre.* Dia bukan dinamakan United Kingdom Arbitration Centre. Jadi *your argument is also not exactly true because arbitration centre selalunya link to the city.* Akan tetapi isu dia saya hendak tanya satu sahaja, *how much will it cost?* Saya faham, *you* kata ini *stage one.* Kalau *stage one, for god sake don't bring this legislation before one-line change. You* bubuh lah *stage two, stage three* semua masuk sekali, kita boleh debat baik-baik. Jangan tukar nama sahajalah. *I cannot explain this other than there is somebody who's going to contract to do some changes to all this* sebab tidak masuk akal. Kata kita hendak buat *training*, hendak buat ini, hendak buat itu, masuk dalam satu akta yang lebih tebal ataupun rang undang-undang yang lebih tebal dan kita boleh bincang semua. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri. Satu minit. Saya fikir kalau kita tanya kepada pihak pelabur mengapa mereka membawa satu kes kepada Majlis Timbang Tara, apa yang mereka hendak ialah keyakinan. Apa yang mereka hendak ialah *confident* dan apa yang mereka hendak ialah *trust.* Ini bergantung kepada struktur dan cara kerja mana-mana Persatuan Timbang Tara. *Whether it's* Kuala Lumpur, Putrajaya, Singapura dan Hong Kong.

Akan tetapi sekarang kita nampak lebih majikan membawa isu ini kepada Singapura dan Hong Kong. Lebih Singapura daripada Hong Kong sebenarnya. Sebab mereka



mendapati bahawa sistem yang sedia ada di Singapura *it's considered trust worthy and confident* tetapi Malaysia tidak. So, walaupun kita tukar nama ini tidak akan membawa apa-apa perubahan. Apa yang kita mesti ada adalah satu sistem yang boleh memberi satu gambaran kepada orang ramai khususnya kepada pihak pelabur bahawa Malaysia ada satu sistem yang boleh dipercayai. Ini yang penting Yang Berhormat Menteri. Bukan tukar nama Putrajaya ataupun Kuala Lumpur. *I think This is important. Do you think you seem you understanding the point.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kelana Jaya dengan Yang Berhormat Klang. Saya sudah jawab tadi tentang justifikasi kepada pindaan kepada nama. Akan tetapi Yang Berhormat masih mengatakan bahawa Yang Berhormat Kelana Jaya masih menekan isu kepada isu kos. Saya tengok kalau kita baca dalam pindaan ini, rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan atau apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Kita memaklumkan kepada Dewan ini. Ia hanya pertukaran dari segi nama. Akan tetapi Yang Berhormat Kelana Jaya masih mengatakan adanya kos-kos lain yang terlibat. Setakat ini saya dimaklumkan ini hanya pertukaran nama.

Keduanya Yang Berhormat daripada Klang menimbulkan bahawa perlu banyak lagi pindaan dilakukan disebabkan hanya bertukar nama tidak mencukupi. Saya setuju. Itu sebabnya dalam bacaan kali kedua saya telah memaklumkan banyak perkara yang akan dilakukan dalam masa terdekat. Tetapi yang paling menarik minat dalam Dewan ini ialah seksyen 33, 42 dengan 43 Akta Timbang Tara yang perlu dilakukan pindaan tetapi tidak dapat dilakukan pada hari ini disebabkan oleh isu masa, disebabkan oleh keputusan Mahkamah Persekutuan adalah pada pertengahan bulan November.

Kalau kita hendak buat pindaan itu, prosedur untuk pindaan memakan proses yang lama. Saya harap *insya-Allah* pada bulan tiga ataupun mana-mana bulan dalam Persidangan Parlimen tahun depan, pindaan yang akan datang itu kita akan bawa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab, Yang Berhormat masih tidak berpuas hati...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, kalau saya cadang...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya hendak cakap macam mana. Itu sahaja. Ini adalah - Yang Berhormat ini adalah permohonan pindaan nama sahaja.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi saya rasa itu sahaja lah Yang Berhormat, tidak ada Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri kalau saya boleh cadang...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Tidak ada apa lagi yang saya boleh jawab. Tertaklukkan kepada Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Kalau saya boleh cadang, kalau saya boleh cadang Yang Berhormat, saya cadang satu nama. Cadangan itu ialah Kuala Lumpur *Investment Court*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Itu lebih bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Bukan *arbitration* lagi *because arbitration is outdated*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

■1910

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]*

## USUL

### **MENANGGUH BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

7.11 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, DR 46/2017, Rang Undang-undang Pergigian 2017 seperti yang tertera di nombor 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya menyokong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang dijanjikan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Saya sudah beritahu tadi, saya membuat dua rang undang-undang. Selepas ini saya bawa, saya tengok surat itu, yang saya hendak jawab saya jawablah. Boleh tidak sabar sekejap? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri ada dua rang undang-undang yang terpaksa dia jawab perbincangan dan baru siap tadi. Jadi belum lagi dapat meneliti surat daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, tidak akan dibahas dalam Dewan yang mulia ini tetapi akan dijawab secara surat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Oh, tidak akan dibahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

## USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

### AKTA KASTAM 1967

#### 7.12 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan kepadanya oleh subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bilangan ST. 96/2017 disahkan”.

Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2017 P.U. (A) 310/2017 bertarikh 11 Oktober 2017, Kertas Statut ST 96/2017. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan Duti Anti Lambakan Sementara ke atas produk keluli tahan karat gulungan sejuk dengan izin, *cold roll stainless steel coils* yang diimport dari empat buah negara iaitu Republik Rakyat China, Republik Korea, *Chinese Taipei* dan Thailand pada kadar antara 7.27 peratus hingga 111.61 peratus.

Pengenaan duti anti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan berkuat kuasa bagi tempoh empat bulan mulai 12 Oktober 2017 hingga 8 Februari 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, selepas Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Kepong.

#### 7.15 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi mereka ini tidak peduli kalau melibatkan begitu banyak wang untuk negara. Memang Timbalan Menteri dia membangkitkan, ini perlu untuk negara. Cuma saya hendak tahu, kalau kita adakan Duti Anti Lambakan ini, berapakah keluli tahan karat gulungan sejuk dalam bentuk gegelung, kepingan atau apa-apa bentuk lain dengan ketebalan tidak lebih daripada 6.5 mililiter dan sebagainya daripada Republik Rakyat China, Republik Korea dan *Chinese Taipei* dan sebagainya. Berapakah setahun kita mengimportnya? Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 7.16 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sendiri di negara kita, kita mengeluarkan sekitar 140,000 metrik tan. Ini *local production*, *then* kita ikut permintaan tempatan sekitar 147,000 metrik tan. Jadi ada lebihan, maksudnya kekurangan bekalan dalam sekitar 7,000 metrik tan. Akan tetapi mengikut rekod kita, jumlah import produk yang kita sedang siasat ini daripada 1 Oktober 2013 sehingga 30 September 2014, import 70,000 metrik tan. Pada 1 Oktober 2013 sehingga 30 September 2015, 84,000 tan. Kemudian 1 Oktober 2015 sehingga September 2016, 82,000 tan. Pada 1 Oktober 2016 sehingga 30 September 2017, 49,000 tan.

Jadi kita melihat bahawa apabila peningkatan import yang tinggi ini menyebabkan kemudaratan didapati wujud di kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material disebabkan oleh pengimportan tersebut. Antara kemudaratan yang didapati ialah satu, berkaitan dengan lebihan peningkatan import. Kalau kita kata *different* antara *production* dengan *demand* ini dalam sekitar 7,000 tan, tetapi pengimportan sampai 70,000, maka sudah tentu lebihan dalam pasaran. Kedua, kehilangan *share* pasaran. *Local production* ini dia akan hilang *share* pasaran dengan *imported material* dengan izin, kemudian pemotongan harga. Kemudian dengan kemelesetan harga, *price depression*. Kemudian kemerosotan harga ataupun *price subtraction*. Kemudian, sudah tentulah kehilangan keuntungan ataupun *reduce profit* yang menyebabkan aliran tunai dan sebagainya.

Jadi untuk makluman Dewan juga, yang disebutkan sebagai *dumping* ini apabila negara pengeluar itu menjual harganya di sini, di Malaysia lebih murah. Contohnya kita kata, kita sebut satu negara macam China, dia di sana jual USD20 satu tan, tiba-tiba dia hantar ke

sini hanya sekitar USD10. Jadi ini memberikan kesan kepada *local production* ataupun pasaran di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST. 96/2017 disahkan, hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### AKTA EKSAIS 1976

7.49 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(1), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bilangan ST 63/ 2017 disahkan.”

#### ■1920

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 1, seksyen 6, Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil.ST63/2017 disahkan. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk menyelaraskan semula kadar duti eksais daripada 65 peratus kepada 60 peratus bagi kenderaan yang berkapasiti enjin tidak melebihi 1,500cc. Antara kategori kenderaannya tersebut yang terlibat dalam penyelarasan ini ialah kenderaan jenis MPV, SUV, van dan lain-lain kenderaan penumpang yang kurang daripada sembilan orang. Pindaan tersebut melibatkan perubahan kadar duti eksais ke atas kenderaan di bawah *sub heading* seperti berikut, dengan izin,

- a) 8703.21.90 - *other vehicles with only spark ignition internal combustion reciprocating piston engine,*
- b) 8703.31.90 - *other vehicles with only compression ignition internal combustion piston engine,*
- c) 8703.40.91 dan 8703.40.92 – *other vehicles with both spark ignition internal combustion reciprocating piston engine and electric motor as motors for propulsion other than those capable being charged by plugging to external source of electric power,*
- d) 8703.50.91 dan 8703.50.92 – *other vehicles with both compression ignition internal combustion piston engine (diesel or semi-diesel) and electric motor as motors for propulsion other*

*than those capable of being charged by plugging to external source of electric power,*

- e) 8703.60.91 dan 8703.60.92 – *other vehicles with both spark ignition internal combustion reciprocating piston engine and electric motor as motors for propulsion capable of being charged by plugging to external source of electric power;* dan
- f) 8703.70.91 dan 8703.70.92 – *other vehicles with both compression ignition internal combustion piston engine (diesel or semi-diesel) and electric motor as motors for propulsion capable of being charged by plugging to external source of electric power.*

Penyelarasan duti eksais ini dilaksanakan berikutan daripada penggabungan-penggabungan kod tarif bagi kenderaan dalam Perintah Duti Kastam 2017 yang berkuat kuasa mulai 1 April 2017. Berhubung kadar duti eksais, kenderaan yang berkapasiti enjin melebihi 1,000cc dan tidak melebihi 1,500cc di bawah kod tarif 8703.229.010 dan 8703.229.090 - penyelarasan kadar duti eksais daripada 65 peratus kepada 60 peratus; telah dilaksanakan berkuat kuasa 13 April 2017 melalui Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2017 ST46/2017 dan telah diluluskan pada sesi Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Ke-13. Dengan penurunan kadar duti eksais ini, diharapkan ia dapat mencapai hasrat kerajaan, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat dengan penurunan harga jualan kenderaan terlibat di pasaran. Perintah ini telah dikuat kuasa mulai 30 Ogos 2017. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Kapar. Lima minit, ya.

#### **7.24 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin— Perbahasan saya singkat sahaja. Saya melihat balik, apakah yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional. Pada tahun 2013, Barisan Nasional dengan satu slogan yang sangat-sangat lantang. Rakyat didahulukan, janji ditepati. Dalam manifesto Barisan Nasional pada tahun 2013 adalah antaranya yang paling tinggi kerana Barisan Nasional respons kepada kita bahawa kerana Pakatan Rakyat pada masa itu kata ingin menurunkan harga barang, turunkan harga kereta. Itu sebab Barisan Nasional copy, ciplak manifesto tersebut dan janjikan turunkan harga kereta 20 peratus dalam lima tahun. Itu tahun 2013. Tahun ini tahun 2017, sudah genap lima tahun dan sidang akhir

Parlimen ini mungkin sidang yang paling akhir sekali, ya. Jadi, saya nampak bahawa harga kereta di pasaran sekarang bukan sahaja tidak turun tetapi naik lagi. Kita tahu bahawa, *you* tanya siapa-siapa di luar, harga kereta memang susah dan *unaffordable* kepada orang-orang muda di luar. Jadi, mereka terpaksa beli kereta-kereta yang kecil. Saya tidak ada masalah kalau kereta kecil kah, besar, *it's not that issue*. Akan tetapi kereta di Malaysia adalah antara yang paling mahal di dunia atas *purchasing power parity*. Jadi, ini adalah—Barisan Nasional memberi *false hope*, janji manis. 20 peratus. Di mana 20 peratus, 30 peratus turun harga kereta? Tidak ada. Tidak ada.

Sekarang, baru tadi Yang Berhormat Menteri kata, hendak turunkan harga kereta, hendak turunkan 65 peratus kepada 60 peratus kerana ingin membantu rakyat. *This is* bohong kerana ia tidak membantu. Pada hakikatnya, harga kereta melambung naik. Okey, melambung naik. *Even* ada Menteri kata, dia turunkan harga kereta. Oh, ada kereta yang turunkan harga, ya, betul. Proton Saga turunkan harga, kereta Myvi turunkan harga atau Honda turunkan harga kereta. Akan tetapi hakikatnya, sebenar apa yang berlaku adalah mereka *cut the specs*. *Specs* telah diturunkan. Hanya *bare basic unit*. Ia bukan unit yang *full specs*.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Mana *you* tahu?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You* lagi tidak tahu. *You* jaga pertanian. *You* bukan jaga kereta. Jadi, ini adalah...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You* bukan jual kereta punya orang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You* jual ikan. Yang Berhormat Menteri jual ikan. Okey? Bukan jual kereta. Jadi, inilah isu yang ada. Saya hendak tanya, tinggal tiga bulan atau enam bulan sebelum pilihan raya. Apakah Barisan Nasional buat untuk turunkan harga kereta 20 peratus? Bagaimana hendak turunkan kalau hanya memotong lima peratus eksais duti? Jadi, saya minta jawab, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kepong.

#### 7.28 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkasnya, kita nampak ada 20 jenis kenderaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini. Saya hendak tahu, dengan 20 jenis ini yang diturunkan duti eksais itu, 65 peratus kepada 60 peratus. Berapakah yang dianggarkan wangnya daripada tindakan ini? Bagaimana itu akan mengurangkan kos ataupun harga kenderaan yang tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

#### 7.29 mlm.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar kawan saya daripada Bayan Baru tadi, saya menyokong sepenuhnya apa

yang dibangkitkan oleh beliau berkaitan dengan harga kereta yang menjadikan kita antara negara yang harga keretanya paling tinggi dalam dunia.

■1930

Keduanya saya juga bersama-sama dengan jiran saya daripada Yang Berhormat Kepong ingin mengetahui keuntungan ataupun kebajikan yang dicapai, keuntungan kepada kerajaan dan kebajikan yang diperoleh oleh pengguna hasil daripada menurunkan *excise duty* daripada 25 kepada 60 peratus ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara khususnya kepada asas perkiraan *excise duty*. Sebagaimana kita tahu perkembangan sains- motor ini, *science auto* ini sangat pesat sekarang. Kereta-kereta berkembang- enjin-enjin kereta kemajuan teknologinya amat-amat pesat, teknologi enjin hibrid dan sebagainya, amat-amat pesat. Sebaliknya kita berasaskan perkiraan *duty* ini, *duty excise* kereta ini kepada apa yang dipanggil kapasiti enjin kereta atau CC itu. Pada saya ini adalah suatu asas yang *out of date*, dengan izin, yang sudah pun ketinggalan zaman sebab kereta yang kadang-kadang sisinya kecil lebih hebat *performance*-nya, prestasinya, kelajuannya dan sebagainya berbanding dengan kereta-kereta yang CC-nya besar daripadanya.

Jadi saya rasa, kerajaan mesti memikirkan keseluruhan konsep- kita ingin mengenakan cukai atau *duty* terhadap kereta-kereta ini kerana prinsip ataupun perkiraan yang kita pakai hanya berlandaskan kepada CC kereta itu sudah jauh ketinggalan zaman

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu pengangkutan awam dalam negara kita ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan walaupun kita menghormati mengiktiraf kejayaan negeri Selangor misalnya mengadakan konsep pengangkutan awam percuma, SMARTSelangor, dan lain-lainnya, negeri-negeri lain tidak mampu ataupun tidak boleh melakukan seperti yang berjaya yang dilakukan oleh negeri Selangor sebagai contoh.

Oleh itu, bukan sahaja pengangkutan awam kita amat-amat rendah mutunya untuk membantu rakyat kita memilih pengangkutan alternatif kepada menjadi tuan punya kereta, sudahlah kereta itu mahal, kita ditambah pula dengan kos-kos yang berkaitan dengannya yang juga tinggi. Harga minyak sebagai mana kita dengar tadi tinggi, jalan raya, lebuhraya ada bayaran tol di segenap- kalau di Kuala Lumpur ini pun bukan sahaja kita hendak di Kuala Lumpur ke Kuantan ataupun ke Kota Bharu atau ke Ipoh kena tol, dalam Bandaraya Kuala Lumpur sendiri pun jumpa sahaja satu jalan yang baru yang kita belum tahu dan sebagainya, sudah pasti jalan baru itu akan ada di satu tempat sebelum kita keluar daripada jalan itu di *station* tolnya.

Jadi kos kereta amat tinggi, *roadtax* kita tinggi, harga minyak kita tinggi, pengangkutan awam kita rendah, kita rasa tidak memadai kalau diturunkan berasaskan kepada CC kereta itu kepada 65 kepada 60 peratus.

Itu pula Tuan Yang di-Pertua, kita belum menganggap satu yang amat penting untuk dipertimbangkan- satu lagi yang kita perlu pertimbangkan bahawa harga kereta kita ini untuk yang diimport ada pula cukai AP. Jadi ini perkara-perkara yang ditanggung oleh rakyat Malaysia, dan oleh sebab itu masanya sudah sampai untuk kita bukan sahaja menurunkan 65 kepada 60 tetapi lebih daripada itu dan keduanya *point* utama saya perkiraan cukai kereta,



duti kereta seharusnya tidak lagi berlandaskan kepada CC kapasiti enjin kereta itu sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar

#### **7.34 mlm.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dua bahagian yang saya akan tekankan adalah yang pertama berkenaan dengan penurunan duti eksais 65 peratus kepada 60 peratus untuk MPV dan SUV. Ia bersangkutan paut dengan kapasiti kurang daripada 1,500 CC. Persoalan-persoalan yang saya ingin adalah apakah mekanisme yang telah digunakan oleh kerajaan untuk mengenal pasti kekurangan duti eksais ini akan menyebabkan penurunan harga jualan kepada kereta-kereta MPV dan SUV ini.

Ini adalah kerana mengikut pengalaman kita, apabila kita bandingkan dengan kereta biasa di mana kita juga kita telah bahas dan telah turunkan duti eksais daripada *65 percent* kepada *60 percent* untuk kereta biasa penggal ini juga. Namun realitinya kita nampak kereta biasa harganya masih lagi sama, kita tidak nampak pengurangan lima peratus duti eksais untuk kereta biasa dipraktikkan ataupun di aplikasikan apabila kita membeli kereta di luar. Malahan setelah *65 percent* dikurangkan kepada *60 percent*, harga kereta untuk beberapa jenis kereta telah bertambah.

Jadi apa komitmen kerajaan, bagaimana kajian telah dibuat oleh kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu guna platform ini untuk memberi satu bukan sahaja komitmen malahan penerangan dan penjelasan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan tadi dengan pengurangan eksais ini daripada *65 percent* kepada *60 percent*, penurunan harga jualan akan dicapai. Itu adalah perkataan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tetapi seperti yang saya bangkitkan tadi untuk kereta biasa yang kita luluskan sebelum ini pun secara partikelnya tidak ada penurunan harga malahan ada peningkatan harga.

So apakah MPV dan SUV yang kita bangkitkan sekarang penurunan *65 percent* kepada *60 percent* ini akan mencapai matlamat yang sama. Selain daripada itu, sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi satu komitmen bahawa akan ada penurunan harga jualan apakah mekanisme-mekanisme yang akan di bawa oleh kementerian untuk memastikan bahawa penurunan harga jualan ini untuk MPV dan SUV ini dicapai dalam masa yang terdekat.

Pada waktu yang sama apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengaitkan perkataan penurunan harga jualan untuk MPV dan SUV, itu bermaksud kita sedang galakan peningkatan dalam jualan kereta. Kerajaan ada objektif untuk membenarkan jualan kereta meningkat. Akan tetapi kita juga ada rintihan-rintihan khususnya di ibu kota yang mengatakan bahawa lambakan kereta terlalu banyak menyebabkan trafik jem dan sebagainya. So untuk ibu kota seperti khususnya Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka, Johor Bahru dan sebagainya apakah pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan objektif penurunan harga

jualan untuk meningkatkan *demand* untuk kereta MPV SUV dan kereta biasa ini akan juga diimbangkan dengan rintihan bahawa lambakan kereta ini dapat dikurangkan.

Seterusnya juga ramai yang beli MPV dan SUV sekarang Tuan Yang di-Pertua, kerana satu untuk membawa keluarga kerana ia tujuh *seat* dan sembilan *seat* dan sebagainya boleh menampung keluarga. Dulu hendak bawa *you know* ahli keluarga ini payah kalau kereta biasa. Jadi dari sudut itu, walaupun mereka beli kereta yang MPV dan SUV ini masalah yang utama rintihan rakyat biasa adalah jalan yang berlubang, jalan yang tidak diturap, so beli kereta macam mana pun dalam masa setahun, dua tahun sudah bergoyang-goyang sudah. Boleh dengar bunyi enjin dan sebagainya *you know*. So ini pun perlu diberi perhatian oleh kementerian supaya memastikan kereta-kereta yang dibeli digunakan sebaik mungkin oleh masyarakat biasa terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri

### 7.38 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Kapar.

Untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat Kepong, contoh lah saya boleh bagi di sini apabila penurunan kadar eksais daripada 65 peratus turun kepada 60 peratus, satu jenis kereta *Toyota Rush 1.5 (automatic transmission)*, penjimatan sebanyak RM2,435 satu kereta. Kalau *Avanza 1.5 (automatic transmission)* juga menjimatkan sehingga RM1,955. Kalau Perodua ini tidak banyak sangat sebab dia banyak komponen tempatan, penjimatan dalam RM100. Kalau *Honda* penjimatan sehingga RM350 hitung panjang. Jadi dari segi jumlahnya kita tidak dapat lihat lah sebab ia bergantung daripada jumlah-jumlah jualan.

Kemudian Yang Berhormat Tumpat mengatakan bahawa apakah keuntungan kepada rakyat secara langsung yang saya sebutkan tadi tetapi kita kena ingat jualan kereta harga penentuan harga kereta, dengan izin, *on the road* ini dia banyak faktor bukan hanya sekadar dari sudut *excise duty*.

### ■1940

*Excise duty* ini sebenarnya memang membantu rakyat untuk mengurangkan harga tetapi ia terpulang kepada strategi masing-masing sama ada *Honda*, *Toyota* ataupun kereta Proton, Perodua dan sebagainya. Mereka ada contohnya daripada segi margin, margin yang patut mereka ambil dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama banyak juga yang mereka buat terutama hujung tahun ini ada *sales promotion*, ada *sales discount*.

Jadi semua-semua ini sudah tentulah mempengaruhi harga kereta tetapi dalam masa yang sama juga secara umum, macam Yang Berhormat Bayan Baru sebut tadi, kenapa harga kereta naik sedangkan janjinya turun. Kita kena ingat faktor kenaikan harga kereta ini boleh dikatakan harga kereta di Malaysia ini memang kita *assemble* di sini tetapi banyak

komponennya, enjin dan sebagainya adalah daripada luar negara. Jadi faktor kenaikan pertukaran wang asing dan sebagainya juga mempengaruhi harga tersebut.

Jadi Yang Berhormat Tumpat juga menambah berkaitan dengan pengangkutan awam yang katanya masih kurang tetapi dikatakan di Selangor itu hebat. Saya pun hairan sedangkan kita sudah ada LRT, kita sudah wujudkan MRT, kita ada *Rapid bus* dan sebagainya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Masalah yang kita hadapi sekarang ialah walaupun kita ada LRT, MRT tetapi oleh kerana- saya belum habis sebut *sat*, tabiat kita ini, budaya kita ini masih lagi lebih suka bawa kereta sendiri untuk ke tempat kerja dan sebagainya. Itu terpulang kepada diri masing-masing.

Yang Berhormat Kapar menyatakan bagaimana mekanisme harga kereta ditetapkan. Kita ada duti import, kita ada duti eksais, kita ada cukai jualan dan sudah tentu kita ada GST. Jadi bagaimana hendak turunkan harga kereta itu selain daripada yang telah ditetapkan, saya sebutkan tadi, banyak caranya. Terpulang kepada agensi ataupun pengedar kereta itu sendiri sama ada hendak meningkatkan margin masing-masing atau hendak *sacrifice margin*, mungkin juga hendak buat *promotion* dan sebagainya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Akan tetapi saya hendak sentuh sedikit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru ini dia *pi* kait dengan tajuk yang saya kira tidaklah berapa hendak kena sangat dengan ini tetapi pun saya tengok caranya itu macam marah sangat kepada Kerajaan Barisan Nasional ini fasal apa. Rakyat didahulukan, janji ditepati, memberikan *false hope*. Ya, sebab kita kena ingat, peletakan harga ini bukan bagi kerajaan yang tentukan. Kerajaan meletakkan dasar berapa *import duty*, berapa *excise duty*, itu kerajaan. Akan tetapi yang lain, pengaruhnya, penentuan harga itu ditentukan oleh faktor-faktor lain. Faktor yang saya sebutkan awal tadi. Pengimportan, barangan, kenaikan harga, komponen dan sebagainya. Jadi saya rasa tidak berapa kenalah Yang Berhormat Bayan Baru hendak sebut.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Sedangkan kita pun tengok daripada segi jualan pun semakin meningkat. Kemudian, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sekejap ya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, jangan lari Yang Berhormat Menteri. Saya mewakili orang-orang muda tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah habis Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah

kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan ST 63/2017 disahkan hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

### **7.43 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 18(3), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST 64/2017 disahkan”.

Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda Jadual Kedua dalam Butiran 18 di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Perbekalan dikecualikan 2014 dengan menggantikan sub butiran 1 yang berikut. Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh:

- (a) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]; atau
- (b) mana-mana kemudahan yang diuruskan oleh mana-mana universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] bagi maksud kesihatan.

Sub butiran 2(g) juga dipinda untuk memotong perkataan ‘oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen’ dan sub butiran 2(h) untuk memotong ‘yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen’. Pindaan ini dibuat bagi membolehkan hospital pengajar universiti dan pusat kesihatan universiti untuk mendapat layanan yang sama dengan hospital swasta yang lain. Melalui pindaan ini, hospital pengajar universiti dan pusat kesihatan universiti tidak lagi perlu mengenakan GST ke atas perkhidmatan kesihatan yang dibekalkan mereka. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Kapar. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**7.46 mlm.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Lima minit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Terima kasih. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah pengecualian cukai GST ini kepada mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang didaftarkan di bawah lesen, yang dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Kesihatan Swasta [Akta 586] itu yang dikecualikan ini termasuk daripada segi konsultasi dan juga rawatan, pembekalan ubat-ubatan, perkhidmatan ambulans, pembekalan penginapan yang juga berkaitan dengan soal pemeriksaan X-ray, makanan, bilik dan sebagainya. Ini kerana saya fikir bahawa sesuatu yang sangat penting untuk mengurangkan beban kos yang terpaksa ditanggung oleh pesakit yang mendapat perkhidmatan daripada hospital swasta kerana tidak terdapat perkhidmatan-perkhidmatan ataupun kepakaran tertentu di hospital kerajaan. Apatah lagi dalam hal-hal yang berkaitan dengan peralatan-peralatan yang membabitkan pembedahan.

Saya semalam menziarahi seseorang penduduk kawasan Pokok Sena, orang India yang terpaksa melalui pembedahan. Setahun yang lalu, dia telah melalui pembedahan untuk *spinal*, tulang belakang bentuk S itu, 32 skru dimasukkan dan kelmarin dia terpaksa datang dan dibedah lagi untuk ganti 12 skru daripada di belakang Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab skru itu mungkin longgar ataupun ada yang patah dan sebagainya- 12 skru. 1 skru RM2,300 dan diberitahu kepada saya, termasuk GST.

Jadi ini bagi saya satu yang sangat membebankan. Begitu juga dengan pesakit-pesakit yang kritikal umpama contoh macam kanser dan sebagainya, yang mereka memerlukan makanan tambahan untuk memberikan kekuatan kepada mereka, susu dan sebagainya, juga dikenakan GST. Jadi sepatutnya kerajaan lebih melihat kepada perkara-perkara yang seperti ini untuk meringankan beban-beban kepada rakyat dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya hendak tanya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada? Hendak tanya. Sila, sila.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Pohon pencelahan dan tanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat Pokok Sena faham bahawa ini adalah suatu kesilapan di pihak kerajaan kerana tertinggal di bawah universiti, pusat-pusat kesihatan, ia tertinggal.

Jadi dia hendak betulkan balik. Itu kita setujuh tetapi ia berkuat kuasa 1 September 2017. Maknanya sebelum ini orang sudah bayar GST. Adakah Yang Berhormat hendak bertanya kepada kerajaan, sepatutnya orang yang sudah bayar dahulu, maka mereka patut diberikan balik supaya mereka dapat balik hak mereka di atas undang-undang yang sangat menyusahkan rakyat melalui GST ini... [Tepuk]

## ■1950

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Tumpat, saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Tumpat supaya kerajaan mesti membayar balik kepada mereka, mereka sudah bayar. Antara universiti yang menjalankan hal yang berkaitan dengan kesihatan ini ialah Insaniah.

Insaniah ini, fakulti bidang perubatan ini sudah hendak ditutup. Mungkin mereka telah pun terpaksa membayar sebelum ini. Universiti ini ditutup kerana hendak dijual bidang perubatan itu kepada satu universiti yang lain iaitu CUCMS di Cyberjaya. Jadi bagi saya, adalah tidak wajar, maknanya sudah terbeban, sudah kena 'cocok bahagian *medical* ini. Jadi bagi saya adalah satu yang sangat wajar seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tumpat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, ini memang satu usul yang penting, sebenarnya ini perlu dibuat lebih awal lagi kerana kemudahan kesihatan dan juga universiti-universiti kena bayar dan ini menambahkan beban kepada pesakit. Saya nampak Yang Berhormat Padang Rengas tidak berminat kerana di situ tidak ada kemudahan kesihatan swasta dan tidak ada universiti. Saya akan bantu dia, cadang supaya Universiti Sultan Azlan Shah itu ada Kolej Perubatan, diadakan di Padang Rengas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Setuju, setuju!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Ketawa] Lain kali dia berminatlah tu. Tuan Pengerusi, adakah dengan adakan usul ini diluluskan, itu barang-barang bukan sahaja alat-alat dan sebagainya akan dikecualikan GST. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah sahaja yang dikecualikan GST di kemudahan di hospital.

## 7.52 mlm

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, ini berkaitan dengan GST untuk Penjagaan Kesihatan Swasta dan juga Hospital dan juga universiti yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan. Tiada GST lagi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian itu adalah satu pendekatan yang terbaik khususnya kepada penjagaan kesihatan dan juga kolej dan juga universiti.

Akan tetapi, saya risau, kadang-kadang kita buat pendekatan begini selepas itu dua tahun, tiga tahun kemudian kita menaikkan balik. So, saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberi komitmen bahawa benda ini akan diteruskan tanpa ada sebarang gangguan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan universiti dan pendidikan, baik kita bagi GST sifar sekurang-kurangnya. Ya silakan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sedikit sahaja, Cuma untuk hospital di bawah universiti khususnya sebagai contoh UMMC. Di mana sebahagian daripada UMMC ini adalah swasta. Jadi bagaimana pengecualian GST itu untuk pesakit yang di hospital awam dan pesakit yang menikmati bahagian *private wing* di UMMC ini. Apakah cara untuk mengasingkan *private wing* dan yang bayaran kerajaan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya juga ingin penjelasan Yang Berhormat Kapar. Sekarang ini hospital swasta memang kita tahu *exempted* dan sekarang

ini hospital pengajar juga akan di-*exempted*, dikecualikan. Cuma soalnya ialah begini, walaupun hospital pengajar ini, dia *exempted from GST*, saya tertanya-tanya sama ada input dia, dia beli barang, dia beli *supply* dan sebagainya, sudah tertentu dia terpaksa membayar inputnya. Jadi kalau dia tidak boleh mengenakan GST, maknanya dia akan menaikkan harga ataupun bayaran terutamanya kepada pesakit-pesakit yang datang kepada situ. Jadi bolehkah jelaskan sedikit mengenai *zero rated* dengan *exempted* ini, kesannya atas harga servis yang diberi. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta jasa baik Tuan Pengerusi izinkan kedua-dua Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Kota Raja dimasukkan ke dalam ucapan saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

Pada waktu yang sama saya ingin bagi pandangan saya khususnya untuk pendidikan dan juga kesihatan, kalau boleh GST tidak boleh dikenakan. Ini adalah untuk manfaat bersama, khususnya untuk masa kini. Kalau yang ini juga boleh dipanjangkan untuk bekalan ubat, khususnya untuk penyakit-penyakit kronik. Kita telah bincang panjang lebar beberapa kali kita telah bangkitkan tentang harga ubat yang semakin hari semakin meningkat.

Sekiranya ada komitmen daripada kerajaan juga untuk memastikan ubat tidak dikenakan cukai dan sebagainya itu akan bermanfaat banyak masyarakat di bawah. Selain daripada ubat, ada juga beberapa kali saya telah bangkitkan beberapa peralatan-peralatan yang diperlukan untuk masyarakat seperti kerusi roda dan sebagainya. Saya mengetahui bahawa kerusi roda telah di-*exempted* GST kalau tidak silap saya baru-baru ini.

Akan tetapi ada juga pelbagai lagi perkakas-perkakas dan barang-barang lain yang memerlukan *exemption of GST*, khususnya macam alat pendengaran dan sebagainya. Benda-benda begini adalah sesuatu yang diperlukan oleh pesakit-pesakit ini. Jadi kerajaan perlu memandang isu-isu khusus ini dalam konteks yang terbuka supaya rakyat yang memerlukan, mereka bukan hendak sangat tetapi mereka memerlukan. Kalau tidak ada benda-benda ini, mereka tidak boleh menjalankan kegiatan harian macam kita, macam orang biasa. Oleh sebab itu pendekatan untuk mereka perlu diberi pengkhususan dari sudut pelan-pelan atau rancangan atau polisi-polisi yang dibawa oleh kementerian yang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 9.57 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan-rakan dari Pokok Sena, Tumpat, Kepong, Kapar dan juga Kota Raja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini cerita sikitlah, dekat hendak habis sudah ini. 'Hospital pengajar' bermaksud hospital yang ditubuhkan, diuruskan, dikelolakan oleh mana-mana universiti yang diperbadankan di bawah Akta AUKU, Akta Universiti dan Kolej Universiti. Atau ditubuhkan di bawah Akta UiTM [Akta 173].

Terdapat lima HPU ketika ini iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Canselor Tuanku Mukhriz di UKM, Hospital Universiti Sains (HUSM), Hospital Universiti Islam Antarabangsa (HUIM) dan Pusat Pakar Perubatan UiTM. Kesemua HPU ini mengendalikan latihan kepada pelajar perubatan dan pergigian di samping menyediakan klinik kesihatan termasuk kepada kakitangan dan juga pelajar itu sendiri.

Kemudian sebahagian kita sedar bahawa sebelum ini mereka tidak masuk dalam kategori kena *exemption* ini. Cerita tidak masuk ini, cerita dia macam ini. Sebelum ini, pihak-pihak universiti ini, dia orang kata dia orang ini tidak mahu masuk dalam Akta 586 iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu di bawah Butiran 18 Jadual Kedua Perintah GST Perbekalan yang dikecualikan pada 2014. Kemudian, oleh kerana mereka tidak masuk dalam akta ini maka mereka tidak dapat layanan pengecualian GST.

Selepas itu beberapa siri perbincangan telah dibuat dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya HPU ini didaftarkan di bawah Akta 586, apa semua inilah. Kemudian mereka sudah mohon, jadi kita layanlah, kita bagilah. Jadi macam Yang Berhormat Tumpat kata tadi, contoh bayaran yang dibuat sebelum ini hendak *claim*, tidak bolehlah. Ia *claim effective date, we don't back date*.

Untuk makluman Dewan juga, kesan daripada keputusan ini, sebanyak RM37.5 juta yang sepatutnya dibayar oleh mereka tetapi tidak dibayar. Jadi apabila tidak bayar itu pula, mereka ini akan menuntut- sudah mereka tidak ada ini, ia akan menuntut daripada Kementerian Kewangan sebagai bajet tambahan atau belanjawan tambahan tahunan KPT.

#### ■2000

Jadi kerajaan kena *cover*-lah balik. Jadi saya ingat tujuannya adalah untuk hendak bagi sama balik mungkin macam Yang Berhormat Tumpat kata 'kot' lah sebelum ini terlepas pandang. Terlepas pandang ini *is not because of us*. Bukan kerana Kementerian Kewangan ataupun tak bagi tapi dek kerana sebab dia orang kata kalau di bawah Akta 586 itu dia ada pula kawal selia tajuk lain pula. Sedangkan mereka ini kata kita ini pusat hospital mengajar. Jadi dia adalah sedikit 586 ini dia ada tuntutan berbeza, kawal selia yang berbeza jadi dia orang tak mahu masuk. Akan tetapi hari ini mereka sedar bahawa oleh kerana mungkin sudah terasa dua tahun ini kerana GST itu mungkinlah menyebabkan lebih kepada kos mereka jadi mereka minta kita masuk.

Oleh sebab itulah kita luluskan yang Yang Berhormat Kepong minta tadi contoh- saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong- doktor juga. Dia pun faham tajuk ini. Jadi untuk makluman mana-mana yang terlibat dengan Akta 586 ini semua dikecualikan daripada GST lah. Jadi *whether it is* sama lah macam Yang Berhormat Pokok Sena tanya *consultancy* kah, perawatan, ambulan apa semua ini sepatutnyalah. Kalau mungkin ada kot-kot saya tak tau kalau ada orang caj tak tentu arah ini *report to us, we will take the necessary action*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang



tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 6 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST64/2017 disahkan hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ke-13, 2017 telah berlangsung selama 25 hari mulai dari hari Isnin 23 Oktober 2017 hingga hari Khamis 30 November 2017.

Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat kali ini disempurnakan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa... *[Tepuk]* Serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul pada hari esok 1 Disember 2017 bersamaan 12 Rabiulawal 1439 Hijriah kepada seluruh kaum Muslimin.

Saya juga mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas yang akan disambut pada 25 Disember 2017 ini kepada mereka yang beragama Kristian, dan Selamat Tahun Baru 2018 yang bakal menjelang tidak lama lagi kepada semua.

Semoga selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.04 malam.]***